LAPORAN TAHUNAN 2019

PELESTARIAN ALAM SEMULA JADI DAN EKOPELANCONGAN

LADA

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

WWW.LADA.GOV.MY

"SEKALI MERENGKUH DAYUNG, DUA TIGA PULAU TERLAMPAU"

Ungkapan peribahasa mengandungi keunggulan pemikiran yang terhasil daripada pengalaman hidup dan ketajaman pemerhatian orang dahulu terhadap alam sekitar dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka. Peribahasa *Sekali Merengkuh Dayung, Dua Tiga Pulau Terlampau* membawa maksud sekali melakukan pekerjaan, dua atau tiga maksud tercapai.

Pengajaran dan iktibar yang boleh diambil daripada peribahasa ini ialah dalam melaksanakan sesuatu tugasan, kita boleh mencapai beberapa matlamat atau objektif. Nilai murni ini cuba diterapkan kepada semua warga kerja LADA dalam usaha membangunkan Langkawi sebagai sebuah pulau ekopelancongan bertaraf dunia.

Merealisasikan hasrat ini, LADA sentiasa komited untuk berganding bahu bersama-sama agensi, jabatan, pemain industri serta komuniti setempat. Setiap individu memainkan peranan dan berkongsi matlamat untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan serta memberi manfaat dan faedah kepada semua.

Dalam usaha ini, LADA akan sentiasa memastikan setiap amanah dan tanggungjawab dapat dilaksanakan secara berterusan sehingga impian menjadikan Langkawi sebagai destinasi ekopelancongan utama menjadi kenyataan.

KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN 06
- Sekilas Pandang 08
- Profil Korporat 09
- Visi & Misi 10
- Fungsi & Peranan LADA 11
- Pengiktirafan 12

2.0 PERUTUSAN 14
- Perutusan Pengerusi Bersama 16
  - YB Timbalan Menteri Kewangan
  - YAB Menteri Besar Kedah
- Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif LADA 18

3.0 JEMAAH PENGARAH LADA & JAWATANKUASA 20
- Jemaah Pengarah LADA 22
- Jawatankuasa LADA 24
  - Jawatankuasa Audit
  - Jawatankuasa Kewangan
  - Jawatankuasa Perkhidmatan

4.0 MENCIPTA NILAI 30
- Prestasi Pencapaian Tahun 2019 32

5.0 NADI PULAU LANGKAWI 34
- Bahagian Pelancongan 37
- Bahagian Perancangan 60
- Bahagian Kejuruteraan Teknikal 70
- Bahagian Pelaburan & Pemudah Cara Perniagaan 74

6.0 MEMPERKASAKAN ORGANISASI & SUMBER 78
- Bahagian Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan 82
- Bahagian Teknologi Maklumat 92
- Bahagian Pengurusan Aset 96
- Unit Khidmat Korporat 102
- Unit Audit Dalam 114
- Unit Undang-Undang 118
- Unit Pemantauan & Pelaksanaan 122
- Unit Integriti 132
- Bahagian Kewangan 140

7.0 RAKAN STRATEGIK 144
- Panorama Langkawi Sdn. Bhd. 147
- LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. 154

8.0 PENYATA KEWANGAN 160

1.0 PENGENALAN

SEKILAS PANDANG	08
PROFIL KORPORAT	09
VISI & MISI	10
FUNGSI & PERANAN LADA	11
PENGIKTIRAFAN	12

SEKILAS PANDANG

SIAPA KAMI?

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah diperbadankan di bawah Akta Parlimen (Akta 423) dan ditubuhkan pada 15 Mac 1990. LADA merupakan sebuah agensi Badan Berkanun yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia untuk membangunkan Langkawi serta memajukannya sebagai destinasi ekopelancongan utama dunia.

LADA mendapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah. Ia melalui gandingan YB Timbalan Menteri Kewangan dan YAB Menteri Besar Kedah yang bertindak sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui kepimpinan Jemaah Pengarah demi memastikan hasrat dan matlamat penubuhan tercapai. Berteraskan pembangunan bersepadu melalui perancangan strategik, amalan pengurusan terbaik dan kolaborasi dengan agensi kerajaan, industri serta pemimpin masyarakat menjadi agenda utama di LADA.

AGENDA KAMI

LADA mendapat mandat dan kepercayaan daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan aktiviti pembangunan sesuai dengan dasar LADA, iaitu:

- Melaksanakan aktiviti pelancongan, komersial atau industri;
- Menjalinkan kerjasama pintar dengan pihak ketiga dalam melaksanakan aktiviti yang telah dirancang; dan
- Menyediakan kemudahan khidmat nasihat dan bantuan kewangan atau seumpamanya kepada rakan kongsi pintar yang mempunyai keupayaan melaksanakan aktiviti pelancongan, komersial dan industri.

Selain daripada itu, LADA juga merupakan agensi penyelaras yang melaksanakan perancangan serta pembangunan geopark dalam memastikan kelestarian sumber warisan di Langkawi.

PROFIL KORPORAT

LADA diperbadankan di bawah Akta Parlimen untuk membangunkan Langkawi serta memajukannya sebagai **destinasi ekopelancongan utama di dunia.**

AGENSI DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KEWANGAN

Ditubuhkan pada 15 Mac 1990 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan Malaysia.

KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS

Mendapat sokongan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah melalui kepimpinan YB Timbalan Menteri Kewangan dan YAB Menteri Besar Kedah yang menerajui Ahli Jemaah Pengarah LADA.

TERAS

Mengutamakan pembangunan bersepadu melalui amalan pengurusan terbaik, perancangan strategik dan kolaborasi bersama-sama agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, industri dan kepimpinan masyarakat.

VISI & MISI

VISI

Menjadi agensi peneraju untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi ekopelancongan bertaraf dunia.

MISI

Menggerakkan pelaksanaan pembangunan industri pelancongan di Langkawi yang memberi manfaat kepada masyarakat, negeri dan negara melalui perancangan strategik serta tadbir urus berkesan.

FUNGSI & PERANAN LADA

PELANCONGAN DAN KAWASAN BEBAS CUKAI

- Merangka strategi menyeluruh untuk pembangunan pelancongan komersial dan perniagaan bebas cukai;
- Bertindak sebagai penyelaras dengan merangka inisiatif mekanisme yang efektif;
- Melaksana, menguruskan program dan projek pembangunan pelancongan; dan
- Membangun, memperkasakan struktur infrastruktur dan pemudah cara pentadbiran serta sistem penyampaian.

PELABURAN

- Menggalakkan pelaburan swasta untuk membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan melalui perancangan dan pengurusan strategik; dan
- Melaksanakan sebahagian perancangan fizikal dan ruang untuk menggalakkan pelaburan swasta.

SOSIOEKONOMI, INFRA DAN KEMUDAHAN

- Mewujud, menggalak dan mengusahakan program pembangunan sosioekonomi;
- Menyelaras program dan aktiviti berteraskan pelancongan serta kemasyarakatan;
- Merencana, menyelaras dan melaksanakan program ekonomi yang melibatkan komuniti setempat; dan
- Memaju, menggalak, memudah dan mengusahakan pembangunan pelancongan, infrastruktur dan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian serta komersial.

PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

PENGIKTIRAFAN PELANCONGAN

MALAYSIA'S LEADING FAMILY RESORT

Malaysia's Leading Family Resort
- Four Seasons Langkawi,
4 Januari 2019

MOST ROMANTIC SPA DESTINATION

Most Romantic Spa Destination
- St. Regis Langkawi
(Harper's Bazaar Awards) 22 Februari 2019

ROUTES ASIA 2019 MARKETING AWARDS

"Highly Commended" recognition in the
"Under 4 million passengers" category
– Langkawi International Airport
(Routes Asia 2019 Marketing Awards), 11 Mac 2019

BEST TOURISM EXPERIENCE IN M'SIA

Best Tourism Experience in M'sia -
Mega Water Sports Jet Ski Tours
(TripAdvisor Travellers' Choice Award) Jun 2019

MOST CREATIVE TOUR PACKAGE

Most Creative Tour Package
- NAAM World Travel
& Tours (MATTA)
4 Julai 2019

THE BIG SLEEP AWARDS
(RUNNER UP FOR GRAND REDESIGN CATEGORY)

The Big Sleep Awards
(Runner up for Grand Redesign category)
- The Datai Langkawi (National Geographic)
30 Julai 2019

THE WORLD GREATEST PLACE
(TO STAY)

The World Greatest Place (to Stay)
- The Datai Langkawi (TIME Magazine)
Edisi September 2019

MALAYSIA'S LEADING RESORT

Malaysia's Leading Resort,
- Four Seasons Langkawi
- The Datai Langkawi
- The Ritz-Carlton Langkawi
- The St. Regis Langkawi
- The Westin Langkawi Resort & Spa
(worldtravelawards.com)
12 Oktober 2019

MALAYSIA'S LEADING VILLA RESORT

Malaysia's Leading Villa Resort,
- Four Seasons Langkawi
- The Datai Langkawi
(worldtravelawards.com)
12 Oktober 2019

PENGIKTIRAFAN PENGURUSAN

ISO 9001 QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (QMS)

ISO 9001 Quality Management System (QMS):
2018 – 2020

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
2019 – 2020

SIJIL AUDIT BERSIH DENGAN EMPHASIS OF MATTER (EOM)

Sijil Audit Bersih dengan Emphasis of Matter
(EOM) – Disember 2019

2.0 PERUTUSAN

PENGERUSI BERSAMA 16
- YB TIMBALAN MENTERI KEWANGAN
- YAB MENTERI BESAR KEDAH

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF 18

PERUTUSAN PENGERUSI BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI KEWANGAN

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Pelancongan merupakan komponen penting dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Pada tahun 2019, sektor pelancongan telah menyumbangkan RM86.14 bilion kepada ekonomi negara iaitu dengan peningkatan sebanyak 2.4% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini sekali gus menjadikan sektor pelancongan muncul sebagai penyumbang ketiga tertinggi kepada Pendapatan Negara Kasar.

Dalam sektor pelancongan negara, Langkawi masih terus kekal sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara dengan keunikan alam semula jadi flora dan fauna serta budaya penduduk setempat. Sasaran yang jelas, perancangan strategik dan pelaksanaan yang efektif merupakan ramuan penting dalam usaha untuk melonjakkan Langkawi sebagai sebuah destinasi ekopelancongan terbaik di dunia. Selain itu, Langkawi yang terkenal dengan keindahan dan kelestarian alam semula jadinya turut tersenarai sebagai *'The World's 100 Greatest Places of 2019 (To Stay)'* daripada Time Magazine, edisi September 2019. Ini membuktikan bahawa Langkawi adalah tempat yang terhebat untuk dilawati oleh mana-mana pelancong.

Menyedari potensi yang dimiliki, Kerajaan Pusat telah meneruskan perancangan memperkasa industri pelancongan di pulau ini dengan memfokuskan kepada pembangunan lestari berteraskan konsep ekopelancongan dan geopelancongan yang merangkumi aspek pembangunan inklusif, penggunaan teknologi hijau dan pemerkasaan warisan budaya setempat. Sebagai tanda konsisten dan sokongan, Kerajaan Pusat telah meluluskan 35 projek pada tahun 2019 dengan jumlah peruntukan RM78.94 juta bagi projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Justeru, usaha-usaha Kerajaan Pusat untuk terus memperkasa industri pelancongan Langkawi tidak akan terhenti setakat ini sahaja sebaliknya akan terus diberi perhatian demi menghadapi cabaran yang mendatang dan terus kekal relevan sebagai destinasi pelancongan utama bagi Malaysia.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kerana telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kerana LADA berjaya menjadi peneraju utama pembangunan di Langkawi.

YB DATO' WIRA IR. HAJI AMIRUDDIN HAMZAH
Timbalan Menteri Kewangan - Pengerusi Bersama

PERUTUSAN PENGERUSI BERSAMA YAB MENTERI BESAR KEDAH

SALAM KEDAH SERATA-RATA SALAM KEDAH AMAN MAKMUR SALAM NATURALLY LANGKAWI

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan LADA 2019 berjaya diterbitkan.

Langkawi telah diberi gelaran Permata Kedah kerana kaya dengan alam semula jadi yang telah terpelihara sejak berkurun lamanya. Keunikan dan kepelbagaian flora dan fauna sering menjadi tarikan kepada pelancong untuk melawat dan menikmati keindahannya.

Pada tahun 2019, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Kedah telah mencecah RM46.9 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 4.6% berbanding pada tahun 2018. Saya yakin, pencapaian positif ini turut melibatkan sumbangan Langkawi sebagai pulau pelancongan dengan kemasukan pelancong sebanyak 3.92 juta pada tahun ini. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman amat berbangga dengan pencapaian ini kerana Langkawi menjadi model kepada kejayaan pelancongan bukan sahaja di negeri Kedah, malah di Malaysia.

Saya percaya, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) akan terus komited sebagai peneraju industri pelancongan di Langkawi. Pada masa sama memastikan kelestarian ekopelancongan dipertahankan sebagai aset kepada tarikan pelancong. Saya juga yakin, kejayaan pembangunan ekonomi Langkawi akan dinikmati oleh masyarakat Langkawi seterusnya memberikan faedah sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat di pulau ini.

Kerajaan Negeri Kedah akan terus menyokong segala usaha yang dijalankan LADA. Saya percaya setiap tindakan dan inisiatif yang dirancang telah mengambil kira kepentingan pembangunan pelancongan dan masa hadapan penduduk Langkawi.

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada LADA kerana menerbitkan Laporan Tahunan 2019 ini. Semoga ia memberi manfaat kepada pembacanya untuk mendapat maklumat lanjut berkaitan aktiviti LADA dalam memakmurkan Langkawi.

YAB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN DR. MAHATHIR
Menteri Besar Kedah - Pengerusi Bersama

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan izin-Nya, Laporan Tahunan LADA 2019 berjaya diterbitkan. Dalam tempoh 29 tahun LADA menerajui pembangunan pelancongan di Langkawi, pelbagai perancangan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah berjaya dilaksanakan. Kini, Langkawi terus gemilang sebagai salah satu destinasi pelancongan tersohor di persada dunia.

Tahun 2019 merupakan detik gemilang yang mana Langkawi telah berjaya mencatatkan jumlah pelawat tertinggi iaitu 3.92 juta, peningkatan sebanyak 8.1% berbanding 3.63 juta pelawat pada tahun 2018. Industri pelancongan turut merekodkan pendapatan pelancong sebanyak RM1.72 bilion pada tahun yang sama. Sepanjang tahun 2019, sejumlah 16 penganjuran acara tempatan dan antarabangsa telah dilaksanakan dengan mencatatkan nilai ekonomi berjumlah RM36.5 juta dan nilai media sekitar RM39.2 juta.

Langkawi juga telah dipilih sebagai destinasi penerbangan terus yang baharu antara Doha-Langkawi oleh syarikat penerbangan antarabangsa Qatar Airways. Khidmat Qatar Airways yang bermula 15 Oktober 2019 dengan lima penerbangan seminggu telah menjadikan Langkawi sebuah destinasi yang mudah untuk dikunjungi pelancong dari lebih 150 destinasi dunia. Untuk menyahut cabaran pembangunan produk pelancongan yang baharu, LADA telah memulakan inisiatif menjenamakan semula Langkawi dengan mengetengahkan budaya asal penduduk Langkawi.

Dari sudut pembangunan lestari, Langkawi berjaya mengekalkan pengiktirafan daripada pihak UNESCO sebagai sebuah Global Geopark buat kali keempat, susulan proses penilaian daripada badan dunia itu pada Ogos 2019. Pengurusan Geopark telah dikembangkan fungsi dan skopnya dengan penubuhan Seksyen Geopark serta Kelestarian yang bertujuan mengarusperdanakan tanggungjawab LADA dalam pelbagai aspek kelestarian pembangunan. Selain itu, LADA turut merangka hala tuju baharu bagi pembangunan komuniti yang lebih inklusif agar tiada penduduk yang tertinggal dan terpinggir daripada arus pemodenan Langkawi.

Segala usaha LADA membangunkan Langkawi tidak akan membuahkan hasil tanpa sokongan dan keterlibatan agensi dan jabatan kerajaan, penggiat industri pelancongan, badan bukan kerajaan (NGO) serta seluruh warga pulau. Adalah menjadi harapan saya agar prestasi dan pencapaian cemerlang yang digarap bersama akan terus dipertingkatkan demi masa hadapan yang lebih makmur dan sejahtera.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Jemaah Pengarah LADA terutamanya Pengerusi Bersamanya iaitu YB Dato' Wira Ir. Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan dan YAB Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah, di atas kebijaksanaan mereka menetapkan hala tuju LADA. Sekalung penghargaan juga buat barisan pemimpin masyarakat Langkawi, agensi kerajaan dan swasta, NGO dan individu yang sentiasa memberi pandangan dan inspirasi kepada LADA dalam mencorakkan ekonomi pulau. Tidak lupa kepada semua warga kerja LADA yang sentiasa memberi komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Saya akhiri dengan ucapan terima kasih daun keladi.

Sekian.

DR. HEZRI ADNAN
Ketua Pegawai Eksekutif LADA

3.0 JEMAAH PENGARAH LADA & JAWATANKUASA

JEMAAH PENGARAH LADA 22

JAWATANKUASA LADA 24
- JAWATANKUASA AUDIT
- JAWATANKUASA KEWANGAN
- JAWATANKUASA PERKHIDMATAN

JEMAAH PENGARAH LADA

Akta Lembaga Pembangunan Langkawi (Akta 423) menetapkan keanggotaan Lembaga Pengarah LADA seramai lima (5) orang yang terdiri daripada dua (2) orang Pengerusi Bersama iaitu seorang daripadanya adalah Menteri Besar Kedah dan seorang lagi yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Pengerusi Bersama LADA telah melantik tiga (3) Ahli Lembaga Pengarah yang berkebolehan dan berintegriti, iaitu seorang wakil daripada Kementerian Kewangan, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Komposisi Ahli Lembaga Pengarah LADA mencerminkan kerjasama erat serta komitmen yang tinggi antara Kerajaan Pusat dan Kerajaaan Negeri dalam memacu pembangunan pelancongan Langkawi.

Lembaga Pengarah merupakan Jawatankuasa Tertinggi yang meluluskan perkara-perkara dasar dan strategik yang berkaitan dengan pelancongan, pelaburan, perancangan dan pembangunan, tadbir urus serta pengurusan LADA. Pada tahun 2019, mesyuarat Jemaah Pengarah telah diadakan sebanyak tiga (3) kali, manakala sebanyak lima (5) kertas edaran secara resolusi telah dipertimbangkan dan diluluskan.

YAB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR
Menteri Besar Kedah Darul Aman - Pengerusi Bersama

YB DATO' WIRA IR. HAJI AMIRUDDIN HAMZAH
Timbalan Menteri Kewangan - Pengerusi Bersama

YB DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah - Ahli

YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan - Ahli

YBHG. DATO' MUHAMAD BIN IDRIS
Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - Ahli

JEMAAH PENGARAH LADA & JAWATANKUASA

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

- Memajukan dan menggalakkan kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai;
- Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur. Selain itu, mereka juga bertindak membangunkan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi; dan
- Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas dalam kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi.

TADBIR URUS

'LADA komited mengekalkan piawaian tadbir urus yang tinggi melalui pelaksanaan kesemua empat prinsip keutuhan iaitu integriti, akauntabiliti, ketelusan dan amanah'.

Bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan LADA melaksanakan mandat yang telah diamanahkan di samping mengekalkan akauntabiliti dalam sistem penyampaian awam. Lembaga Pengarah telah menetapkan hala tuju strategik dalam usaha memperkasakan tadbir urus di LADA untuk memajukan Langkawi menjadi antara sepuluh destinasi ekopelancongan terbaik dunia.

JAWATANKUASA LADA

JAWATANKUASA DI BAWAH JEMAAH PENGARAH

Jemaah Pengarah telah mengagihkan tanggungjawab tertentu kepada tiga (3) jawatankuasa utama untuk mengawal selia perjalanan operasi LADA. Jawatankuasa ini mempunyai peranan masing-masing sebagaimana yang tertera dalam terma rujukan.

JAWATANKUASA AUDIT

KEANGGOTAAN
Pengerusi:
YBhg. Dato' Asri bin Hamidon

AHLI
- YBhg. Dato' Muhamad bin Idris (1 Oktober 2018 hingga 8 September 2019)
- YBrs. Tuan Haji Mohammad bin Ismail (9 September 2019 hingga 8 September 2022)
- YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim

JAWATANKUASA KEWANGAN

KEANGGOTAAN
Pengerusi:
YBhg. Dato' Muhamad bin Idris
(9 September 2019 hingga 8 September 2022)
YBrs. Tuan Haji Mohammad bin Ismail
(9 September 2019 hingga 8 September 2022)

AHLI
- Puan Nazhatun binti Md. Rejab
- YBrs. Dr. Hezri Adnan
- YBhg. Dato' Haji Mohd Asri Redha bin Abdul Rahman

JAWATANKUASA PERKHIDMATAN

KEANGGOTAAN
Pengerusi:
YB Dato' Paduka Haji Bakar bin Din

YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim

AHLI
- YBrs. Dr. Hezri Adnan
- YBhg. Dato' Haji Mohd Asri Redha bin Abdul Rahman
- YBrs. Tuan Haji Zepri bin Saad
- Encik Khalid bin Ibrahim

PERANAN / TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

JAWATANKUASA AUDIT

KEANGGOTAAN

- Jawatankuasa dianggotai oleh tiga (3) orang ahli yang terdiri daripada Ahli Jemaah Pengarah LADA;
- Pengerusinya dilantik oleh Lembaga Pengarah LADA dan merupakan wakil daripada Kementerian Kewangan/Perbendaharaan; dan
- Ketua Unit Audit Dalam akan bertindak sebagai Setiausaha.

BIDANG TUGAS

- Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya;
- Mengkaji keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman;
- Mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit Tahunan;
- Mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam dan Audit Luar serta memperakukan tindakan susulan kepada Lembaga Pengarah;
- Mengkaji dan menasihati Jemaah Pengarah berhubung Penyata Kewangan serta laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;
- Mengkaji dan menasihati Jemaah Pengarah berhubung maklumat prestasi aktiviti yang diaudit;
- Mengesan ketidakpatuhan peraturan dan tatakelakuan pegawai/kakitangan serta menyiasat sebarang pertikaian dalam organisasi;
- Memastikan LADA mengubah suai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan;
- Melaporkan sebarang penyelewengan/*fraud* untuk tindakan yang bersesuaian;
- Memastikan tidak terdapat sekatan atau batasan tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan pengauditan dan Unit Audit Dalam diberikan akses yang sesuai kepada maklumat dalam pelaksanaan tugasnya;
- Memastikan Unit Audit Dalam mempunyai sumber yang mencukupi dan kakitangan yang kompeten bagi membolehkan ia berfungsi dengan berkesan; dan
- Melaksanakan lain-lain fungsi yang ditetapkan oleh Jemaah Pengarah dari semasa ke semasa.

KEKERAPAN MESYUARAT

- Empat (4) kali setahun.

KUORUM

- Mesyuarat boleh dilaksanakan sekiranya 2/3 daripada Ahli Jawatankuasa hadir termasuk Pengerusi.

NOTIS

- Panggilan mesyuarat adalah dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dari tarikh mesyuarat atau notis singkat tertakluk kepada persetujuan ahli mesyuarat; dan
- Sekiranya kuorum mesyuarat tidak diperolehi, mesyuarat boleh ditunda ke suatu tarikh yang lain. Notis bagi memanggil semula mesyuarat perlu dikeluarkan secara bertulis sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

KEPUTUSAN MESYUARAT

- Semua keputusan mesyuarat memerlukan persetujuan semua ahli yang hadir; dan
- Minit mesyuarat disediakan dalam tempoh tujuh (7) hari dan perlu ditandatangani oleh Pengerusi.

PERATURAN BERKAITAN

Mengguna pakai:

- PS 3.1: Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- PS 3.2: Penubuhan Jawatankuasa Audit di peringkat Kementerian, Persekutuan dan Kerajaan Negeri; dan
- Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 dalam pelaksanaan Jawatankuasa Audit LADA.

JEMAAH PENGARAH LADA & JAWATANKUASA

JAWATANKUASA KEWANGAN

KEANGGOTAAN

- Jumlah keanggotaan adalah seramai lima (5) orang.

BIDANG TUGAS

- Meluluskan agihan bajet tahunan LADA;
- Memantau prestasi kewangan LADA;
- Meluluskan penetapan kadar sewaan terhadap aset LADA yang merangkumi premis kediaman, ruang pejabat, ruang perniagaan, tanah dan lain-lain aset LADA;
- Memperakukan mana-mana pekeliling yang berkuat kuasa bagi tujuan pindaan dan peraturan baharu yang tiada dalam mana-mana arahan, pekeliling atau surat pekeliling;
- Menilai dan memperakukan permohonan pajakan bagi pelaburan baharu di atas tanah milik LADA;
- Meluluskan perbelanjaan sumber dalaman LADA hingga RM200,000 bagi setiap permohonan menggunakan sumber dalaman dan tidak melebihi RM800,000 setahun;
- Meluluskan kos rawatan perubatan lanjut pegawai LADA dan keluarga di hospital/pusat pakar berjumlah melebihi RM20,000 menggunakan Peruntukan Mengurus LADA; dan
- Meluluskan kos rawatan lanjut kakitangan dan keluarga di Institut Jantung Negara.

KEKERAPAN MESYUARAT

- Empat (4) kali setahun.

KUORUM

- Minimum tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa termasuk seorang Pengerusi.

NOTIS

- Panggilan mesyuarat adalah dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dari tarikh mesyuarat atau notis singkat tertakluk kepada persetujuan ahli mesyuarat; dan
- Sekiranya kuorum mesyuarat tidak diperoleh, mesyuarat boleh ditunda ke suatu tarikh lain. Notis bagi memanggil semula mesyuarat perlu dikeluarkan secara bertulis sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

KEPUTUSAN MESYUARAT

- Semua keputusan mesyuarat memerlukan persetujuan semua ahli yang hadir;
- Minit mesyuarat akan disediakan oleh Setiausaha/ Urus Setia dan perlu ditandatangani oleh Pengerusi; dan
- Resolusi yang ditandatangani oleh Ahli Jawatankuasa (sebulat suara) dikira sah dan berkuat kuasa sebagai resolusi yang diluluskan dalam mesyuarat.

JAWATANKUASA PERKHIDMATAN

KEANGGOTAAN

- Jumlah keanggotaan adalah seramai lima (5) orang.

BIDANG TUGAS

- Menimbang, memperakukan dan meluluskan semua urusan pengurusan sumber manusia meliputi pengurusan modal insan, pengurusan prestasi dan perkhidmatan, pengurusan bakat serta pemberian kemudahan/ganjaran/elaun; dan
- Bertindak dalam bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

KEKERAPAN MESYUARAT

- Tiga (3) kali setahun.

KUORUM

- Minimum tiga (3) orang termasuk seorang Pengerusi.

NOTIS

- Panggilan mesyuarat adalah dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dari tarikh mesyuarat atau notis singkat tertakluk kepada persetujuan ahli mesyuarat; dan
- Sekiranya kuorum mesyuarat tidak diperolehi, mesyuarat boleh ditunda ke suatu tarikh lain. Notis untuk memanggil semula mesyuarat perlu dikeluarkan secara bertulis sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

KEPUTUSAN MESYUARAT

- Semua keputusan mesyuarat memerlukan undian majoriti mudah daripada semua ahli yang hadir;
- Minit mesyuarat akan disediakan oleh Setiausaha/ Urus Setia dan perlu ditandatangani oleh Pengerusi; dan
- Resolusi yang ditandatangani oleh Ahli Jawatankuasa secara majoriti dikira sah dan berkuat kuasa sebagai resolusi yang diluluskan dalam mesyuarat. Resolusi yang ditandatangani akan dimasukkan ke dalam buku minit jawatankuasa.

KUASA MELULUS

- Kuasa melulus Jawatankuasa Perkhidmatan adalah berdasarkan kuasa Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dan mengikut peraturan kerajaan.

4.0 MENCIPTA NILAI

PRESTASI PENCAPAIAN TAHUN 2019 32

MENCIPTA NILAI

PENCAPAIAN KPI TAHUN 2019

KETIBAAN PELAWAT

3,924,326

PELAWAT

PENDAPATAN PELANCONGAN

RM1.724 BILION

JUMLAH PELABURAN

RM5.35 BILION

KUTIPAN HASIL

RM43.09 JUTA

- Perkongsian Keuntungan Anak Syarikat (51.34%)
- Pelaburan Simpanan Tetap & Dividen (26.48%)
- Pajakan (8.53%)
- Yuran Pengurusan (2.71%)
- Sewaan (9.7%)
- Lain-lain (1.24%)

STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

90% SIAP

MENGIKUT JADUAL

STATUS PELAKSANAAN PROJEK/PROGRAM KOMUNITI

80% PROJEK PROGRAM

DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL

PENERBANGAN BERJADUAL

240 SEMINGGU

PENERBANGAN SEWA KHAS

65 PENERBANGAN

5.0 NADI LANGKAWI

BAHAGIAN PELANCONGAN	37
BAHAGIAN PERANCANGAN	60
BAHAGIAN KEJURUTERAAN TEKNIKAL	70
BAHAGIAN PELABURAN & PEMUDAH CARA PERNIAGAAN	74

PELANCONGAN NADI LANGKAWI

Populariti Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama negara tidak dapat disangkal lagi. **Pulau ini yang pernah dinobatkan sebagai 10 pulau dan destinasi ekopelancongan terbaik** pada tahun 2015 terus menempa nama sebagai destinasi pelancongan pilihan utama di Negeri Kedah Darul Aman. Namun begitu, cabaran sebenar bukan sekadar menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama, tetapi bagi mengekalkan statusnya agar terus menjadi destinasi pelancongan utama pilihan para pelancong. Perkara ini mungkin sukar tetapi tidak mustahil untuk dilaksanakan.

Berkat kesungguhan dan sokongan warga kerja LADA yang komited, impian ini dapat direalisasikan melalui perancangan strategik serta pelaksanaan dan pemantauan yang efektif. Kini, sektor pelancongan Langkawi kian menempa nama di persada dunia. Malah, pengiktirafan dan anugerah yang diperolehi membuktikan Pulau Langkawi sedang menuju ke arah impian yang dicita-citakan.



BAHAGIAN PELANCONGAN

PENGENALAN

Langkawi sememangnya telah terkenal sebagai sebuah destinasi pelancongan tempatan dan antarabangsa. LADA menggalas tanggungjawab untuk memajukan dan membangunkan Langkawi sebagai destinasi utama pelancongan. Ini dengan mengambil kira potensi sedia ada seperti landskap semula jadi dan sosiobudaya tempatan yang unik serta mempergiatkan sosioekonomi penduduk tempatan.

OBJEKTIF

LADA berhasrat menjadikan pelancongan di Langkawi sebagai sektor utama ekonomi yang lestari, berdaya maju dan berkualiti untuk menarik lebih ramai pelancong mengunjungi Langkawi sebagai destinasi percutian utama di rantau ini.

FUNGSI BAHAGIAN

I. Memajukan industri pelancongan bagi menjana sumber pendapatan dan pekerjaan untuk pembangunan Langkawi;

II. Mempromosikan sektor pelancongan di dalam dan luar negara secara profesional, efektif serta berterusan bagi memenuhi kehendak pelancong domestik dan antarabangsa;

III. Menggalakkan kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke Langkawi;

IV. Menyediakan dan mewujudkan suasana perkhidmatan pelancongan yang profesional;

V. Melaksanakan acara-acara peringkat antarabangsa dan tempatan yang dirancang dalam kalendar pelancongan; dan

VI. Meneliti dan mengkaji program-program anjuran pihak swasta agar selaras dengan misi LADA untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan.

TREND KEMASUKAN PELAWAT KE LANGKAWI 2000 – 2019



Jumlah kemasukan pelawat ke Langkawi dalam tempoh tahun 2000 sehingga 2019 adalah menggalakkan. Akibat krisis kewangan Asia dan wabak JE pada tahun 1997, peristiwa pengeboman di Bali pada tahun 2002 dan tsunami pada tahun 2004 telah merencat kemasukan pelawat ke Langkawi.

Namun, faktor alam semula jadi, status pulau bebas cukai dan kepelbagaian seni budaya tempatan, Langkawi terus menjadi pilihan untuk dilawati.

(Pelawat bermaksud orang yang datang untuk sesuatu tujuan sahaja dan dalam tempoh singkat)

JUMLAH KEMASUKAN PELANCONG DOMESTIK & ANTARABANGSA KE LANGKAWI 2017 – 2019



Jumlah kemasukan pelancong domestik dan antarabangsa ke Langkawi dalam tempoh 2017 – 2019 berada pada purata 1.5 juta orang. Pada tahun 2019, Langkawi mencatatkan sekitar 3.92 juta kedatangan pelancong yang memberikan anggaran pendapatan sebanyak RM1.7 bilion kepada 4,900 jenis perniagaan di Langkawi. Hampir 70% daripada 110,000 penduduk bergantung kepada industri pelancongan. Kebanyakan aktiviti pelancong domestik adalah untuk membeli-belah dan beristirahat, manakala pelancong antarabangsa pula ingin menikmati alam semula jadi.

KEANGGOTAAN LADA

A LADA sebagai Panel Penilai MyTQA (Malaysia Tourism Quality Assurance)

B LADA - Ahli Jawatankuasa Geopark Kebangsaan

C LADA - Ahli Jawatankuasa Penilaian Geopark Kebangsaan & UNESCO Global Geopark

PROGRAM PROMOSI PELANCONGAN ANTARABANGSA 2019

LATAR BELAKANG DAN KAJIAN PASARAN

Pada tahun 2019, pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menyertai tiga (3) program promosi antarabangsa seperti berikut:

Berikut perincian berkenaan kajian pasaran mengenai ketiga-tiga negara yang disertai melalui program promosi yang dihadiri oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA):

1.1 INTERNATIONALE TOURISMUS BÖRSE (ITB), BERLIN, GERMANY (6 – 10 MAC 2019)

ITB merupakan pameran perdagangan dan pengembaraan yang terbesar di Jerman. Ia merupakan platform platform bagi memasarkan perkhidmatan pelancongan global. Pameran ini biasanya disertai oleh 180 negara dengan kehadiran lebih 1,000 *top buyers* yang berkualiti dan 10,000 pempamer. Pada tahun 2019, pameran di Berlin ini merekodkan jumlah pelawat perdagangan seramai 113,500 orang dengan nilai perolehan sebanyak € 7 bilion (op EU 7 bilion).

Pelancong Jerman menduduki tempat ke-9 tertinggi dalam senarai 10 negara tertinggi melawat Langkawi iaitu seramai 12,202. United Kingdom pula menduduki tempat ke-3 tertinggi iaitu 27,910 orang pada tahun 2019.

Kajian oleh Tourism Review News mendapati orang Jerman gemar melancong di pelbagai destinasi atau negara pada masa percutian dan mereka gemar melakukan aktiviti pantai atau pelayaran *cruise*. Purata masa mereka menghabiskan percutian adalah selama 13 hari dan mereka amat mementingkan aspek keselamatan sebagai faktor utama semasa bercuti.

Selain daripada faktor keselamatan, inisiatif lestari juga menjadi trend terkini dengan 54% pelancong Jerman memilih percutian dan menyumbang terhadap kelestarian sesuatu tempat. Langkawi mempunyai aktiviti yang boleh dipromosikan secara lestari kerana mereka menghargai khazanah alam serta elemen *experiential tourism* iaitu pengalaman yang dialami sendiri oleh mereka.

Berlin adalah ibu kota terbesar di Jerman dan mempunyai penduduk kedua tertinggi di Eropah selepas London. Berlin terletak berhampiran dengan Brandenburg iaitu di tengah-tengah wilayah Berlin-Brandenburg dengan keluasan 891.8 km^2. Jumlah penduduk di Berlin dianggarkan seramai 3,556,792 juta orang.



1.2 ARABIAN TRAVEL MART (ATM), DUBAI, UNITED ARAB EMIRATES (UAE), (28 APRIL – 1 MEI 2019)

Arabian Travel Mart Dubai (ATM) merupakan promosi pelancongan *business to business* (B2B) dan *business to consumer* (B2C) tahunan yang terbesar di Asia Barat. Ia telah dianjurkan sejak tahun 1994 dan tahun 2019 merupakan tahun ke-26 ia diadakan. Dengan penyertaan 2,500 pempamer dari seluruh dunia, ia telah berjaya mengumpulkan 30,000 pelawat sepanjang program tersebut berlangsung. ATM Dubai dianggap platform terbaik untuk mempromosikan industri pelancongan Malaysia dan Langkawi untuk pasaran Asia Barat.

Pasaran Arab Saudi dan UAE merupakan penyumbang terbesar jumlah kedatangan pelancong Asia Barat ke Langkawi. Program promosi yang dianjurkan telah meningkatkan kedatangan pelancong Asia Barat ke Langkawi. Pada tahun 2017, jumlah pelancong Asia Barat ke Langkawi adalah seramai 146,685 orang. Pada tahun 2018, hanya seramai 942 orang berikutan pergolakan perang di Timur Tengah. Pada tahun 2019, seramai 2,150 orang melawat Langkawi. Justeru, LADA sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk memajukan industri pelancongan Langkawi perlu melaksanakan inisiatif promosi dan pemasaran seiring dengan kempen Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2020.

Arab Saudi dan UAE merupakan pasaran tradisi dan matang bagi Langkawi. Arab Saudi telah menjadi penyumbang utama daripada segi jumlah kemasukan pelancong Asia Barat sejak tahun 2010. LADA akan terus melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran bersama-sama Tourism Malaysia agar Pulau Langkawi terus menjadi destinasi pilihan utama pelancong Asia Barat.

Kajian profil pelancong oleh Universiti Sains Malaysia (USM) mendapati para pelancong dari negara Asia Barat akan menginap sekurang-kurangnya 4 – 6 hari apabila datang ke Langkawi. Justeru, ia akan menyumbang kepada pendapatan pelancongan yang lebih tinggi dengan tempoh menginap yang panjang. Selain itu, dengan tawaran produk baharu seperti Umgawa Legendary Adventures, hotel lima bintang seperti Ritz Carlton dan St. Regis, ia dapat meningkatkan potensi *repeat tourist* dari pasaran tersebut.

Pelancong Asia Barat berada dalam kategori *high net worth tourists*. Pelancong Asia Barat didapati membelanjakan kira-kira RM3,108.00 seorang setiap kali bercuti. Justeru, usaha promosi dan pemasaran Langkawi harus ditingkatkan bagi mencapai visi pelancongan Langkawi iaitu kemasukan lima (5) juta pelancong dan RM2.5 bilion hasil pendapatan pelancongan menjelang 2020.

1.3 TOURISM EXPO, OSAKA, JAPAN (23 – 28 OKTOBER 2019)

Tourism Expo Japan telah diadakan dari tahun 2014 dan lokasinya terletak di Tokyo. Pada tahun 2019, penganjur Persatuan Pelancongan Jepun (JTTA) telah memilih Osaka sebagai tuan rumah. Ini untuk mempromosikan Osaka sebagai tuan rumah pameran pelancongan terbesar iaitu World Expo 2025.

Jumlah populasi Osaka adalah seramai 20.8 juta orang, manakala populasi di Kansai di mana tempat berlangsungnya pameran pelancongan ini adalah seramai 8.9 juta orang. Kansai terletak di Pulau Honshu dan ibu kota Wilayah Osaka adalah wilayah kedua terbesar di Jepun yang menyumbang 7% daripada keseluruhan penduduk negara tersebut. Kansai International Airport mempunyai jaringan penerbangan ke 84 buah destinasi seluruh dunia dengan 1,451 jumlah penerbangan seminggu.

Osaka dilihat berkembang pesat kerana terpilih menjadi tuan rumah bagi kebanyakan acara sukan ikonik dunia. Antaranya Rugby World Cup 2019, Tokyo Olympic and Paralympic Games 2020, World Masters Games 2021 dan Osaka World Expo pada tahun 2025. Berdasarkan kajian Tourism Expo Japan 2019, didapati penduduk Kansai dianggarkan mempunyai pendapatan individu yang tinggi berbanding penduduk Tokyo iaitu ¥ 241,504 (op Yen 241, 504) berbanding ¥ 234, 517 (op Yen 234, 517). Pelancong Kansai cenderung untuk berbelanja tinggi serta menginap lebih lama ketika melancong.

PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

Tourism Engagement Day bersama MOTAC (Program Pemutihan), SKM & NCIA

Tourism Engagement Day bersama MOTAC (Program Pemutihan), SKM & NCIA

PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA
	CTRE DENGAN KERJASAMA LTGA			
1	Updates on Langkawi International Airport by MAHB	9 Januari 2019	Bilik Mesyuarat MAHB, LIA	30
2	Road to Revalidation, UNESCO Global Geopark	10 Januari 2019	Dewan Besar, Kompleks LADA	30
3	Skills in Malay Arts (Traditional Malay Wedding)	17 Januari 2019	Dewan Besar, Kompleks LADA	45
4	Road to Revalidation	1 Julai 2019	Auditorium Kompleks LADA	60
5	Konservasi Geopark	15 Julai 2019	Dewan Besar, Kompleks LADA	50
6	Cruise Handling	23 September 2019	Dewan Besar, Kompleks LADA	60
7	Hotel Industry in Langkawi	2 Oktober 2019	Dewan Besar, Kompleks LADA	60
8	Coral Painting	23 Oktober 2019	Pantai Tanjung Rhu	40
9	Kepentingan Hutan Simpan	6 November 2019	Dewan Besar, Kompleks LADA	50
10	Kursus Penyediaan Penginapan	18 November 2019	Langkawi Tourism Academy	20
11	Kursus Penyediaan Penginapan	19 November 2019	Langkawi Tourism Academy	20
12	Heritage Walk Training	4 Disember 2019	Dewan Besar, Kompleks LADA	20
	ENGAGEMENT DAY			
13	Tourism Engagement Day bersama MOTAC, NCIA & SKM	20 Februari 2019	Langkawi Tourism Academy	110
14	Tourism Engagement Day bersama MAHB & Syarikat Penerbangan	15 Mei 2019	The Ritz-Carlton Langkawi	230
	LATIHAN INDUSTRI			
15	Kursus Menyelamat di Air	12 Mac 2019	Kompleks Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Menara Tinjau Pantai Cenang	47
16	Program OSH 4.0 dengan kerjasama Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja Negeri Kedah	17 April 2019	Baron Resort Langkawi	200
			JUMLAH	**1072**

PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

Kursus Menyelamat Bencana di Air dengan kerjasama MOTAC dan Angkatan Pertahanan Awam (APM)

Kursus OSH 4.0 dengan kerjasama Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja Negeri Kedah

KURSUS-KURSUS CERTIFICATE OF TOURISM RELATED EDUCATION (CTRE) YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019 - KERJASAMA LTGA

Updates on Langkawi International Airport (LIA)

Road to Revalidation Langkawi UNESCO Global Geopark

Skills in Malay Arts (Traditional Malay Wedding)

ACARA-ACARA PELANCONGAN TAHUN 2019

LADA dalam usaha meningkatkan kehadiran pelancong telah merangka 24 acara pelancongan untuk dilaksanakan pada tahun 2019. LADA sentiasa mengekalkan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, persatuan dan juga pemain industri di Langkawi serta pihak pengurusan acara bagi memastikan acara pelancongan Langkawi dilaksanakan mengikut piawaian antarabangsa. Namun begitu, hanya 16 acara yang telah berjaya dilaksanakan, manakala lapan (8) acara ditunda untuk dimasukkan di dalam Kalendar Acara Tahun Melawat Malaysia 2020.

Tahun 2019 menyaksikan 70% acara yang dianjurkan adalah berasaskan *sports tourism* dan baki lain adalah acara berasaskan kebudayaan dan komuniti. Daripada 24 acara tersebut, lima (5) acara merupakan acara ikonik Langkawi iaitu Royal Langkawi International Regatta, 4th Tuba Trail Run, IRONMAN Malaysia Langkawi, Raja Muda Regatta dan FIVB Beach Volleyball World Tour.

Pada penghujung tahun 2019, acara pelancongan Langkawi ditutup dengan Majlis Pelancaran Kalendar Pelancongan Langkawi 2020. Ia diadakan dengan penuh gemilang di Dataran Lang. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mempromosi dan menguar-uarkan acara yang bakal dianjurkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Langkawi sememangnya terkenal dengan lokasi penganjuran acara bertaraf dunia di rantau ini. Semenjak ia diwartakan sebagai Langkawi UNESCO Global Geopark, LADA telah menerapkan konsep *ecosport tourism* di dalam setiap acara yang dianjurkan. Konsep *ecosport tourism* ini sedikit sebanyak telah melonjakkan Langkawi sebagai destinasi penganjuran acara pelancongan selain daripada sebuah destinasi pelancongan keluarga dengan slogan *Naturally Langkawi*.

ACARA-ACARA IKONIK

4TH TUBA TRAIL RUN

Pulau Tuba, Langkawi sekali lagi menjadi tempat tumpuan pada 21 April dengan penganjuran kali keempat acara larian *Tuba Trail Run*. Ini merupakan acara sukan larian denai *(trail)* yang merangkumi laluan sepanjang 30km yang merentasi dua (2) buah pulau di Langkawi iaitu Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting. Pada penganjuran kali keempat ini, ia melibatkan peserta dari 17 buah negara yang merangkumi pelbagai kategori umur. Acara ini sekali gus telah mempromosikan Pulau Tuba sebagai lokasi penganjuran sukan larian juga.

FIVB VOLLEYBALL WORLD TOUR 2019

FIVB Volleyball World Tour 2019 telah dianjurkan oleh Malaysia Convention & Exhibition Bureau dan LADA dengan kerjasama Syarikat E-Plus Global Sdn. Bhd. FIVB Volleyball World Tour. Ia mempunyai enam (6) siri jelajah dunia yang dianjurkan di lokasi yang berbeza iaitu Langkawi (Malaysia), Shepperton (Australia), Pacific Harbour (Fiji), Daegu & Ulsan (Korea) serta Agadir (Morocco). FIVB Volleyball World Tour merupakan acara sukan yang menduduki kedudukan ke-3 dunia selepas acara World Tour Championship dan Sukan Olimpik.

FIVB Volleyball World Tour 2019 ini telah disertai oleh 16 buah pasukan lelaki dan wanita. Antara pasukan yang telah menyertai acara ini adalah dari negara Cuba, Austria, Jerman, Estonia, Serbia, Sepanyol, Republik Czech, Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Romania, Rusia, Jepun, Scotland, Indonesia, Switzerland dan Malaysia.

IRONMAN MALAYSIA LANGKAWI 2019

IRONMAN Malaysia Langkawi 2019 telah dianjurkan oleh Malaysia Convention & Exhibition Bureau dan LADA. Acara ini mendapat kerjasama Syarikat World Endurance Malaysia Sdn. Bhd. dan dilangsungkan pada 26 Oktober 2019. Acara sukan yang berkonsepkan *triathlon* ini mempunyai jutaan peminat dari seluruh dunia. Setiap peserta akan diuji ketahanan fizikal dan mental melalui tiga (3) disiplin iaitu berenang sejauh 3.8km, berbasikal sejauh 180km dan berlari sejauh 42.2km.

Selain daripada acara utama, acara IRONMAN 70.3 yang memasuki tahun kedua turut diperkenalkan dan menjadi tarikan utama dalam kalangan peserta tempatan seperti selebriti Alif Satar dan Hairul Azreen. IRONMAN Malaysia Langkawi dan IRONMAN 70.3 Langkawi 2019 disertai seramai 2,145 orang peserta dari 70 buah negara.

ROYAL LANGKAWI INTERNATIONAL REGATTA 2019

Royal Langkawi International Regatta (RLIR) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Royal Langkawi Yacht Club dengan kerjasama LADA. Penganjuran yang telah masuk tahun ke-16 ini menyaksikan penyertaan sebanyak 28 buah kapal layar pelbagai kelas dalam merebut Piala Perdana Menteri Malaysia. Penyertaan kali ini melibatkan penyertaan negara Australia, Perancis, Denmark, Jepun, England, Rusia, Thailand, Singapura dan Malaysia. Pertandingan yang berlangsung selama lima (5) hari ini juga dibahagikan kepada beberapa kategori hadiah iaitu *Racing, IRC1, IRC2, Multihull, Class* dan *Ocean Rover*.

SENARAI ACARA PELANCONGAN YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

TARIKH	ACARA	LOKASI
7 – 12 Januari	Royal Langkawi International REGATTA	Royal Langkawi Yacht Club
14 – 17 Februari	KFC Langkawi International Regatta Perdana & ASAF Sailing Cup 2019	Pusat Perahu Layar Langkawi
12 – 13 April	Le Tour de Langkawi	Kuah, Langkawi
11 – 14 April	FIVB Beach Volleyball World Tour 2019	Holiday Villa Beach Resort & Spa, Langkawi
11 – 12 April	Tuba Trail Run 2019	Pulau Tuba, Langkawi
23 – 30 Jun	Asian Junior Tennis ATF I4&U Langkawi	Kompleks Sukan Langkawi
3 – 4 Ogos	Kejohanan IAME Asia Final	MORAC Adventure Park, Langkawi
31 Ogos – 1 September	Langkawi Enduro Challenge	Bukit Chengkuan, Padang Matsirat, Langkawi
2 – 7 September	Kejohanan Lawn Bowls Mahsuri International Mixed Pair	Green Lawn Bowls Kompleks Sukan Langkawi
26 Oktober	IRONMAN Malaysia, Langkawi 2019	MIEC Hall, Langkawi
2 November	Langkawi MTB Challenge	Dataran Pantai Chenang, Langkawi
21 – 23 November	Raja Muda Selangor International Regatta	Royal Langkawi Yacht Club
30 November	Runkawi	Dataran Pantai Chenang, Langkawi
1 Disember	Langkawi Tanjung Rhu Swim Fest	Tanjung Rhu, Langkawi
8 – 11 Disember	Sail Malaysia Passage Langkawi	Royal Langkawi Yacht Club
31 Disember	Majlis Pelancaran Kalendar Acara 2020 (COE 2020)	Dataran Lang, Langkawi

SENARAI ACARA PELANCONGAN YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

01 ROYAL LANGKAWI INTERNATIONAL REGATTA

Royal Langkawi Yacht Club

7 – 12 Januari

02 KFC LANGKAWI INTERNATIONAL REGATTA PERDANA & ASAF SAILING CUP 2019

Pusat Perahu Layar Langkawi

14 – 17 Februari

03 LE TOUR DE LANGKAWI

Kuah, Langkawi

12 – 13 April

04 FIVB BEACH VOLLEYBALL WORLD TOUR 2019

Holiday Villa Beach Resort & Spa



7 – 12 Januari

05 TUBA TRAIL RUN 2019

Pulau Tuba, Langkawi



7 – 12 Januari

06 ASIAN JUNIOR TENNIS ATF 14&U LANGKAWI

Kompleks Sukan Langkawi

11 – 14 April

07 KEJOHANAN IAME ASIA FINAL

MORAC Adventure Park, Langkawi

11 – 12 April

08 LANGKAWI ENDURO CHALLENGE

Bukit Chengkuan, Padang Matsirat, Langkawi



11 – 14 April

09 IRONMAN MALAYSIA, LANGKAWI 2019

MIEC Hall

26 Oktober

10 KEJOHANAN LAWN BOWLS MAHSURI INTERNATIONAL MIXED PAIR

Green Lawn Bowls, Kompleks Sukan Langkawi

2 – 7 September

11 LANGKAWI MTB CHALLENGE

Dataran Pantai Chenang, Langkawi

2 November

12 RAJA MUDA SELANGOR INTERNATIONAL REGATTA

Royal Langkawi Yacht Club

21 – 23 November

13 RUNKAWI

Dataran Pantai Chenang, Langkawi



30 November

14 LANGKAWI TANJUNG RHU SWIM FEST

Tanjung Rhu

1 Disember

15 SAIL MALAYSIA PASSAGE LANGKAWI

Royal Langkawi Yacht Club

8 – 11 Disember

16 MAJLIS PELANCARAN COE 2020

Dataran Lang, Langkawi

31 Disember

LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK

APA ITU UNESCO GLOBAL GEOPARK?

UNESCO Global Geopark adalah kawasan yang mempunyai tapak dan landskap bernilai warisan geologi antarabangsa. Ia diuruskan secara holistik dengan memberi penekanan kepada aspek konservasi, pendidikan dan pembangunan lestari. UNESCO Global Geopark menggunakan warisan geologi yang dihubungkan dengan pelbagai aspek warisan semula jadi dan budaya setempat untuk meningkatkan kesedaran serta pemahaman terhadap isu utama bumi. Terdapat 161 buah geopark di 44 buah negara. Langkawi UNESCO Global Geopark merupakan yang pertama di Asia Tenggara dan ke-52 dalam jaringan UNESCO Global Geopark dunia.

Keseluruhan gugusan 99 buah pulau di Langkawi terletak di dalam kawasan geopark yang mempunyai keluasan 920 km persegi termasuk lautan.

Langkawi telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai Global Geopark pada 1 Jun 2007 di bawah Global Geoparks Network (GGN). Pada November 2015, status Langkawi Geopark telah dinaik taraf sebagai program penuh di bawah UNESCO setaraf dengan Tapak Warisan Dunia dengan nama Langkawi UNESCO Global Geopark.

Pada tahun 2015, Langkawi telah diaudit dan berjaya dalam penilaian seterusnya memperbaharui keahlian selama empat (4) tahun lagi iaitu sehingga tahun 2019 dengan sembilan (9) cadangan penambahbaikan.

Penilaian semula Langkawi UNESCO Global Geopark pada tahun 2019 melibatkan dua orang penilai dari UNESCO iaitu Dr. Kristian Lemon dari Ireland dan Encik Sigurdur Sigursveinsson dari Iceland. Kedua-duanya menilai program dan perkembangan Langkawi UNESCO Global Geopark dari tahun 2015 sehingga 2019.

1

UNESCO GLOBAL GEOPARK PERTAMA DI ASIA TENGGARA

52

KE-52 DALAM JARINGAN UNESCO GLOBAL GEOPARK DUNIA

KRITERIA ASAS UNESCO GLOBAL GEOPARK

1. UNESCO Global Geopark adalah kawasan yang mempunyai tapak dan landskap yang bernilai warisan geologi antarabangsa. Ia diuruskan secara holistik dan konservasi, pendidikan serta pembangunan lestari;
2. UNESCO Global Geopark perlu menggunakan warisan semula jadi dan budaya setempat untuk mempromosikan perubahan yang dialami oleh bumi seperti proses geologi, geobencana, perubahan iklim dan penggunaan lestari sumber bumi;
3. UNESCO Global Geopark adalah sebuah kawasan dengan badan pengurusan yang diiktiraf di bawah undang-undang kerajaan;
4. Status UNESCO Global Geopark akan memberi nilai tambah kepada program sedia ada seperti Tapak Warisan Dunia dan Biosphere Reserve;
5. UNESCO Global Geopark perlu aktif melibatkan komuniti setempat sebagai pemegang taruh utama dalam sesebuah geopark;
6. UNESCO Global Geopark digalakkan untuk berkongsi kepakaran dan melaksanakan projek bersama UNESCO Global Geopark lain; dan
7. UNESCO Global Geopark perlu melindungi warisan geologi dengan undang-undang berkaitan serta perlu mempromosikan kesedaran dan kepentingan warisan geologi.

ASPEK PENILAIAN SEBAGAI UNESCO GLOBAL GEOPARK

Antara aspek-aspek penilaian sebagai UNESCO Global Geopark di lapangan termasuklah:

1. Kebolehlihatan – Pada setiap papan tanda atau seumpamanya di tapak atau pintu masuk kawasan sesebuah geopark berserta dengan logo;
2. Penerangan dan strategi pemuliharaan di tapak geologi dan tapak warisan lain perlu menyatakan butiran mengenai penerangan di tapak geologi, kemudahan sedia ada dan yang dalam perancangan;
3. Pembangunan infrastruktur – Mempunyai maklumat mengenai infrastruktur awam dan pembangunan pelancongan lestari serta ekonomi;
4. Geopelancongan – Mempunyai maklumat mengenai status geopelancongan dan integrasi dengan pelancongan sedia ada;
5. Penglibatan komuniti – Mempunyai maklumat mengenai penglibatan komuniti dengan pembangunan geopark;
6. Pendidikan awam – Mempunyai maklumat mengenai program pendidikan dan jenis tafsiran serta maklumat yang boleh didapati oleh pelawat;
7. Kerjasama strategik – Mempunyai maklumat mengenai kerjasama dengan media, pengusaha pelancongan dan perniagaan serta sekolah yang menyumbang kepada pembangunan geopark;
8. Pengurusan dan pembangunan lestari – Mempunyai maklumat mengenai model pengurusan geopark yang melibatkan agensi kerajaan di peringkat daerah, negeri dan Persekutuan;
9. Prosedur Global Geoparks Network – Mempunyai maklumat mengenai kepatuhan kepada piagam Global Geoparks Network yang melibatkan prosedur dan aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan jaringan UNESCO Global Geopark; dan
10. Penilai akan mengemukakan senarai cadangan penambahbaikan yang sesuai untuk pembangunan geopark.

PROGRAM PENGLIBATAN AWAM DAN PENDIDIKAN LANGKAWI GEOPARK

1. Bahagian Geopark diwujudkan untuk mendukung misi bagi merealisasikan Langkawi Geopark bertaraf dunia melalui program pembangunan dan pengurusan geopark secara lestari.

3 STRATEGI YANG TELAH DIRANGKA BAGI TAHUN 2019 IALAH:

1. Melaksanakan program konservasi bagi meningkatkan peranan dan tanggungjawab komuniti terhadap alam sekitar;
2. Melaksanakan program kesedaran dan pendidikan bagi memperkasa dan meningkatkan pemahaman komuniti setempat; dan
3. Mengiktiraf produk-produk yang dijenamakan dengan GEOProduk.

PROGRAM PENGLIBATAN AWAM DAN PENDIDIKAN LANGKAWI GEOPARK

BIL	PROGRAM	TARIKH	AKTIVITI / TEMPAT	PESERTA
1	GEOGuide	26 Mei 2019	Sesi Taklimat dan Temu Duga “In-House Guide"	30 peserta
		17 September 2019	Kelas Pentauliahan di Kilim Karst Geoforest Park Untuk Peserta GEOGuide	20 peserta
		3 – 4 November 2019	Program Pertandingan Geopark Junior Guide 2019 (GpJp)-Sesi Saringan	130 pelajar
		13 – 17 November 2019	Program Pertandingan Geopark Junior Guide 2019 (GpJp)-Akhir	80 pelajar
		19 November 2019	Majlis Penghargaan Dan Penyampaian Hadiah Program Geopark Junior Guide (GpJp) 2019 Adya Hotel, Langkawi	130 pelajar
		27 November 2019	Kelas Pentauliahan Kubang Badak Untuk Peserta GEOGuide	10 orang
2	GEOTalk	22 April 2019	Geopark Produk Dan GEOTeacher di Auditorium LADA	180 orang
		26 April 2019	Down Sea Talk di Pulau Tuba	200 orang
		16 September 2019	Jellyfish Talk - (Taklimat dan Pameran GEOProduk) di Dewan Besar, LADA	70 orang
3	GEOMangrove	24 Mac 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	50 pelajar dan guru pengiring / 100 anak benih bakau
		21 April 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	50 pelajar dan pensyarah / 70 anak benih bakau
		23 April 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	40 orang anggota / 80 anak benih bakau
		24 April 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	25 pelajar / 50 anak benih bakau
		15 September 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	15 peserta / 30 anak benih bakau
		19 September 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	40 pelajar dan guru pengiring / 80 anak benih bakau
		22 September 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	70 pelajar dan 10 guru pengiring / 70 anak benih bakau
		28 September 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	40 anggota / 80 anak benih bakau
		2 Oktober 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	40 anggota / 80 anak benih bakau
		16 November 2019	Pulau Tuba	100 pelajar dan 10 pensyarah / 200 anak benih bakau
		2 Disember 2019	Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park	45 peserta / 90 anak benih bakau

NADI LANGKAWI

PROGRAM PENGLIBATAN AWAM DAN PENDIDIKAN LANGKAWI GEOPARK

BIL	PROGRAM	TARIKH	AKTIVITI / TEMPAT	PESERTA
4	GEOCoral	30 Januari 2019	Bahagian Geopark – Geopark Ocean, Pulau Tuba	20 orang
5	GEOVisit	7 Oktober 2019	Kilim Karst Geoforest Park	7 pelajar dan 4 guru
6	GEOTeacher	12 Februari 2019	Mesyuarat Penyelarasan Kelab GEO Bersama Guru-Guru Penyelaras Kelab Geopark	35 guru
		20 – 21 Oktober 2019	Program Percambahan Ilmu di Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL) dan Kubang Badak Biogeotrail	59 guru
7	GEOSite Cleaning	13 Februari 2019	Tanjung Buta	25 orang
		20 Februari 2019	Gua Landak	20 orang
		27 Februari 2019	Gua Cherita	30 orang
		6 Mac 2019	Air Terjun Telaga Tujuh	21 orang
		13 Mac 2019	Belanga Pecah	15 orang
		20 Mac 2019	Sungai Itau	49 orang
		27 Mac 2019	Air Terjun Temurun	20 orang
		4 April 2019	Belanga Pecah Bersama UUM Sintok	25 orang
		10 April 2019	Kilim Karst Geoforest Park	30 orang
		24 April 2019	Telaga Ayer Hangat Bersama Sekolah di Langkawi	80 orang
		19 Jun 2019	Batu Asah Brachiopod Fossils	10 orang
		26 Jun 2019	Teluk Yu Granite Tors	6 orang
		24 Julai 2019	Mahsuri Ring Ulu Melaka	20 orang
		31 Julai 2019	Kubang Badak Biogeotrail	20 orang
		11 Ogos 2019	Lubuk Semilang Waterfall	20 orang
		4 September 2019	Temurun Waterfall	20 orang
		11 September 2019	Lubuk Semilang Waterfall	10 orang
		18 September 2019	Teluk Mempelam Bersama Sekolah Kebangsaan Temoyong	42 orang
		25 September 2019	Taman Legenda Bersama Sekolah Kebangsaan Kelibang dan Trash Hero	92 orang
		4 Disember 2019	Teluk Mempelam	15 orang
8	GEOPark To School	23 Februari 2019	Sekolah Kebangsaan Kelibang	70 orang
		21 Mei 2019	Sekolah Kebangsaan Temonyong	80 orang
		22 Mei 2019	Sekolah Kebangsaan Sridu	40 orang
		16 Jun 2019	Sekolah Kebangsaan Langkawi (MERECET)	50 orang
		27 Julai 2019	Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba	30 orang
		24 Oktober 2019	Perkhemahan Pengakap (Sekolah Kebangsaan Kelibang)	200 orang
		29 Oktober 2019	Perkhemahan KEKAS (Sekolah Kebangsaan Kelibang)	100 orang
		30 – 31 Oktober 2019	MERECET dengan Maktab Mahmud Langkawi dan Sekolah Kebangsaan Kelibang	70 orang

BIL	PROGRAM	TARIKH	AKTIVITI / TEMPAT	PESERTA
9	School To GEOPark	30 – 31 Oktober 2019	MERECET dengan Maktab Mahmud Langkawi dan Sekolah Menengah Kelibang	70 orang
10	GEOVolunteer	16 April 2019	Pulau Dayang Bunting	120 anggota
11	GEOAmbassador	7 – 9 Februari 2018	Lawatan Kerja Explore The Geopark Bersama Geopark Ambassador ke Geopark Jerai, Kedah	21 Duta Geopark
		14 Ogos 2018	Perjumpaan dan Pelantikan Geopark Ambassador Siri 2 Bersama Ketua Pegawai Eksekutif LADA	22 Duta Geopark
		16 Ogos 2018	Sesi Taklimat dan Ramah Mesra Geopark Partner dan Geopark Ambassador Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGGp) 2018, Oriental Village, Cable Car	22 Duta Geopark dan 22 Geopark Partner
		13 – 15 Disember 2018	Program GeoVisit ke Satun Geopark	22 Duta Geopark dan 22 Geopark Partner
		18 Disember 2018	Program GeoIdea Percambahan Ilmu Bersama Duta Geopark dan Partner di Jeti Kubang Badak Biogeotrail	22 Duta Geopark dan 22 Geopark Partner
12	GEOProduk	17 Februari 2019	Mesyuarat Bersama Geopark Produk	15 Orang
		23 Julai 2019	Program Journey D (Air Asia)	30 Orang
		13 September 2019	Legendary Ride (Pameran GEOProduk)	200 Orang
		7 – 10 September 2019	Pameran dan Jualan Sempena Regional Course di Ombak Villa	5 Produk
		20 September 2019	Visit Malaysia 2020 'Kick Off Conference' Pameran di Bayview Hotel, Langkawi	200 Orang

BIL	PROGRAM	NAMA SYARIKAT	JENIS PRODUK YANG DIHASILKAN
1	GEOProduk	Canai Intan Legasi Resources	Kopi Periuk Tanak dan Kopi Pecah Periuk
		Two Pai Craft	Kraf Tangan Berasaskan Tempurung
		MC Gemilang Sdn. Bhd. (AQUARAYA)	Air Mineral (*Natural Water*)
		Madu Kelulut Langkawi Resources	Madu Kelulut dan Sabun
		Tower House Gunung Raya	Susu Kerbau dan Dadih

PROGRAM PENGLIBATAN AWAM DAN PENDIDIKAN LANGKAWI GEOPARK

BIL	PROGRAM	NAMA JABATAN	TARIKH	PESERTA
1	GEOPark Cruise	Balai Bomba dan Penyelamat	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pusat Pelancongan Langkawi	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Langkawi	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pejabat Pelajaran Daerah Langkawi	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Lembaga Hasil Dalam Negeri Langkawi	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Ibu Pejabat Polis Trafik Daerah Langkawi	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pejabat Pergigian Daerah Langkawi	16 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Jabatan Bantuan Guaman	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Biro Tatanegara Kedah, Jabatan Perdana Menteri	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Jabatan Imigresen Malaysia	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pejabat Belia dan Sukan	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pejabat Kebajikan dan Masyarakat	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pejabat Tenaga Kerja	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Agensi Anti Dadah Kebangsaan Langkawi	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Jabatan Laut Malaysia	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Langkawi	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Langkawi	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai
		Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Kedah/Perlis)	17 Disember 2019	2 Orang Pegawai

JARINGAN DAN PENYERTAAN PROGRAM GLOBAL GEOPARKS NETWORK 2019

BIL	PROGRAM	NEGARA	TARIKH
1	Menandatangani Perjanjian Sistership Bersama Yi Mengshan UGGP	China	31 Ogos 2019
2	Menandatangani Perjanjian Sistership Bersama Qinling Zongnanshan UGGP	China	7 September 2019
3	Menandatangani Perjanjian Sistership Bersama Ciletuh Pelabuhan Ratu UGGp	Indonesia	11 Oktober 2019
4	Mentorship & Knowledge Exchange Program Bersama Bohol Aspiring Geopark – Mentor Geopark	Filipina	16 – 23 Oktober 2019

MAJLIS PENUTUPAN SESI PENILAIAN SEMULA LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK KALI KE-3 PADA 14 OGOS 2019

Langkawi masih lagi mempunyai keaslian alam semula jadi yang terpelihara. Ekopelancongan merupakan elemen yang menjadi daya tarikan kepada pelancong dari serata dunia untuk datang dan menyaksikan sendiri alam semula jadi tersebut.

Tahun 2019 menyaksikan tempoh terbaik bagi Langkawi apabila berjaya mendapat pengiktirafan Kad Hijau dalam Penilaian Semula Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGG), di samping berjaya menganjurkan 16 acara pelancongan seperti Ironman Malaysia Langkawi, Raja Muda Regatta, Le Tour de Langkawi, FIVB Beach Volleyball World Tour, Royal Langkawi International Regatta dan sebagainya.

Aktiviti mempromosikan Langkawi di luar negara seperti International Tourismus Börse di Berlin, Arabian Travel Mart di Dubai dan Tourism Expo di Osaka telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila *booth* Langkawi sering dikunjungi mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Langkawi.

Berikutan pengisytiharan Tahun Melawat Malaysia 2020 sebagai pemangkin untuk mencapai sasaran di bawah Pelan Transformasi Pelancongan, adalah diharapkan lebih ramai pelancong akan mengunjungi dan menyemarakkan lagi pelbagai aktiviti pelancongan di pulau legenda ini.

BAHAGIAN PERANCANGAN

PENDAHULUAN

Bahagian Perancangan LADA bertanggungjawab dalam pembangunan di Langkawi seiring dengan kemajuan negara. Bahagian ini berperanan penting dalam menentukan pembangunan di Langkawi dapat dinikmati sepenuhnya oleh pelancong dan penduduk tempatan. Terdapat empat (4) unit yang menerajui bahagian ini bagi memastikan matlamat yang dirancang tercapai iaitu Unit Pengurusan Tanah, Unit Perancangan dan Fizikal, Unit Kawalan Pembangunan dan Unit Pembangunan Landskap. Setiap unit mempunyai peranannya yang tersendiri bagi memastikan pembangunan berdaya mampan dilaksanakan di Langkawi.

LAPORAN UNIT PENGURUSAN TANAH TAHUN 2019

PENGURUSAN MILIKAN TANAH

Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, Unit Pengurusan Tanah masih meletakkan sasaran untuk meningkatkan milikan tanah LADA melalui usaha mencari tanah-tanah berpotensi dan strategik sebagai tambahan kepada bank tanah LADA. Bagi mencapai sasaran tersebut, beberapa proses perolehan tanah seperti pembelian, permohonan tanah dan pengambilan balik tanah kerajaan telah dilaksanakan.

Melalui pertambahan ini, LADA dapat mengatur perancangan yang lebih strategik dalam memastikan pembangunan Langkawi sebagai pulau pelancongan dan geopark yang bertaraf antarabangsa. Selain itu, ia turut membantu LADA dalam mengawal pembangunan di atas tanah-tanah milik LADA yang bermatlamatkan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal mampan tanpa mengabaikan pemeliharaan alam semula jadi Langkawi.

Jumlah keseluruhan tanah pada tahun 2019 yang telah didaftarkan di dalam sistem DLand LADA ialah sebanyak 2,239.029 ekar. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 4.3% berbanding tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 92.365 ekar. Berikut adalah perbandingan jumlah keseluruhan tanah milik LADA untuk tahun 2016 sehingga 2019.

JUMLAH KESELURUHAN TANAH MILIK LADA (2016 – 2019)

TABURAN TANAH MILIK LADA MENGIKUT MUKIM TAHUN 2019



KELUASAN KESELURUHAN

2,239.029 EKAR

TABURAN TANAH KOSONG MILIK LADA TAHUN 2019

TADBIR URUS TANAH LADA

Sejak penubuhan LADA, Unit Pengurusan Tanah turut berperanan dalam meningkatkan nilai tanah LADA melalui pengurusan dan pembangunan yang cekap. Melalui tadbir urus ini, LADA telah berjaya melaksanakan pelbagai projek pembangunan seperti produk dan kemudahan pelancongan, infrastruktur dan pembangunan tanah di Langkawi. Pembangunan yang pesat ini telah meningkatkan nilai tanah di Langkawi .Ia memberikan impak yang inklusif kepada pemaju dan pemilik hartanah serta penduduk setempat. Berikut merupakan pecahan tadbir urus semasa tanah-tanah milik LADA.

PECAHAN PENGURUSAN GUNA TANAH SEMASA

FUNGSI UNIT PENGURUSAN TANAH

Unit Pengurusan Tanah bertanggungjawab dalam meningkatkan nilai tanah LADA melalui pengurusan dan pembangunan yang cekap. Selain itu, unit ini turut berperanan dalam pembangunan bank tanah LADA yang melibatkan pelaksanaan perolehan tanah baharu melalui kaedah pengambilan balik tanah, permohonan tanah kerajaan, pembelian terus dan lelongan. Usaha ini dilakukan agar banyak peluang pelaburan tanah berpotensi dapat diwujudkan dalam menjamin pelaburan berterusan pada masa hadapan. Antara lain, unit ini turut menguruskan proses dalam melaksanakan projek pembangunan yang dicadangkan oleh pihak swasta di atas tanah milik LADA melalui kaedah pajakan, sewaan dan usaha sama.

PELAN PEMBANGUNAN LANDSKAP LANGKAWI

LADA telah menganjurkan Bengkel Pelan Pembangunan Landskap Langkawi pada 22 Mei 2019 yang melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Langkawi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Langkawi, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dan Jabatan Landskap Negara (JLN). Selain itu, bengkel ini turut dihadiri oleh bahagian dalaman LADA iaitu Bahagian Geopark, Bahagian Pelancongan, Bahagian Kejuruteraan Teknikal, Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan serta Unit Pembangunan Komuniti.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mendapatkan input teknikal dan pandangan daripada agensi serta bahagian yang terlibat bagi menghasilkan Pelan Pembangunan Landskap Langkawi. Terdapat lima (5) topik yang dibincangkan di dalam bengkel ini, antaranya:

I. Pelan Pelaksanaan Pembangunan Landskap;

II. Cadangan Pembangunan Landskap Kuah;

III. Cadangan Pembangunan Landskap Pulau Tuba;

IV. Cadangan Pembangunan Kuah River Height Park; dan

V. Pembersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal di Langkawi.

Hasil daripada bengkel tersebut, satu lawatan kerja ke Melaka telah diadakan pada 21 hingga 24 Ogos 2019 bagi melihat dengan lebih dekat kaedah dan perincian pembangunan serta penyelenggaraan Sungai Melaka supaya dapat diaplikasikan di Sungai Kuah. Lawatan tersebut disertai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Sektor Perancangan iaitu Tuan Haji Zepri bin Saad, Pengurus Bahagian Perancangan, Tuan Haji Mustafa Bakri bin Alias Sani, dan sembilan (9) orang lagi warga kerja Bahagian Perancangan. Selain itu, wakil daripada Jabatan Kerja Raya Langkawi serta Jabatan Pengairan dan Saliran Langkawi turut menyertai lawatan tersebut.

Antara tempat yang dilawati adalah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Sungai Melaka. Peserta lawatan juga diberi taklimat oleh MBMB berkaitan pengurusan Sungai Melaka yang menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Taklimat tersebut juga memberi banyak maklumat dan idea untuk diguna pakai dalam membangunkan Sungai Kuah sebagai tarikan pelancongan yang baharu.

Taman Linear merupakan salah satu projek rintis yang dilaksanakan sepanjang Sungai Kuah hasil daripada Pelan Pembangunan Landskap Langkawi. Projek ini menelan belanja sebanyak RM147,888.00. Ia melibatkan kerja-kerja menaik taraf dan menanam dua jenis pokok *Tabebuia* iaitu *Tabebuia rossea* dan *Tabebuia rossea alba* yang juga dikenali sebagai Sakura Malaysia.

FUNGSI UNIT PEMBANGUNAN LANDSKAP

01 Menyediakan kertas cadangan dan laporan pembangunan landskap;

02 Mereka bentuk dan melaksanakan projek pembangunan landskap;

03 Menyediakan anggaran kos dan perincian *bil of quantity* bagi projek pembangunan serta penyelenggaraan landskap;

04 Melaksanakan projek pembangunan dan menaik taraf landskap;

05 Menyemak dan membuat pengesahan di tapak tuntutan bayaran projek pembangunan serta penyelenggaraan landskap;

06 Menguruskan dan memantau projek penyelenggaraan landskap di kawasan produk dan aset LADA;

07 Menyediakan laporan projek penyelenggaraan dan prestasi kerja kontraktor penyelenggaraan serta pembangunan landskap yang dilantik;

08 Memberi khidmat ulasan teknikal bagi tujuan kelulusan pelan landskap kepada pihak MPLBP dan pemaju;

09 Menguruskan pembangunan tapak semaian pokok bagi tujuan hiasan landskap; dan

10 Melaksanakan kerja-kerja hiasan landskap bagi acara dan program anjuran LADA.

FUNGSI UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN

01 Menjalankan pemantauan projek-projek pelaburan swasta di atas tanah milik LADA;

02 Memberi input teknikal melalui ulasan KM kepada MPLBP, JAS dan BPEN;

03 Menyelaraskan/memberi input-input perancangan kepada pelabur/agensi/ universiti/NGO perseorangan melalui Sesi Taklimat Perancangan;

04 Menyelaraskan permohonan Pelan-pelan Pemajuan bagi tanah dan projek milik LADA; dan

05 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat bersama dengan agensi.

Selain itu, LADA melalui Unit Kawalan Pembangunan merupakan Jabatan Teknikal yang telah dilantik oleh MPLBP untuk memberi ulasan ke atas semua permohonan Kebenaran Merancang (KM) di Langkawi terutamanya yang melibatkan pembangunan Langkawi Geopark. Unit Kawalan Pembangunan turut bertanggungjawab untuk memberi ulasan terhadap Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang dikemukakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan juga cadangan pembangunan oleh Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN).

ULASAN	TAHUN 2019
Kebenaran Merancang (KM)	36 Ulasan
Penilaian Kesan Alam Sekitar	–
BPEN	1
JUMLAH	**37 Ulasan**

UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN

Pemantauan dilaksanakan setiap bulan ke atas pembangunan di tanah milik LADA agar mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan dan laporan pemantauan dikeluarkan setiap bulan untuk Pengurusan Tertinggi LADA. Antara projek pelaburan yang sedang dilaksanakan adalah:

LANGKAWI CITY

Langkawi City dibangunkan mengikut empat (4) fasa. Fasa satu (1) adalah pembinaan Menara MAHA setinggi 138m. Ia direka dengan corak geometri berkonsepkan seni bina Islam yang menonjolkan ciri-ciri warisan dan juga daya cipta. Mercu tanda ini akan menjadi produk ikonik di Langkawi dan turut mempunyai dek pemerhati dengan menyediakan pemandangan panorama 360 darjah menghadap Laut Andaman dan bukit-bukau yang indah.



Fasa dua (2) pula terdiri daripada Langkawi Residensi yang merangkumi 318 unit kediaman mewah yang juga sesuai untuk pelaburan.

Fasa tiga (3) merupakan pembangunan Langkawi Village yang terdiri daripada *premium outlets.* Fasa empat (4) merupakan pembangunan hotel dan marina.

Langkawi City bertempat di Bandar Kuah merupakan kawasan komersial Langkawi. Jaraknya hanya lima (5) minit dari terminal feri (Jeti Kuah) dan 20 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Lokasinya yang strategik juga dikelilingi oleh tempat-tempat pelancongan dalam radius 5km seperti Dataran Lang, The Royal Langkawi Yacht Club, Kelab Golf Gunung Raya dan hotel lima (5) bintang bertaraf antarabangsa seperti The Westin Langkawi Resort & Spa dan The St. Regis Langkawi Resort.

Dalam Fasa satu (1), kedai pejabat empat (4) tingkat telah siap sepenuhnya manakala pembangunan menara telah mencapai 80% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Disember 2020.

FUNGSI UNIT PERANCANGAN FIZIKAL

01 Menjadi urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pelaburan LADA;

02 Menyediakan Laporan Penilaian Fizikal bagi Cadangan Pembangunan yang dikemukakan oleh pelabur di atas tanah milik LADA;

03 Menyediakan pelan perancangan fizikal di atas tanah-tanah LADA;

04 Mengemas kini data geospatial dalam perisian MapInfo milik LADA;

05 Menyediakan *Project Brief* bagi permohonan peruntukan Rancangan Malaysia;

06 Menyediakan Kertas Jemaah Pengarah LADA;

07 Menyalurkan maklumat dalam penyediaan Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan juga Rancangan Kawasan Khas (RKK);

08 Menyediakan laporan pelaksanaan dan memantau projek yang dilaksanakan oleh LADA serta agensi luar yang menggunakan peruntukan daripada LADA; dan

09 Menyediakan laporan *outcome* projek bagi cadangan pembangunan yang dibuat oleh LADA.

RUMUSAN

Keseluruhannya, Bahagian Perancangan LADA merupakan bahagian yang berperanan penting dalam menentukan hala tuju pembangunan di Langkawi. Ini sekaligus memacu pembangunan mampan yang dapat dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat terutamanya penduduk tempatan. Bahagian ini mempunyai aset kepakaran profesional dalam memastikan pembangunan yang dirancang dapat dinikmati dengan baik dan terus menyokong sektor pelancongan yang berkembang maju dengan menyediakan fasiliti pelancongan yang berkualiti tinggi.

BAHAGIAN KEJURUTERAAN TEKNIKAL

Selaras dengan visi LADA untuk menjadikan Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan bertaraf dunia, Bahagian Kejuruteraan Teknikal merupakan penggerak dan nadi kepada pembangunan Langkawi dengan melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia (RMK), Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL) serta Sumber Dalaman/Mengurus LADA.

Rajah 1: Statistik Projek Mengikut Sumber Peruntukan Tahun 2019

Tahun 2019 merupakan tahun kejayaan kepada LADA. Sebanyak 35 projek telah mendapat kelulusan pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta Lembaga Pengarah LADA. Jumlah keseluruhan peruntukan tahun 2019 yang disalurkan kepada Langkawi adalah sebanyak RM78.942 juta. Statistik pecahan projek mengikut sumber peruntukan Tahun 2019 adalah seperti yang tertera pada Rajah 1:

Selain menggerakkan pelaksanaan pembangunan industri pelancongan di Langkawi, projek-projek yang dilaksanakan juga turut memberikan manfaat kepada masyarakat, negeri dan negara melalui kejayaan pelaksanaan projek yang mampan. Ini adalah selari dengan objektif bahagian dalam memastikan projek dilaksanakan mengikut kos, kualiti, masa serta memenuhi kehendak pelanggan dan menepati konsep *value for money & fit for purpose*. Antara projek-projek yang dimaksudkan adalah seperti di bawah:

Penggantian Pontun di Jeti Kilim, Langkawi

Pembaikan Jambatan dan Laluan Pejalan Kaki Merentang Sungai Kuah, Kuah, Langkawi

Membina Platform Baharu di Jeti Lubuk Chempedak, Pulau Tuba

Naik Taraf Surau Kampung Bukit Kemboja, Padang Matsirat, Langkawi

Projek fizikal dilaksanakan dalam dua (2) kaedah iaitu secara dalaman ataupun lantikan perunding. Walau bagaimanapun, projek yang mempunyai kompleksiti tinggi dilaksanakan oleh agensi teknikal sama ada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK3) dan Arahan Perbendaharaan (AP)182.1.

Sehingga 31 Disember 2019, Bahagian Kejuruteraan Teknikal berjaya mencapai sasaran tahunan iaitu 90% projek berjaya di *tender* serta disiapkan mengikut jadual dan peruntukan. Agihan projek pembangunan dan belanja pengurusan tahun 2019 adalah seperti berikut:

Antara projek-projek yang siap dibina pada tahun 2019 adalah seperti senarai di bawah:

BLUEPRINT PELANCONGAN LANGKAWI (BPL)

Pembinaan Pusat Discovery Geopark, Langkawi, Kedah

RANCANGAN MALAYSIA (RMK)

Pembinaan Tembok Penahan di Tepi Sungai Kilim, Langkawi, Kedah

BELANJA MENGURUS

Laluan Pejalan Kaki di Gua Bukit Pinang, Kubang Badak

Laluan Pejalan Kaki di Bukit Kechik, Pulau Tuba

Baik Pulih Kemudahan di Kawasan Rekreasi Durian Perangin, Sungai Itau

Pembinaan Jalan Masuk ke Tanjung Buta – Pasir Tengkorak di Jalan Datai

Baik Pulih Sistem Paip dan Kelengkapan Tandas di Telaga Tujuh

Pelantar Pemandangan, Laluan Pejalan Kaki di Tanjung Tirai, Kuah

Laluan Pejalan Kaki di Gua Kelawar, Kilim

Baik Pulih Jakuzi dan Sistem Pemanas Air di Ayer Hangat Village, Langkawi

Baik Pulih Bumbung dan Tandas Masjid Lama Kampung Bohor, Padang Matsirat

Rajah 2: Statistik Perbelanjaan Mengikut Sumber Peruntukan Tahun 2019

Statistik perbelanjaan berdasarkan sumber peruntukan tahun 2019 adalah seperti yang tertera pada Rajah 2:

Berdasarkan statistik perbelanjaan yang tertera pada Rajah 2, berikut adalah peruntukan pengkhususan projek yang berjaya dilaksanakan:

RUMUSAN

T	E	K	A	D
TEAMWORK	ENTHUSIASTIC EMBRACEMENT	KNOWLEDGEABLE	A HIGH PRODUCTIVE	DO IT RIGHT THE FIRST TIME

Bahagian Kejuruteraan Teknikal akan sentiasa T.E.K.A.D (T = Teamwork, E = Enthusiastic Embracement, K = Knowledgeable, A = A High Productive, D = Do It Right The First Time dan komited dalam meneruskan pembangunan Langkawi selaras dengan hasrat dan seruan kerajaan untuk menjadikan Langkawi destinasi pelancongan terkenal di dunia.

BAHAGIAN PELABURAN & PEMUDAH CARA PERNIAGAAN

Pelaburan merupakan pemangkin kepada pembangunan ekonomi Langkawi dalam meningkatkan kapasiti projek dan produk pelancongan yang berskala besar. Untuk tahun 2019, jumlah pelaburan menjurus kepada galakan perbelanjaan modal sektor swasta dan awam dengan penumpuan khusus kepada sektor ekopelancongan dan bercirikan hijau.

PROJEK PELABURAN

Terdapat permohonan pelaburan yang diterima di tanah LADA antaranya adalah cadangan pembangunan Langkawi Premium Outlet dan Chenang Bay di tanah milik LADA.

Berikut adalah statistik bagi jenis-jenis permohonan pelaburan di Langkawi:

Pertambahan jumlah projek pelaburan secara langsung membantu memberi impak positif terhadap Langkawi dengan penjanaan jumlah pelaburan bernilai RM5.35 bilion. Terdapat peningkatan nilai pelaburan sebanyak RM0.46 bilion berbanding pada tahun 2018. Berikut merupakan nilai pelaburan yang direkodkan dari tahun 2016 sehingga 2019.

Rajah 1: Nilai Pelaburan dari Tahun 2016 – 2019 (Sumber: MPLBP)

Untuk tahun 2019, peluang pekerjaan yang ditawarkan di Langkawi mencatatkan sebanyak 686 kekosongan. Berikut merupakan perbandingan jumlah kekosongan dari tahun 2016 sehingga 2019.



(Sumber: Pejabat Tenaga Kerja Langkawi)

PEMBANGUNAN USAHAWAN

Unit Pemudah Cara Perniagaan bertanggungjawab untuk pembangunan usahawan di Langkawi. Jalinan kerjasama di antara LADA, agensi kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, serta syarikat-syarikat besar mampu menjadi pemangkin dalam memajukan usahawan di Langkawi. Justeru, beberapa aktiviti dan program telah dilaksanakan bagi menjayakan usaha tersebut.

AKTIVITI DAN PROGRAM

Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1) KARNIVAL USAHAWAN DAN BIZFRANCAIS LANGKAWI 2019

LADA dengan usaha sama Perbadanan Nasional Berhad (PNS) telah menganjurkan Karnival Usahawan dan Bizfrancais Langkawi 2019 pada 28 September 2019 yang bertempat di pekarangan Hotel Geopark Kuah, Pekan Rabu, Kuah.

Objektif penganjuran karnival ini adalah untuk memperkenalkan produk-produk usahawan tempatan. Ia juga memberikan pendedahan mengenai perniagaan francais dan teknologi terkini dalam bidang perniagaan. Karnival ini terbahagi kepada tiga segmen iaitu pameran, seminar dan jualan.

Lebih 40 pempamer dan penjual telah membuka ruang pameran dan jualan sewaktu karnival ini berlangsung dengan lebih 200 orang pengunjung telah menghadiri program ini.

Rajah : Kursus Khidmat Pelanggan Cemerlang

2) KURSUS KHIDMAT PELANGGAN CEMERLANG ANJURAN BERSAMA LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) DAN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA KEDAH (DPMM)

LADA telah menganjurkan Kursus Khidmat Pelanggan Cemerlang dengan kerjasama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kedah pada 3 Disember 2019 bertempat di Dewan Seminar Dayang Bunting Aras 2, Hotel Geopark Kuah, Pekan Rabu, Langkawi.

Program ini telah dihadiri oleh 80 orang peserta yang terdiri daripada usahawan tempatan, pengusaha hotel, pemandu pelancong dan wakil agensi kerajaan.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Bahagian Pelaburan dalam meningkatkan kualiti khidmat pelanggan dalam kalangan usahawan di Langkawi supaya dapat membantu meningkatkan produktiviti perniagaan mereka.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, Bahagian Pelaburan dan Pemudah Cara Perniagaan telah mencapai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang telah ditetapkan. Pelaburan yang besar dalam menjadikan Langkawi sebagai impak tarikan pelancongan baru bakal terjadi dengan pembangunan Langkawi Premium Outlet dan Chenang Bay. Nilai pelaburan di Langkawi juga turut melonjak naik sehingga RM5.35 bilion berbanding pada tahun-tahun sebelumnya. Penganjuran karnival keusahawanan juga merupakan kejayaan kepada LADA dengan menarik minat usahawan serta komuniti Langkawi untuk turut serta.

6.0 MEMPERKASAKAN ORGANISASI & SUMBER

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & KHIDMAT PENGURUSAN 82

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT 92

BAHAGIAN PENGURUSAN ASET 96

UNIT KHIDMAT KORPORAT 102

UNIT AUDIT DALAM 114

UNIT UNDANG-UNDANG 118

UNIT PEMANTAUAN & PELAKSANAAN 122

UNIT INTEGRITI 132

BAHAGIAN KEWANGAN 140

MEMPERKASAKAN ORGANISASI & SUMBER

MEMPERKASAKAN ORGANISASI & SUMBER

Peribahasa "Hanya jauhari yang mengenal manikam" membawa maksud hanya mereka yang arif dan pakar sahaja yang mengetahui pekerjaan yang mereka lakukan dalam bidang masing-masing. Namun, tidak semua individu memiliki kebolehan ini. **Kami di LADA mengimbangi antara satu sama lain bagi memastikan hasil kerja yang berkualiti dan terbaik** sahaja disampaikan kepada komuniti Langkawi. Agenda ini amat penting supaya peranan kami dalam membangunkan Langkawi sebagai destinasi ekopelancongan dapat disempurnakan.

Penyampaian dan pemantauan berkesan merupakan perkara asas dalam mencipta nilai. Selain daripada itu, keberhasilan nilai kerja yang menjadi tanda aras kejayaan juga turut diberi perhatian. Apa yang penting bagi kami ialah **komuniti Langkawi akan mendapat faedah dan manfaat daripada setiap pembangunan yang dilaksanakan.**

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & KHIDMAT PENGURUSAN

TERAS UTAMA BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

I Pengurusan perkhidmatan dan pembangunan kerjaya;

II Pengurusan pembangunan organisasi perjawatan;

III Pengurusan latihan dan kompetensi;

IV Pengurusan HRMIS;

V Pengurusan perolehan jabatan;

VI Pengurusan logistik dan keselamatan;

VII Pengurusan rekod dan dokumen; dan

VIII Pengurusan kualiti.

1. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan individu yang berkualiti dan proaktif. Selain itu, pengurusan sumber manusia juga berperanan menangani isu-isu yang timbul seperti ketidakhadiran, ketidakpuasan kerja, pusingan kerja dan sebagainya. Pengurusan perkhidmatan sumber manusia amat penting dalam memastikan organisasi berjalan dengan lancar dan berdaya saing.

A) MAKLUMAT PERJAWATAN TAHUN 2019

LADA mempunyai pegawai dan kakitangan yang melaksanakan pelbagai fungsi meliputi pemerkasaan pelancongan, komunikasi korporat, pengurusan Langkawi UNESCO Global Geopark, kejuruteraan teknikal, perancangan dan pembangunan tanah, pengurusan pelaburan, pemantauan projek, pengurusan kewangan, perundangan, pengauditan serta khidmat sokongan. Struktur organisasi LADA terdiri daripada 13 bahagian/unit seperti berikut:

CARTA ORGANISASI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI TAHUN 2019



RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN DI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI HINGGA 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG
1	Pengurusan Tertinggi	3	2	1
2	Pengurusan dan Profesional	63	52	11
3	Kumpulan Pelaksana (19 – 40)	167	164	3
4	Kumpulan Pelaksana (1 – 14)	80	76	4
5	Perkhidmatan Am (Jawatan Kumpulan)	2	0	2
	JUMLAH	**315**	**294**	**21**

Jadual 1: Ringkasan Maklumat Perjawatan Tahun 2019

PEMBELIAN PERKHIDMATAN *(CONTRACT FOR SERVICE)*

	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN
1	Pengurusan Tertinggi	1
2	Pengurusan dan Profesional	1
3	Kumpulan Pelaksana (19 – 40)	26
4	Kumpulan Pelaksana (1 – 14)	27
	JUMLAH	**55**

Jadual 2: Ringkasan Pengisian Secara Pembelian Perkhidmatan *(Contract for Service)* Tahun 2019

Pengisian jawatan di LADA adalah terbuka kepada warganegara Malaysia di mana hampir separuh daripada jawatan tetap dan kontrak diisi oleh komuniti kelahiran Langkawi. Ini adalah sejajar dengan hasrat dan saranan daripada Jemaah Pengarah LADA bagi memberi peluang anak tempatan untuk menyumbang kepada pembangunan Langkawi. Secara tidak langsung, kewujudan LADA dapat memberi manfaat kepada penduduk Langkawi khasnya dan Kedah amnya. Pecahan perjawatan bagi pegawai/kakitangan di LADA adalah seperti berikut:

RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN BERDASARKAN NEGERI KELAHIRAN TAHUN 2019

	KATEGORI	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
1	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Langkawi	117	34	151
2	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Kedah (selain Langkawi)	105	7	112
3	Pegawai/Kakitangan Kelahiran Lain-Lain Negeri	72	14	86
	JUMLAH	**294**	**55**	**349**

Jadual 3: Ringkasan Bilangan Perjawatan Berdasarkan Negeri Kelahiran Tahun 2019

2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan secara strategik dan berterusan merupakan teras utama dalam merealisasikan kejayaan sesebuah organisasi. Amalan *best practices* dan *excellent governance* dalam pengurusan organisasi dapat meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti, inovasi serta memupuk minda kelas pertama dalam kalangan warga organisasi untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik. Dalam hubungan ini, LADA turut memberi fokus terhadap pengurusan strategik sumber manusia melalui pelbagai inisiatif dan kaedah yang bersesuaian.

A) PEMBANGUNAN KOMPETENSI

LADA giat merangka dan melaksanakan pembangunan kompetensi yang bersesuaian untuk memastikan kecekapan warga kerjanya serta tadbir urus pengurusan organisasi sentiasa berada di tahap yang terbaik. Justeru, penyampaian perkhidmatan warga kerja amat penting demi memastikan LADA kekal relevan dalam mencapai misi dan visinya. Pembangunan kompetensi merupakan elemen penting bagi melahirkan lebih ramai pegawai dan kakitangan yang mempunyai pemikiran dan sikap yang progresif. Malah, pelbagai inisiatif turut dirancang bagi memastikan setiap warga kerja adalah berkompetensi tinggi melalui pelbagai program latihan.

Sepanjang tahun 2019, Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP) telah mengatur serta menganjurkan sebanyak 143 program pembangunan kompetensi kepada pegawai dan kakitangan LADA. Perincian maklumat kursus yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI LADA TAHUN 2019

Rajah 2: Ringkasan Pelaksanaan Program Pembangunan Kompetensi Tahun 2019

Pelaksanaan program pembangunan kompetensi ini telah berjaya mencapai syarat minimum empat (4) hari berkursus setahun sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam sasaran pencapaian Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 LADA.

Melalui program pembangunan kompetensi yang telah dilaksanakan, pegawai dan kakitangan dapat memperkasa dan meningkatkan tahap kecekapan dengan menghadiri program latihan yang bersifat generik/teknikal. Ilmu dan kepakaran yang diperoleh daripada program latihan tersebut adalah relevan untuk diaplikasikan dan bersesuaian dengan fungsi bahagian/unit di LADA. Oleh itu, pegawai dan kakitangan dilihat lebih kompeten serta berdaya saing selaras dengan hala tuju strategik LADA. Berdasarkan rekod kehadiran berkursus tahun 2019, jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan LADA adalah seramai 351 orang. Rajah tiga (3) di kanan menerangkan statistik kehadiran berkursus pegawai dan kakitangan LADA bagi tahun 2019.

Rajah 3: Statistik Kehadiran Berkursus Pegawai dan Kakitangan LADA Tahun 2019

B) PROGRAM PENEMPATAN SEMENTARA

Program Penempatan Sementara dilaksanakan dengan mengambil kira identiti LADA sebagai sebuah badan berkanun dan agensi tertutup. Selari dengan hasrat kerajaan dalam pemerkasaan pembangunan kapasiti manusia dan pembangunan kompetensi, maka pelaksanaan program ini dapat memberi nilai tambah kepada LADA. Objektif utama penempatan sementara pegawai dan kakitangan adalah supaya pegawai dan kakitangan LADA dapat mempelajari budaya kerja, *best practices* serta amalan *benchmarking* di kementerian/agensi yang lain memandangkan agensi-agensi tersebut merupakan perkhidmatan guna sama serta mempunyai tadbir urus yang cekap dan bersistematik.

Program Penempatan Sementara telah dilaksanakan seperti berikut:

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	TEMPOH	AGENSI	FOKUS PEMBELAJARAN
1	Mohd Hadrulladtfi bin Mamat	Pegawai Teknologi Maklumat	23 – 27 September 2019	Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Pengurusan sistem dan proses pengurusan fasiliti yang diguna pakai di DBKL
2	Khairulizuan bin Mohamad	Penolong Pegawai Tadbir			

Jadual 4: Program Penempatan Sementara Tahun 2019

C) PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF

Program Pembangunan Eksekutif atau *Executive Development Programme* (EDP) merupakan salah satu platform bagi pembangunan diri dan menyediakan pegawai lantikan LADA agar lebih kompeten dan berkemahiran tinggi bagi menerajui LADA pada masa akan datang. Pengurusan LADA yakin bahawa pelaksanaan program ini mampu melahirkan lebih ramai pegawai yang berwibawa, profesional serta memiliki kecekapan yang diperlukan dalam bidang pengurusan bagi memastikan tadbir urus LADA adalah cekap dan teratur.

Program ini dilihat memberi nilai tambah dan dapat meningkatkan kebolehan berinteraksi serta kredibiliti pegawai daripada aspek kompetensi insaniah dan kepimpinan bersesuaian dengan transformasi LADA. Maka, pada tahun 2019 seramai lapan (8) orang pegawai telah menghadiri program ini dengan jayanya. Maklumat pelaksanaan program adalah seperti berikut:

BIL	MAKLUMAT PEGAWAI	MAKLUMAT PROGRAM
1	Mohd Tarmizi bin Mohamad Tajuddin Pegawai Tadbir Gred N44 Unit Khidmat Korporat	*Leadership Development Program* 01 – 12 April 2019 *Asian Institute of Management*
2	Mohd Hadrulladfti bin Mamat Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 Bahagian Teknologi Maklumat	*Adaptive Leadership : Leading An Agile Workforce for The 21st Century* 25 – 27 April 2019 *Asian Institute of Management*
3	Mohd Syafiq bin Md Lani Pegawai Tadbir Gred N44(M) Unit Khidmat Korporat	*Leadership Coaching Programme* 9 – 10 Julai 2019 *Singapore Management University*
4	Siti Harishah binti Awang Omar Akauntan Gred WA44 Bahagian Kewangan	*Strategic Leadership : How To Build, Lead and Sustain A High Performance Organisation* 30 Julai – 3 Ogos 2019 Pusat Inovasi dan Pentadbiran Perkhidmatan Awam
5	Suhaimi bin Baharun Pegawai Tadbir Gred N44 Unit Pemantauan dan Pelaksanaan	*Adding Value and Transforming Organisation Through Strategic HR* 20 – 24 Ogos 2019 Pusat Inovasi dan Pentadbiran Perkhidmatan Awam
6	Waffa Wahida binti Zainol Pegawai Tadbir Gred N48 Unit Pemantauan dan Pelaksanaan	*Performance Management : Focus on The People* 8 – 13 September 2019 Pusat Inovasi dan Pentadbiran Perkhidmatan Awam
7	Faizelina binti Osman Pegawai Undang-Undang Gred L41 Unit Undang-Undang	*Financial Analysis and Business Decisions for Non-Managers* 20 – 22 November 2019 *National University of Singapore*
8	Muhammad Fakharie bin Dato' Haji Che Pee Jurutera Gred J48(M) Bahagian Kejuruteraan Teknikal	*Excel Leadership Programme* 18 – 22 November 2019 *Singapore Management University*

Jadual 5: Program Pembangunan Eksekutif Tahun 2019

D) PROGRAM *KNOWLEDGE SHARING*

Program *Knowledge Sharing* merupakan salah satu platform percambahan idea dan pertukaran pengetahuan (*knowledge transfer*) di antara pegawai dan kakitangan LADA yang telah menghadiri program pembangunan kompetensi luaran. Program ini dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan prestasi kakitangan LADA.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak lapan (8) sesi *knowledge sharing* telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 392 orang peserta. Pemilihan tajuk dan peserta dibuat berdasarkan keperluan kompetensi teknikal di setiap bahagian/unit bagi memastikan pegawai dan kakitangan dapat berkongsi pengetahuan yang diperolehi semasa menghadiri kursus tersebut. Berikut merupakan perincian Program *Knowledge Sharing* yang telah dilaksanakan:

BIL	PROGRAM *KNOWLEDGE SHARING*	TARIKH	JUMLAH PESERTA PROGRAM
1	Setiausaha Awesome dan Berintegriti (SADI)	16 Mei 2019	17
2	Program EDP 2019: Adaptive Leadership Leading an Agile Workforce for The 21st Century	26 Mei 2019	43
3	Modenisasi Peranan Juruaudit Dalam Merentasi Cabaran Pengauditan Baharu	20 Jun 2019	11
4	Contract Law for Managers & Non-Legal Professionals	06 Ogos 2019	9
5	Program EDP 2019: Leadership Development	20 Ogos 2019	49
6	Program EDP 2019: Leadership Coaching Programme	20 Ogos 2019	49
7	Know Your Term of Contract - Issues Regarding Payment, Extension of Time and Termination	21 Ogos 2019	6
8	Strategic Leadership: How to Build, Lead and Sustain A High-Performance Organization	13 Oktober 2019	10

Jadual 6: Program *Knowledge Sharing* Tahun 2019

E) SISTEM H.E.A.T. (SISTEM PENGGUNAAN KOS RAWATAN PERUBATAN)

LADA telah mewujudkan sistem H.E.A.T. sejak tahun 2015 untuk BSMKP merekod penggunaan kos rawatan perubatan di 12 klinik panel dan dua (2) hospital pakar yang diluluskan oleh Pengurusan LADA seperti berikut:

BIL	KLINIK PANEL DAN HOSPITAL PAKAR
1	Kedah Medical Centre (KMC)
2	Putra Medical Centre (PMC)
3	Chenang Clinic Medical and Surgery
4	Dr. Boo Clinic & Surgery
5	Klinik Dr. Naga
6	Klinik ICare
7	Klinik Langkawi
8	Klinik Lisa & Zaidy Consultation
9	Klinik Pergigian Chew
10	Klinik Pergigian Chong
11	Klinik Pergigian Rosila
12	Klinik Ummi
13	Poliklinik Dr. Shuib
14	Poliklinik Perdana Langkawi

Jadual 7: Senarai Klinik Panel dan Hospital Pakar LADA

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2019 LADA

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019
bersama Barisan Pengurusan LADA

Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012 - Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Semua penerima menerima insentif seperti di bawah:

i. Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional bernilai RM1,000.00; dan
ii. Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Majlis telah diadakan pada 24 Jun 2020 bertempat di Dewan Besar, Kompleks LADA. Terdapat seramai 28 orang penerima anugerah yang terdiri daripada lima (5) orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 23 orang pegawai Kumpulan Pelaksana.

F) PEROLEHAN LADA

LADA menguruskan perolehan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan berpandukan prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, pengurusan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta keadilan dan kesaksamaan. Proses perolehan adalah merujuk kepada peraturan Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE) LADA dari semasa ke semasa. Jumlah perolehan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM20,887,195.90 mengikut perincian perolehan yang dilaksanakan seperti berikut:

KAEDAH PEROLEHAN	BILANGAN PEROLEHAN	NILAI (RM)
Tender	1	915,768.00
Sebut Harga	81	13,511,146.58
Rundingan Terus	17	1,207,245.80
Pelantikan Perunding	5	335,515.82
Kerja *Requisition* (Undian)	11	508,853.90
Pembelian Terus	600	3,699,265.05
Lantikan Terus (Penggiliran)	33	586,695.75
Kontrak Pusat/ Sistem Panel	3	122,705.00

MEMPERKASAKAN ORGANISASI & SUMBER

3. LAPORAN INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN JABATAN DI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

LADA telah menerima kunjungan daripada pihak Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (PKPKK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi melaksanakan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan pada 26 dan 27 November 2019.

Sesi inspektorat tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti dan tadbir urus keselamatan perlindungan khususnya daripada aspek pengurusan Rahsia Rasmi. Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) bertanggungjawab untuk memastikan bahawa aset kerajaan, perkara-perkara Rasmi dan Rahsia Rasmi di pejabat terjamin selamat secara sepenuhnya pada setiap masa selaras dengan peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan.

Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perdana Menteri, 13 penemuan perlu diberi perhatian oleh LADA bagi penambahbaikan pada masa akan datang. Kesimpulannya, tahap keselamatan perlindungan di LADA adalah pada tahap baik dengan pencapaian 87.2%.

A) URUS SETIA JAWATANKUASA PERINGKAT JABATAN YANG DIURUSKAN OLEH BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ);
- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Sistem Pengurusan Kualiti (ISO);
- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA);
- Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan;
- Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Jabatan;
- Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Lembaga Pembangunan Langkawi;
- Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Lembaga Pembangunan Langkawi; dan
- Mesyuarat Pengurusan Lembaga Pembangunan Langkawi.

B) PELAPORAN SASARAN, PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN BAHAGIAN (*AWARDS & ACCOLADES*)

- ISO 9001 Quality Management System (QMS): 2018 – 2020
- Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA): 2019 – 2020

4. RUMUSAN

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menyediakan organisasi yang mantap serta merancang dan membangunkan sumber manusia bagi memenuhi keperluan organisasi dalam mencapai misi dan visi LADA. Pemerkasaan tadbir urus dapat memupuk dan menerap nilai-nilai murni bagi meningkatkan integriti serta jati diri warga kerja LADA.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2019, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) terus memberikan perkhidmatan ICT yang terbaik untuk Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Tanggungjawab utama BTM adalah menguruskan infrastruktur ICT di LADA iaitu membangun dan menyelenggara sistem-sistem dalaman LADA, menyelenggara peralatan dan infrastruktur ICT serta menguruskan rangkaian. Fungsi-fungsi bahagian ini adalah seperti berikut:

FUNGSI

I. Menggubal, merancang dan melaksanakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat, dasar-dasar ICT LADA dan dasar-dasar ICT Perkhidmatan Awam;

II. Melaksanakan perancangan, kajian keperluan, reka bentuk, pembangunan, pengujian, pelaksanaan dan penyelenggaraan sistem aplikasi LADA yang dibangunkan secara *in-house*;

III. Mereka bentuk bahan-bahan multimedia (*banner*, poster, montaj, *bunting* dan lain-lain) bagi tujuan promosi/laporan program pelancongan, sukan, pelaburan dan pembangunan komuniti;

IV. Membangun, mengurus dan menyelenggara laman-laman web LADA;

V. Mengurus operasi dan menyelenggara infrastruktur rangkaian LADA; dan

VI. Memberi sokongan operasi dan menyelenggara peralatan ICT LADA.

TEKNOLOGI MAKLUMAT PENERAJU TRANSFORMASI DIGITAL

Transformasi digital yang berpaksikan pengguna merupakan sasaran utama yang terus dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan.

Sehubungan itu, beberapa projek utama telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 untuk meletakkan pembangunan ICT di landasan tersebut. Antaranya adalah pembangunan sistem perolehan, perolehan perkhidmatan sewaan komputer peribadi, pembangunan laman web LADA dan demonstrasi 5G Malaysia di Langkawi.

SISTEM PEROLEHAN

Sistem Perolehan dibangunkan bagi kegunaan Unit Perolehan untuk memantau status *tender*, sebut harga A dan sebut harga B. Segala maklumat dan butiran akan dimasukkan ke dalam sistem mengikut pernyataan daripada Unit Perolehan berserta lampiran dokumen yang dimuat naik. Setelah maklumat dihantar masuk ke dalam sistem, tawaran akan dipaparkan di laman web LADA dalam modul *tender*/sebut harga secara automatik. Tawaran akan ditutup secara automatik mengikut tarikh tutup iklan dan senarai ini juga boleh didapati dalam laman web LADA.

LAMAN WEB LADA

Laman web LADA telah berwajah baharu mulai 25 November 2019 bagi memantapkan penyaluran maklumat kepada orang awam serta meningkatkan imej korporat LADA. Reka bentuk laman web menonjolkan aktiviti-aktiviti LADA yang terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu Pelancongan, Komuniti, Pelaburan dan Aktiviti LADA. Selain itu, produk-produk LADA seperti Langkawi UNESCO Global Geopark, Langkawi Skycab, Laman Padi dan Kompleks Sukan LADA juga ditonjolkan selain daripada produk-produk pelancongan Langkawi yang lain. Maklumat-maklumat korporat disusun supaya lebih mudah dilayari dan diakses pengguna.

KELENGKAPAN INFRASTRUKTUR ICT

161 UNIT
Komputer peribadi secara sewaan

3 TAHUN
Tempoh perkhidmatan

LADA telah melaksanakan perkhidmatan membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyelenggara 161 unit komputer peribadi secara sewaan bagi memantapkan lagi infrastruktur sedia ada dari segi peralatan ICT serta menggantikan peralatan ICT yang tidak dapat dinaik taraf atau usang. Tempoh perkhidmatan ini adalah selama tiga (3) tahun bermula dari Jun 2019 hingga Jun 2022.

Rasional yang membawa kepada cadangan projek ICT ini adalah kerana 70% komputer sedia ada di LADA telah berusia 10 tahun dan kerap kali mengalami kerosakan.

Perkhidmatan ini juga dibekalkan bagi memastikan semua pegawai LADA dapat menggunakan peralatan ICT yang berspesifikasi terkini dalam melaksanakan tugas dan memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dapat dipertingkatkan.

Bagi memastikan komputer beroperasi dalam keadaan yang baik, penyelenggaraan berkala dilakukan dua (2) kali setahun.

Selain itu, peralatan ICT yang tidak ekonomi untuk diperbaiki akan diganti secara beransur-ansur tanpa menjejaskan operasi sedia ada.

PROJEK DEMONSTRASI 5G MALAYSIA DI LANGKAWI

Langkawi telah dipilih sebagai salah satu lokasi pelaksanaan demonstrasi projek 5G. Projek ini bertujuan memudah cara, mewujud dan mengimplementasikan kes penggunaan 5G yang berpotensi dilaksanakan dalam persekitaran sedia ada melalui sembilan (9) teras utama iaitu teras pertanian, kesihatan digital, pendidikan, hiburan/media, pembuatan, minyak dan gas, bandar pintar, pengangkutan pintar serta pelancongan.

Teknologi 5G berkeupayaan untuk menghantar data sehingga 10Gbps *(giga bit per second)*, mempunyai kadar latensi yang sangat rendah dan mengoptimumkan sumber rangkaian dengan lebih berkesan.

Terdapat 35 kes penggunaan 5G yang dilaksanakan di Langkawi yang melibatkan pelbagai syarikat telekomunikasi dan agensi bermula dari Oktober 2019 dan dijadual berakhir pada Mei 2020.

LADA mempunyai lima (5) kes penggunaan 5G iaitu *Smart Street Lighting (Smart City)* di Dataran Lang, *Panoramic Dome Camera (Smart Tourism)* di Dataran Lang, *Smart Tourism Apps, 5G Showcase with Virtual Reality Experience* di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan penyediaan kandungan papan iklan digital (*digital signage*) di Pantai Chenang. Kes penggunaan 5G yang melibatkan LADA ini dilihat dapat membantu Langkawi terutama dari sudut pelancongan pintar.

RUMUSAN

Bahagian Teknologi Maklumat sentiasa meneruskan usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan ICT dalam menyokong visi LADA bagi memastikan Langkawi menjadi agensi peneraju untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Justeru, projek-projek ICT yang dilaksanakan pada tahun 2019 adalah secara tidak langsung untuk meletakkan Langkawi pada landasan tersebut yang meliputi aspek tadbir urus ICT, teknikal dan aplikasi ICT.

BAHAGIAN PENGURUSAN ASET

I. FUNGSI DAN TERAS BAHAGIAN

Bahagian Pengurusan Aset (BPA) mempunyai tiga (3) unit utama dengan kapasiti seramai 54 orang kakitangan keseluruhan. BPA bertindak untuk mengurus, menyelia dan menyelenggara sewaan aset/produk komersial/fasiliti milik LADA. Fungsi unit adalah seperti berikut:

A) UNIT SEWAAN PENGURUSAN ASET (SPA)

FUNGSI

RUMAH SEWA

Mengendalikan Proses Sewaan/ Pemantauan Tunggakan Hasil/ Penyelenggaraan Cuci Bersih/Urusan Aduan;

PENGURUSAN ASET ALIH

Bertanggungjawab dalam menguruskan pengunaan aset untuk kakitangan LADA;

PENDAFTARAN ASET

Melibatkan urusan pendaftaran aset-aset baharu yang dibeli oleh LADA;

PELUPUSAN

Bertanggungjawab dalam melaksanakan prosedur pelupusan aset hidup dan aset alih; dan

PENGGUNAAN ASET

Menguruskan permohonan penggunaan aset alih seperti meja dan kerusi untuk program LADA.

B) UNIT PENGURUSAN PRODUK KOMERSIAL DAN FASILITI (UNIFC)

FUNGSI

PRODUK KOMERSIAL

Menguruskan penyewa yang berminat untuk menyewa gerai di bawah pengurusan UniFC. Jumlah gerai di bawah UniFC berjumlah 106 buah. UniFC juga menguruskan Dewan MIEC bagi tujuan penyewaan;

PRODUK PELANCONGAN

Menguruskan empat (4) produk pelancongan iaitu Kompleks Sukan LADA, Dataran Lang, Taman Legenda dan Laman Padi Langkawi; dan

URUS DAN OPERASI (M&O)

Menguruskan 13 M&O yang melibatkan Anak Syarikat LADA dan syarikat swasta.

C) UNIT PENYELENGGARAAN (UP)

FUNGSI

Menyediakan perancangan kerja penyelenggaraan;

Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang terancang dan tidak terancang mengikut keutamaan dan keperluan; dan

Menyediakan '*Bill of Quantities*' (BQ) bagi kerja penyelenggaran *(In-House).*

II. AKTIVITI BAHAGIAN

SENARAI AKTIVITI 2019

A) OPERASI PEMUTIHAN PREMIS

Bagi tahun 2019, BPA dengan kerjasama Bahagian Kewangan, Unit Undang-undang & Unit Keselamatan Logistik telah mengadakan pemantauan rumah sewa melalui Ops. Pemutihan sebanyak dua (2) fasa seperti berikut:

FASA/SIRI	TARIKH	TAMAN
1/1	4 April 2019	Taman Sri Berlian
1/2	11 April 2019	Taman Desa Permata
1/3	26 April 2019	Taman Kenari
1/4	29 April 2019	Taman Nilam
2/1	22 Jun 2019	Taman Sri Berlian
2/2	12 & 13 Julai 2019	Taman Desa Permata
2/3	7 Disember 2019	Taman Kenari

B) PERKHIDMATAN KAUNTER KHAS SEWA BELI RUMAH PENDUDUK MELAYU ISLAM KEDAH (MIK), JENIS C, TAMAN NILAM (SIRI 5)

LADA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Taman Nilam Bil.1/2019 yang bersidang pada 10 November 2019 telah melaksanakan perkhidmatan Kaunter Khas Sewa Beli Rumah Penduduk Melayu Islam Kedah (MIK), Jenis C, Taman Nilam (Siri 5) pada 23 Disember 2019 khusus bagi memberi peluang kepada penduduk MIK membuat semakan serta menjelaskan tunggakan bayaran sewa beli, Fi Permohonan Pengisytiharan Melayu dan Yuran Guaman kepada LADA.

C) LAPORAN BERGAMBAR KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN

LADA turut menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan secara dalaman (*in-house*) di premis, produk, fasiliti dan perumahan milik LADA.

III. URUS SETIA JAWATANKUASA PERINGKAT JABATAN YANG DIURUSKAN OLEH BAHAGIAN

Bahagian Pengurusan Aset bertanggungjawab terhadap dua jawatankuasa utama iaitu:

i. Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan LADA (JKPAK); dan
ii. Jawatankuasa Perumahan, Produk Komersial dan Fasiliti (JKPF).

PENCAPAIAN 2019

A) SEWAAN RUMAH

Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 71.48% unit telah diisi/disewakan, manakala selebihnya tidak dapat ditawarkan buat sementara waktu memandangkan terdapat rumah yang memerlukan pembaikan.

STATUS RUMAH SEWA LADA SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

LOKASI	JENIS	**BILANGAN UNIT YANG TIDAK DISEWAKAN	**BILANGAN UNIT YANG DISEWAKAN	JUMLAH
Taman Kenari	Apartment 3 Bilik	143	157	300
Taman Sri Berlian	Apartment 3 Bilik	31	53	84
	Teres 2 Tingkat	1	1	2
Taman Desa Permata	Apartment 3 Bilik	31	245	276
Taman Nilam	Teres 1 Tingkat	18	72	90
	Rumah Sewa Berperabot	3	2	5
Chogm Villa	*Town House* 1 Tingkat	2	3	5
	Town House 2 Tingkat	1	3	4
Taman Medan Berjaya	Teres 1 Tingkat	0	13	13
	Teres 2 Tingkat	0	9	9
	Banglo 2 Tingkat	0	1	1
JUMLAH		**230**	**559**	**789**

B) PENINGKATAN HASIL

PENINGKATAN SEBANYAK 35%

Sehingga 31 Disember 2019, kutipan hasil LADA adalah berjumlah RM3,966,120.00 dengan peningkatan sebanyak 35% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan melalui sewaan premis komersial termasuk yuran pengurusan.

C) STATUS PELAKSANAAN PROJEK 2019

Pada tahun 2019, sebanyak 62 projek telah berjaya dilaksanakan. Perincian projek adalah seperti berikut:-

NO	MAJOR	BILANGAN PROJEK/KERJA	NILAI (RM)
1	Projek sebut harga berkaitan kerja awam	9	RM2,151,413.33
2	Projek sebut harga berkaitan kerja mekanikal dan elektrik	9	RM1,128,210.00
3	Kerja pembaikan lantikan kontraktor mengikut giliran (bernilai RM20,000 dan ke bawah)	32	RM516,102.75
4	Kerja pembaikan lantikan kontraktor secara undian (bernilai antara RM20,000 hingga RM50,000)	12	RM495,123.00
JUMLAH (TAHUN 2019)		**62**	**RM4,290,849.08**
JUMLAH (TAHUN 2018)		**40**	**RM3,392,593.77**

V. RUMUSAN

BPA berusaha dalam memastikan aset dan fasiliti LADA diuruskan serta diselenggara dengan teratur demi keselesaan pengguna selain mengamalkan tatacara pengurusan aset yang cekap, efisien dan berkualiti.

UNIT KHIDMAT KORPORAT

Unit Khidmat Korporat terdiri daripada tiga komponen iaitu Tadbir Urus Korporat, Komunikasi Strategik dan Pembangunan Komuniti.

TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir Urus Korporat merupakan salah satu komponen utama dalam sistem pengurusan organisasi. Tadbir urus korporat secara asasnya meliputi pengurusan imej, perhubungan awam, perkhidmatan kepada pelanggan serta komunikasi strategik. Tadbir urus korporat yang berkualiti dapat meningkatkan imej positif organisasi, seterusnya mengimbangi keperluan pihak berkepentingan lain termasuklah warga kerja, pelanggan, *stakeholder* serta pelbagai agensi awam dan swasta. Berhadapan dengan cabaran pengurusan pelanggan pada masa ini, Unit Khidmat Korporat, LADA berperanan sebagai pengantara organisasi bagi menyampaikan maklumat dengan efisien dan efektif kepada pelanggan demi memastikan kelangsungan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dapat terus dipertingkatkan.

PEMBANGUNAN KOMUNITI PEMANGKIN KEMAKMURAN LANGKAWI

Seiring dengan hasrat kerajaan yang menyasarkan pembangunan secara inklusif bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat, pelbagai program dan inisiatif bagi pembangunan komuniti telah dilaksanakan pada tahun 2019. Ia telah memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada komuniti serta berjaya meningkatkan kualiti hidup masyarakat di Langkawi.

LADA telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk terus memacu pembangunan komuniti dalam pelbagai aspek selaras dengan matlamat dan pembangunan transformasi negara berlandaskan Pelan Strategik Pembangunan Komuniti LADA. Fokus utama pembangunan komuniti adalah dalam bidang ekonomi, infrastruktur, sosial dan modal insan tanpa membelakangkan keperluan kebajikan terutamanya dalam pelaksanaan projek kecil komuniti.

Kerancakan pelaksanaan pembangunan pelancongan Langkawi amat memerlukan penglibatan dan penyertaan komuniti. Keperluan-keperluan dan kehendak komuniti wajar diberi perhatian bagi meningkatkan penyertaan komuniti seterusnya meningkatkan keyakinan terhadap kepentingan LADA dalam memacu kemakmuran Langkawi.

KOMUNIKASI STRATEGIK

Pengurusan strategik melalui pelbagai saluran tradisional dan digital memainkan peranan penting untuk meningkatkan jalinan hubungan kerjasama di semua pejabat. Konteks pengurusan aduan dan media yang sistematik turut diberi penekanan bagi memastikan kehendak pelanggan dalaman dan luaran dapat dipenuhi. Dalam hubungan ini, LADA mempelbagaikan strategi komunikasi supaya matlamat pembangunan Langkawi berdasarkan visi dan misi yang ditetapkan dapat difahami oleh semua pihak berkepentingan.

PROGRAM DAN AKTIVITI BERSAMA-SAMA KOMUNITI

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 21 program dan aktiviti telah dilaksanakan bagi mewujudkan hubungan muhibah antara LADA dan komuniti.

PROGRAM KOMUNITI 2019

EKONOMI

1. Karnival Usahawan dan Bizfrancais Langkawi 2019

INFRASTRUKTUR / AGAMA

1. Program Tadarus Al-Quran Sekolah-Sekolah KPM Peringkat Daerah Langkawi 2019;
2. Majlis Sumbangan Sempena Ramadhan - 31 Masjid;
3. Jelajah Ramadhan LADA bersama Anak Syarikat;
4. Forum Perdana Ehwal Islam 2019 - Siaran Langsung di TV1; dan
5. Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Langkawi 2019.

MODAL INSAN

1. Program Kemahiran Psikomotor & Psikososial Bagi Murid Berkeperluan Khas Sekolah Menengah Daerah Langkawi;
2. Langkawi Education Fair 2019;
3. Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Langkawi (A-KAWI);
4. Program Halal Malaysia 2019;
5. Program Motivasi Kecemerlangan SPM Peringkat Daerah Langkawi;
6. Program Pameran Sains & Penerbangan Jet Kawalan Jauh (RC) Bersama Komuniti Daerah Langkawi 2019
7. Majlis Penyerahan Buku Kepada Sekolah-Sekolah Rendah di Daerah Langkawi Sempena Program Books For Asia; dan
8. Program Kem Rintis Anak Harapan Langkawi.

SOSIAL

1. Sambutan Tahun Baharu Cina 2019;
2. Program Santai KPE Bersama-sama Komuniti Kepulauan Tuba;
3. Program Jom Suluh Sotong;
4. Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Parlimen Langkawi 2019;
5. Kejohanan Bola Jaring Terbuka Langkawi 2019 - Piala Pengerusi PUSPANITA LADA;
6. Karnival Asyura; dan
7. Sambutan Deepavali 2019.

PROJEK KECIL KOMUNITI

LADA telah berjaya melaksanakan 16 projek kecil komuniti yang merangkumi penambahbaikan infrastruktur masjid/surau, bekalan dan pembinaan rumah muafakat Kedah (NBOS) serta lain-lain projek seperti berikut:

PROJEK KECIL KOMUNITI 2019

INFRASTRUKTUR / AGAMA

1. Projek Pembaikan Menara Masjid Kampung Ewa;
2. Projek Mengecat Semula Bangunan Masjid India, Kuah;
3. Projek Kerja-kerja Membina Baru Bangunan Tandas Masjid Lama Kampung Bohor Berendam Serta Lain-lain Kerja Berkaitan;
4. Projek Pembinaan Tempat Serba Guna Berbumbung di Surau Kampung Mata Ayer;
5. Projek Naik Taraf Maahad Tahfiz Al-Quran Dakwatul Hidayah, Kampung Sungai Kedak;
6. Projek Pembaikan Semula Bangunan Parkir Kenderaan & Dewan Serba Guna Masjid Al-Wafa, Pulau Tuba (Bencana); dan
7. Projek Membaiki Kerosakan di Masjid Al-Istiqomah, Kuala Teriang, Langkawi (Bencana).

MODAL INSAN

1. Projek Pembinaan Kantin Tahfiz Pondok Kilim;
2. Projek Pembaikan Pagar Kubur Pulau Tuba;
3. Projek Pembinaan Tandas Awam di Tapak Pasar Malam Ulu Melaka;
4. Projek Bekalan Keperluan Meja dan Kerusi Plastik Sekolah Menengah Kebangsaan Kelibang;
5. Projek Pembinaan Pondok Rehat dan Keperluan Bekalan Peralatan di Dalam Kelas Untuk Pelajar Kelas KAFA di Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi;
6. Projek Baik Pulih Rumah di Kampung Nyior Cabang secara NBOS Peringkat Daerah Langkawi;
7. Dua Projek Bina Baru Rumah Muafakat Kedah secara NBOS Peringkat Daerah Langkawi; dan
8. Projek Bina Pagar Tanah Perkuburan Desa Wang Tok Rendong.

Projek kecil komuniti ini antara lainnya telah memberikan peluang kepada pihak LADA untuk berinteraksi seterusnya membantu menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan bermanfaat kepada komuniti setempat.

Selain itu, terdapat satu projek yang diluluskan pada Fasa dua (2) tahun 2018 yang telah menggunakan peruntukan tahun 2019 memandangkan pelaksanaan projek tersebut siap pada tahun 2019. Projek yang dimaksudkan adalah seperti di bawah:

BIL	PROJEK	MUKIM
1	Kerja Naik Taraf Surau Kampung Bukit Kemboja & Lain-Lain Kerja Berkaitan	Bohor

PECAHAN PROJEK MENGIKUT KAWASAN

Projek dan program yang telah dilaksanakan oleh LADA dan agensi bersama-sama komuniti dilihat berjaya menghasilkan impak positif bagi semua pihak. Pelaksanaannya telah memberikan pelbagai faedah kepada masyarakat selain mampu meningkatkan pendapatan sosioekonomi, modal insan dan pembinaan sahsiah yang baik. Ini secara tidak langsung mencerminkan keseimbangan antara penglibatan komuniti dan pembangunan pesat pelancongan di Langkawi.

DUN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH (RM)
Kuah	7	89,398.00
Ayer Hangat	10	452,634.02
JUMLAH	**17**	**542,032.02**

LADA MENYANTUNI MASYARAKAT MELALUI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Sebagai sebuah organisasi yang menjalankan fungsinya yang tersendiri di Langkawi, LADA turut menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) LADA melalui peruntukan CSR LADA yang diselaraskan bagi membantu pihak-pihak yang memerlukan. LADA komited dan prihatin dalam menyokong program-program berkonsepkan program amal bagi memastikan masyarakat terutamanya komuniti Langkawi tidak tercicir daripada arus kemodenan semasa. Pelbagai pihak telah menerima manfaat daripada peruntukan CSR LADA seperti agensi-agensi pendidikan, kesihatan, sukan, kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan (NGO), institusi keagamaan dan sebagainya.

Sebanyak 108 program/aktiviti CSR telah dilaksanakan oleh LADA sepanjang tahun 2019. Ia merangkumi empat (4) teras utama iaitu Bencana Alam dan Kecemasan, Penghargaan, Kebajikan dan Perpaduan serta Hebahan dan Publisiti. Sebanyak RM267,530.00 telah digunakan bagi menjayakan program-program CSR berdasarkan permohonan-permohonan yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak.

SUMBANGAN MAKANAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR PENDIDIKAN KHAS (SEKOLAH LUAR LANGKAWI)

SUMBANGAN KEWANGAN BAGI MEMBANTU MENJAYAKAN PROGRAM CHENANG GO GREEN & CLEAN 2019 ANJURAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

PENGURUSAN ADUAN

PENGKELASAN

LADA telah menerima sebanyak lapan (8) aduan pada tahun 2019 seperti di Rajah 1. Daripada jumlah ini, keseluruhan maklum balas yang diterima adalah daripada kategori aduan iaitu sebanyak 25% atau dua (2) maklum balas yang merupakan aduan berkaitan LADA. Manakala 75% atau enam (6) maklum balas adalah aduan bukan berkaitan LADA yang melibatkan agensi lain.

Pengkelasan aduan bukan berkaitan LADA yang diterima pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

i) Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (1);
ii) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) (1);
iii) Jabatan Laut Malaysia (1);
iv) Jabatan Kerja Raya (1);
v) Malaysian Association of Hotels (MAH)/Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO) (1); dan
vi) LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. (1).

Pada tahun 2019, sebanyak sembilan (9) saluran disediakan untuk orang ramai mengemukakan maklum balas (aduan dan bukan aduan) kepada LADA. Saluran melalui e-mel menjadi saluran utama bagi orang ramai mengemukakan maklum balas iaitu sebanyak 75% atau enam (6) daripada jumlah keseluruhan maklum balas. Seterusnya, diikuti oleh saluran Borang Maklum Balas Pelanggan sebanyak 25% iaitu dua (2) maklum balas. Maklumat terperinci penerimaan maklum balas mengikut jenis saluran bagi tahun 2019 adalah seperti di Rajah 2.

Rajah 2: Maklum Balas Yang Diterima Oleh LADA Mengikut Saluran

STATUS PENYELESAIAN

Terdapat dua (2) aduan LADA yang telah diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja seperti di Rajah 3.

Rajah 3: Status Penyelesaian Aduan Dalam Tempoh 15 Hari Bekerja

KATEGORI ADUAN

Pada tahun 2019, LADA telah menerima dua (2) aduan berkaitan pengurusan produk dan fasiliti serta pengurusan sewaan dan aset. Selain itu, LADA juga telah merekodkan penerimaan enam (6) aduan yang bukan berkaitan LADA seperti pada Rajah 4.

Rajah 4: Kategori Aduan Bagi Tahun 2019

PENGURUSAN MEDIA LADA

PENGURUSAN PEMANTAUAN MEDIA

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Untuk mendapatkan maklum balas daripada pelanggan terhadap pengurusan aset dan fasiliti LADA, Unit Khidmat Korporat telah melaksanakan dua (2) Kajian Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2019.

1. Kajian Kepuasan Pelanggan Ke Atas Pengurusan Rumah Sewa LADA:
   - Kajian dijalankan bagi mendapatkan maklum balas mengenai persepsi masyarakat terhadap pengurusan rumah sewa LADA. Seramai 303 orang responden telah mengambil bahagian meliputi penyewa-penyewa di Taman Kenari, Taman Medan Berjaya, Taman Nilam, Taman Sri Berlian, Taman Desa Permata dan Chogm Villa.
2. Kajian Kepuasan Pelanggan LADA Ke Atas Pengurusan Fasiliti LADA:
   - Seramai 150 orang responden telah terlibat dalam kajian bagi mendapatkan maklum balas mengenai pengurusan fasiliti LADA yang merangkumi Dewan Besar LADA, Auditorium LADA, Kompleks Sukan Langkawi, Dewan MIEC, Dataran Lang, Parkir Kompleks LADA dan gerai-gerai di bawah seliaan LADA.

PENGURUSAN MEDIA SOSIAL LADA

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) mempunyai akaun media sosial yang terdiri daripada laman Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube.

LAMAN FACEBOOK LADA

LIKES : 10,680
FOLLOWERS : 11,032

LAMAN INSTAGRAM LADA

FOLLOWERS : 16,297

LAMAN TWITTER LADA

FOLLOWERS : 63

LAMAN YOUTUBE LADA

SUBSCRIBERS : 174

PENGURUSAN LAWATAN RASMI

Sepanjang tahun 2019, LADA telah menerima 40 lawatan rasmi yang melibatkan seramai 1,116 orang pelawat dari Jabatan/Agensi Kerajaan, Syarikat Swasta, Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah dan Badan Bukan Kerajaan dari dalam dan luar negara. Lawatan-lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman tentang tadbir urus LADA, pembangunan pelancongan dan prestasi sektor pelancongan Pulau Langkawi.

DALAM NEGERI	37 LAWATAN
LUAR NEGARA	3 LAWATAN

RUMUSAN

Unit Khidmat Korporat sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan bagi meningkatkan imej LADA sebagai agensi peneraju utama Langkawi dan sentiasa menyokong visi LADA bagi memastikan Langkawi menjadi destinasi pelancongan bertaraf dunia.

UNIT AUDIT DALAM

UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi LADA. UAD telah ditubuhkan pada tahun 1999. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan, PS 3.1, unit ini berperanan membantu LADA mencapai matlamat melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Bidang tugas UAD meliputi semua bahagian dan unit di LADA termasuk anak syarikat milik LADA.

Aktiviti/program UAD dilaksanakan melalui empat (4) fungsi teras berikut:

- Pengurusan Kewangan;
- Pengurusan Syarikat Subsidiari, Bersekutu & Lain-lain Pelaburan;
- Pengauditan Mengejut; dan
- Pengauditan Susulan.

- Pengauditan Prestasi; dan
- Siasatan/Khas.

- Mesyuarat/ Perbincangan; dan
- Lawatan Pemantauan Acara/Program/Projek.

- Rancangan Audit;
- Laporan Tahunan UAD;
- Mesyuarat Jawatankuasa Audit; dan
- Laporan Suku Tahun Jemaah Pengarah LADA.

MELIPUTI AKTIVITI/ PROGRAM YANG DILAKSANAKAN SEPERTI BERIKUT:

i. Pengurusan Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan
ii. Teknologi Maklumat
iii. Proses/Operasi
iv. Operasi Kewangan
v. Pengurusan Syarikat

JAWATANKUASA AUDIT

UAD yang merupakan salah satu komponen kawalan dalaman agensi yang bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Audit. Seiring dengan keperluan Pekeliling Perbendaharaan, PS 3.2, Jawatankuasa Audit (JKAD) LADA telah ditubuhkan melalui kelulusan Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA pada 30 April 2000. Terma rujukan Mesyuarat JKAD LADA adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 dan juga merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan PS 3.2.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk memantapkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus dan sistem kawalan dalaman serta memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan (audit) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Pada tahun 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKAD) telah bersidang sebanyak tiga kali seperti berikut:

BILANGAN MESYUARAT	TARIKH PELAKSANAAN MESYUARAT
1/2019	14 Februari 2019
2/2019	22 April 2019
3/2019	29 November 2019

Kertas kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat JKAD adalah berdasarkan laporan daripada UAD dan penemuan Jabatan Audit Negara. Kertas kerja yang dibentangkan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

1/2019

1. Pencapaian Rancangan Audit Tahun 2018;
2. Peranan dan Fungsi Audit Dalam Serta Rancangan Audit Tahun 2019; dan
3. Laporan Pengauditan Audit Luar Sepanjang Tahun 2018.

2/2019

1. Pembentangan Penyata Kewangan (Belum Diaudit) Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

3/2019

1. Laporan Pengauditan Pengurusan Syarikat LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd.;
2. Pengauditan Pengurusan Perolehan Sebut Harga;
3. Cadangan Pindaan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1; Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta PS; dan
   3.2; Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
4. Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan LADA Tahun Berakhir 31 Disember 2018; dan
5. Laporan Tahunan Unit Audit Dalam Tahun 2018.

PENCAPAIAN PRESTASI UAD PADA TAHUN 2019

Pada tahun 2019, UAD telah berjaya melaksanakan 10 program pengauditan berdasarkan Rancangan Audit Tahun 2019 yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Pencapaian program dan aktiviti UAD yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

PENCAPAIAN PRESTASI UAD PADA TAHUN 2019

PROSES/OPERASI

1. Pengurusan Kualiti: Audit Dalaman ISO; dan
2. Lawatan Pemantauan Projek:
   i. Telaga Harbour;
   ii. Tasik Dayang Bunting;
   iii. Projek Pembinaan Jalan Kuala Temoyong ke Teluk Baru;
   iv. Projek Pembinaan Geopark Discovery Centre; dan
   v. Projek Pembinaan Pusat Anak Permata Negara (PAPN).

OPERASI KEWANGAN

1. Pengauditan Pengurusan Perolehan LADA; dan
2. Audit Susulan – Penyata Kewangan 2018.

PENGURUSAN SYARIKAT

1. Pengauditan Anak Syarikat – LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd.; dan
2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Telaga Harbour Sdn. Bhd.

KHIDMAT NASIHAT & *QUALITY ASSURANCE*

1. Pengauditan Khas;
2. Rundingan/ Perbincangan;
3. Rancangan Audit Tahunan;
4. Laporan Suku Tahun kepada Jemaah Pengarah;
5. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKAD); dan
6. Latihan.

ANTARA AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2019

Lawatan ke Telaga Harbour

Exit Conference Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

Lawatan ke Tasik Dayang Bunting – Pengauditan Syarikat LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. (LETSB)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKAD) LADA

Pelaporan dalam Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA

Pengauditan Perolehan

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, UAD menjalankan pengauditan bagi mengenal pasti kelemahan sistem kawalan dalaman dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan untuk memastikan kelemahan dapat diperbetulkan dan merancang tindakan pencegahan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

UNIT UNDANG-UNDANG

Dalam memacu LADA ke arah mencapai visi dan misinya, penglibatan Unit Undang-undang dilihat dinamik dalam memainkan peranan dan menjalankan fungsi-fungsi LADA melalui perkhidmatan perundangan yang cekap, serta berkualiti selari dengan keperluan semasa LADA.

FUNGSI UNIT UNDANG-UNDANG

GUBALAN

Penyediaan dan serahan dokumen pindaan dan lanjutan jangka hayat LADA kepada pihak berkepentingan.

NASIHAT PERUNDANGAN

Memberi khidmat nasihat kepada Jemaah Pengarah, Pengurusan Tertinggi, bahagian dan unit di LADA serta anak-anak syarikat LADA.

LITIGASI

Menguruskan kes litigasi di semua peringkat mahkamah.

KONVEYANSI

Menguruskan transaksi pembelian hartanah dan lain-lain urus niaga.

KUTIPAN HUTANG *(DEBT RECOVERY)*
PREMIS/HARTANAH MILIK LADA

Menguruskan kutipan hasil dan milikan kosong premis LADA termasuk proses rundingan dengan penyewa, membuat lawatan tapak ke premis-premis, mengenal pasti alamat terkini penyewa, menyelaras dan menilai kes tunggakan yang dirujuk *as per case basis* dan mengkaji serta mencadangkan penyelesaian yang efektif demi melindungi hak dan kepentingan LADA.

PEMANTAUAN PANEL PEGUAM

Menjadi perantara dengan panel-panel peguam yang telah dilantik bagi memastikan setiap arahan berhubung dengan kes ataupun perjanjian dilaksanakan dengan segera.

PENYEDIAAN PERJANJIAN

Menyedia dan menyemak pelbagai perjanjian serta kontrak atau memorandum persefahaman bersama dengan pihak ketiga.

PRESTASI PENCAPAIAN

PENGURUSAN PERUNDANGAN

Sejajar dengan perkembangan aktiviti pembangunan di Langkawi, Unit Undang-undang LADA sentiasa berhadapan dengan pelbagai isu perundangan yang kompleks dan rumit melibatkan kluster perundangan seperti gubalan, penyediaan pelbagai perjanjian, nasihat perundangan, tindakan litigasi di mahkamah dan tribunal, kutipan hasil, pengurusan kepeguaman serta lain-lain hal ehwal pentadbiran seperti tatatertib, semakan dan penyediaan polisi, peraturan dan lain-lain surat cara perundangan.

Kerja-kerja perundangan ini juga tidak terhad kepada LADA sahaja tetapi secara tidak langsung turut melibatkan hal ehwal anak-anak syarikat LADA dalam hal ehwal tadbir urus perundangan korporat dan komersial. Justeru, aspek penyampaian perkhidmatan perundangan yang berkualiti, tepat, profesional dan komprehensif amatlah dititikberatkan.

Di peringkat gubalan, tindakan perundangan dalam penyambungan hayat LADA sehingga tahun 2040 telah diselesaikan manakala LADA turut meneruskan cadangan pindaan Akta 423 melalui beberapa siri semakan dan kelulusan dalam usahanya untuk menambah baik keberkesanan pelaksanaan akta tersebut.

Sepanjang tahun 2019, LADA sangat aktif dalam tindakan perundangan melibatkan pelaksanaan lebih daripada 200 perjanjian. Hak-hak LADA turut dipertahankan melalui pelbagai tindakan di Mahkamah Sivil, Pusat Timbangtara dan Adjudikasi yang melibatkan kes-kes pengambilan balik tanah, kontrak binaan, kutipan hutang pelbagai, pengurusan produk dan pindah milik hartanah.

LADA juga telah mengambil 90 tindakan perundangan ke atas penyewa-penyewa yang ingkar dan gagal menjelaskan bayaran sewaan premis-premis LADA. Tindakan perundangan yang dilaksanakan merangkumi tindakan saman untuk mendapatkan penghakiman sehingga pelaksanaan penghakiman seperti sitaan dan saman penghutang penghakiman dilaksanakan ke atas penyewa sehingga selesai. Bertitik tolak daripada itu, LADA berjaya memungut hampir keseluruhan bayaran tunggakan penyewaan dan pemilikan semula premis serta membuka ruang untuk penawaran rumah sewa dan premis-premis komersial kepada penyewa baharu.

Jadual kes pada tahun 2019 berdasarkan kluster:

BIL	KLUSTER FUNGSI	JUMLAH KES
1	Gubalan (i) Jangka Hayat LADA (ii) Pindaan Akta 423	 selesai selesai
2	Nasihat perundangan kepada bahagian-bahagian dan unit di LADA serta anak-anak syarikat LADA	27
3	Litigasi	55
4	Perpindahan Hak *(Conveyancing)*	174
5	Kutipan Hutang *(Debt Recovery)* Premis/Hartanah Milik LADA/Pemilikan Semula	90
6	Penyediaan Pelbagai Perjanjian	54
JUMLAH KESELURUHAN		**398**

GUBALAN | NASIHAT PERUNDANGAN | LITIGASI | PERPINDAHAN HAK *(CONVEYANCING)* | KUTIPAN HUTANG *(DEBT RECOVERY)* PREMIS/HARTANAH MILIK LADA | PENYEDIAAN PELBAGAI PERJANJIAN

AKTIVITI UNIT

I. PROGRAM 'CONTINUOUS LEGAL EDUCATION'

Bagi memperkasa dan memantapkan pengetahuan dan kemahiran warga kerja LADA, anak syarikat serta syarikat bersekutu dalam ilmu perundangan, unit ini telah mengambil inisiatif dengan merancang modul latihan yang bersifat berterusan menerusi program 'Continuous Legal Education' yang telah dikendalikan oleh Unit Undang-undang pada 15 Oktober 2019 bertempat di Bilik Seminar Fook Look, Oriental Village, Langkawi. Objektif penganjuran program ini adalah memberi pendedahan dan pendidikan perundangan kepada pegawai, kakitangan LADA serta anak-anak syarikat milik penuh LADA mengenai pemahaman undang-undang kontrak dan kaedah mendraf kontrak. Penceramah jemputan merupakan peguam yang beramal dan merupakan fasilitator sebuah syarikat konsultan yang aktif memberi latihan bagi penyediaan kontrak.

II. PROGAM SEHARI BERSAMA PANEL PEGUAM LADA

Jaringan hubungan kerjasama di antara barisan pengurusan LADA dengan pihak panel peguam LADA adalah suatu elemen yang diberi perhatian khusus. Oleh yang demikian, Unit Undang-undang telah menganjurkan program Sehari Bersama Panel Peguam LADA 2019 yang telah berlangsung dengan jayanya pada 26 Disember 2019 bertempat di Pulau Jemuruk, Langkawi.

Objektif utama program ini adalah untuk membentangkan aktiviti dan pencapaian Unit Undang-undang yang melibatkan panel peguam LADA sepanjang tahun 2019. Program ini juga memberi peluang kepada panel peguam dan pengurusan tertinggi LADA untuk bertukar pendapat berkenaan isu-isu dan status kedudukan pembangunan di Langkawi serta kedudukan undang-undang terkini berkaitan LADA. Di samping itu, ia dapat menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran perundangan di antara panel peguam dan LADA.

PENILAIAN PANEL PEGUAM

Dalam memastikan kualiti perkhidmatan guaman panel peguam LADA, penilaian dan pemantauan dengan kaedah naziran ke atas kesemua panel peguam LADA telah dijalankan oleh Unit Undang-undang pada 30 Oktober 2019 dan 7 hingga 8 November 2019. Laporan hasil penilaian dan pemantauan naziran ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA bagi tujuan penyambungan atau penamatan perkhidmatan panel peguam untuk tahun akan datang.

RUMUSAN

Tuntasnya, kejayaan pengendalian kes dan perkhidmatan perundangan di LADA merupakan hasil kerjasama yang jitu daripada semua pihak dan bahagian berkaitan di LADA yang juga turut menggembleng usaha bagi memastikan hak dan kepentingan LADA dilindungi. Prestasi dan perkhidmatan yang disumbangkan oleh panel peguam dan warga kerja Unit Undang-undang yang sentiasa menitikberatkan aspek penyampaian perkhidmatan perundangan yang berkualiti sebagai pemangkin kejayaan. Unit Undang-undang beriltizam untuk sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam melaksanakan kerja-kerja perundangan di LADA.

UNIT PEMANTAUAN DAN PELAKSANAAN

Transformasi Pembangunan Langkawi telah digerakkan oleh pelaksanaan Blueprint Pelancongan Langkawi 2011 – 2015 yang telah merancakkan pembangunan industri pelancongan dan meningkatkan tahap sosioekonomi serta taraf hidup penduduk tempatan. Bagi memastikan rencana pembangunan yang mampan, unit ini telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemantauan, pengawasan dan penilaian projek pembangunan yang berkesan untuk meningkatkan sistem pencapaian dan tadbir urus yang baik bagi semua projek-projek pembangunan LADA.

Di samping melaksanakan tugas pemantauan, unit ini juga bertindak sebagai penyelaras tindakan strategik. Oleh demikian, unit ini dipertanggungjawabkan sebagai sekretariat Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA, Pengurusan Tertinggi LADA dan Pengurusan Anak Syarikat LADA. Unit ini mempunyai fungsi-fungsi seperti berikut:

FUNGSI UNIT

1. Merancang Dasar Pembangunan Projek Infrastruktur, Rancangan Malaysia dan *Rolling Plan*, Projek Khas, serta Kajian Permohonan Peruntukan;
2. Menyelaras permohonan dan perbelanjaan, peruntukan kewangan dan projek-projek pembangunan di bawah LADA;
3. Memantau pelaksanaan penilaian *outcome* projek-projek pembangunan LADA;
4. Menjadi urus setia bagi Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA;
5. Menyelaras permohonan kelulusan khas dan permohonan baharu bagi projek pembangunan LADA;
6. Mengemas kini SPP II bagi prestasi fizikal projek pembangunan LADA;
7. Menjadi urus setia bagi Mesyuarat Pengurusan Tertinggi LADA;
8. Menjadi urus setia bagi Mesyuarat Pemantauan Projek LADA;
9. Menyelaras perancangan pembangunan strategik dan pelan perniagaan anak syarikat bagi tempoh tiga (3) tahun;
10. Melaksanakan pemantauan prestasi anak-anak syarikat LADA;
11. Melaksanakan intervensi kepada anak syarikat serta menilai kemajuan pencapaian KPI syarikat; dan
12. Menyelaras dan mengemas kini sistem CIDS.

TERAS BAHAGIAN

PENGURUSAN PROJEK

Agenda pembangunan Langkawi sentiasa menjadi objektif utama LADA dengan pelaksanaan pelbagai program dan projek menerusi beberapa inisiatif seperti Rancangan Malaysia (RMK) dan baki projek di bawah Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL). Dalam hal pelaksanaan projek pembangunan ini, LADA telah mengadakan pemantauan dan intervensi bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual.

Berikut merupakan senarai projek pembangunan yang dilaksanakan pada tahun 2019:

	NAMA PROJEK	PERINGKAT	STATUS
1	Pembinaan Jalan dari Kuala Temoyong ke Telok Baru dan Pantai Tengah, Langkawi, Kedah	Dalam Pelaksanaan	Dalam Pelaksanaan
2	Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Jeti Pelancongan Kuah	Pra Pelaksanaan	Pra Pelaksanaan
3	Projek Menaik Taraf Tandas dan Menggantikan Sistem Pembetungan di Tasik Dayang Bunting	Pra Pelaksanaan	Pra Pelaksanaan
4	Projek Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancongan di Gua Cherita	Pra Pelaksanaan	Pra Pelaksanaan
5	Projek Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancongan di Teluk Mempelam	Pra Pelaksanaan	Pra Pelaksanaan
6	Cadangan Membina Baharu Jambatan Sungai Perangin, Oriental Village, Langkawi, Kedah Darul Aman	Pra Pelaksanaan	Pra Pelaksanaan
7	Cadangan Pembinaan Tembok Penahan di River Bay Sungai Kilim, Langkawi, Kedah Darul Aman	Siap	Siap
8	Cadangan Penggantian Pontun dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Jeti Teluk Bujur, Pulau Tuba, Langkawi, Kedah	Pra Pelaksanaan	Pra Pelaksanaan
9	Permohonan Premium Tanah bagi Tanah Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	Siap	Siap

PETUNJUK Pra Pelaksanaan · Lewat Jadual · Dalam Pelaksanaan · Siap

Selain itu, terdapat beberapa projek baharu yang telah diluluskan untuk dilaksanakan bermula pada tahun 2020 seperti berikut:

BIL	PROJEK
1	Meroboh dan Membuang Sisa Binaan Jeti Pulau Anak Tikus, Pulau Langgun Di Kilim Karst Geoforest Park, Mukim Ayer Hangat, Langkawi.
2	Meroboh dan Membuang Sisa Binaan Jeti Di Gua Langsir, Kilim Karst Geoforest Park, Mukim Ayer Hangat, Langkawi.

MESYUARAT JEMAAH PENGARAH LADA

Selain itu, Unit DMO juga dipertanggungjawabkan sebagai urus setia kepada Jemaah Pengarah LADA. Keanggotaan Jemaah Pengarah LADA terdiri daripada lima (5) orang iaitu:

MESYUARAT JEMAAH PENGARAH LADA

PENGERUSI BERSAMA

- YB DATO' WIRA IR. HAJI AMIRUDDIN HAMZAH
  Timbalan Menteri Kewangan
- YAB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR
  Menteri Besar Kedah Darul Aman

AHLI

- YBHG. DATO' ASRI BIN HAMIDON
  Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Kementerian Kewangan
- YBHG. DATO' MUHAMAD BIN IDRIS
  Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
- YB DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM
  Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

SETIAUSAHA

- Unit Pemantauan dan Pelaksanaan

PENGURUSAN ANAK SYARIKAT

LADA telah menubuhkan beberapa anak syarikat/syarikat bersekutu yang bertujuan untuk menguruskan aset-aset strategik dan komersial LADA. Berikut merupakan senarai anak syarikat, syarikat bersekutu dan juga syarikat-syarikat yang dilantik menguruskan aset-aset LADA adalah seperti berikut:

NAMA SYARIKAT:
Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB)

KATEGORI:
Milik Penuh

TERAS PERNIAGAAN:
Pelancongan dan Pengangkutan

NAMA SYARIKAT:
Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. (INR)

KATEGORI:
Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu

TERAS PERNIAGAAN:
Rekaan, Pembangunan, Pembinaan dan Operasi Hotel Mewah.

NAMA SYARIKAT:
Telaga Harbour Sdn. Bhd.

KATEGORI:
Menguruskan Aset LADA

TERAS PERNIAGAAN:
Operator dan Pengurus Pelaburan

NAMA SYARIKAT:
LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. (LETSB)

KATEGORI:
Milik Penuh

TERAS PERNIAGAAN:
Pelancongan dan Hospitaliti

NAMA SYARIKAT:
Garuda Suci Sdn. Bhd. (GSSB)

KATEGORI:
Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu

TERAS PERNIAGAAN:
Rekaan, Pembangunan, Pembinaan dan Operasi Hotel Mewah.

NAMA SYARIKAT:
Elegant Services Sdn. Bhd. (ESSB)

KATEGORI:
Lain-Lain Pelaburan

TERAS PERNIAGAAN:
Pengurusan Jetty Point Complex

NAMA SYARIKAT:
International Eagle Resources Sdn. Bhd.

KATEGORI:
Milik Penuh

TERAS PERNIAGAAN:
Pembangunan Ladang dan Harta Tanah

NAMA SYARIKAT:
Royal Langkawi Yacht Club (RLYC)

KATEGORI:
Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu

TERAS PERNIAGAAN:
Industri Bot

NAMA SYARIKAT:
Langkawi Port Sdn. Bhd. (LPSB)

KATEGORI:
Syarikat Bersekutu

TERAS PERNIAGAAN:
Operator dan Pengurus Pelabuhan

Bagi tujuan pemantauan, gerak kerja yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (JCM) LADA dan Anak Syarikat / Syarikat;
2. Pelaporan Prestasi Anak Syarikat / Syarikat;
3. Pelaporan Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat / Syarikat; dan
4. Kursus Kewangan Melibatkan Anak Syarikat / Syarikat.

Syarikat-syarikat berkenaan secara keseluruhannya menunjukkan prestasi yang baik dan menghasilkan pulangan kepada LADA dan kerajaan. Selain itu, penubuhan anak-anak syarikat LADA juga telah memberikan sumbangan bukan sahaja daripada segi peluang pekerjaan malahan juga melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Pengagihan keuntungan oleh anak-anak syarikat juga telah digunakan dalam melaksanakan pelbagai program dan projek komuniti serta pembangunan sektor pelancongan di Langkawi.

AKTIVITI BAHAGIAN

1. Melakukan lawatan pemantauan dan penilaian projek sekurang-kurangnya dua (2) minggu sekali;
2. Menyediakan laporan pemantauan projek pada setiap hujung bulan kepada pihak pengurusan atasan;
3. Mendapatkan status pelaksanaan daripada pemilik-pemilik projek pada setiap awal bulan;
4. Mengemukakan laporan / maklumat yang diperlukan oleh kementerian/agensi dalam masa tiga (3) hari;
5. Memastikan penggunaan sistem pada tahap minima 80% pada setiap masa; dan
6. Memberi maklum balas pertama kepada pertanyaan / masalah dalam tempoh tidak melebihi dua (2) hari.

PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2019

I. Sesi *Engagement* dan Lawatan Oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri pada 7 dan 8 Februari 2019.

II. Lawatan Projek Pembinaan Jalan dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah Langkawi, Kedah oleh YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri pada 26 Mac 2019.

III. YBhg. Dato' Seri Dr. Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara telah mengadakan lawatan ke Kompleks LADA pada 28 Mac 2019.

IV. Lawatan Projek Meroboh dan Membina Semula Auditorium Kota Mahsuri.

V. Lawatan projek-projek di kawasan parlimen Langkawi oleh ICU Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 14 April 2019.

VI. Kursus Financial Analysis and Capital Budgeting oleh YBrs. Dr. Rasidah binti Mohd Rashid, Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia pada 22 Ogos 2019.

VII. Seminar Revolusi Industri 4.0 Lembaga Pembangunan Langkawi pada 3 September 2019 di Dewan Besar, Aras M2, Kompleks LADA.

VIII. Lawatan projek LADA oleh KPE LADA pada 5 November 2019.

MESYUARAT JEMAAH PENGARAH LADA TAHUN 2019

I. Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 1/2019 telah diadakan pada 24 Mac 2019, jam 2.00 petang di Hotel Bayview, Langkawi.

II. Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 4/2019 telah diadakan pada 9 Disember 2019 jam 2.30 petang di Bilik Gerakan SUK, Blok B, Aras 4, Wisma Darul Aman.

SASARAN DAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN PROJEK

Secara keseluruhannya, prestasi pelaksanaan projek RMK-11(RP4) bagi tahun 2019 berjalan mengikut jadual dengan dua (2) projek siap dan tujuh (7) projek masih di peringkat pelaksanaan.

MESYUARAT JEMAAH PENGARAH LADA

Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA telah berjaya dilaksanakan sebanyak empat (4) kali mengikut sukuan tahunan seperti berikut:

- 24 MAC 2019 AHAD
- 24 MEI 2019 JUMAAT
- 3 SEPT 2019 ISNIN
- 9 DIS 2019 SELASA

PENGURUSAN ANAK SYARIKAT

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Anak Syarikat milikan penuh dan syarikat bersekutu telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual seperti berikut:

- 3 KALI — PANORAMA LANGKAWI SDN. BHD. (PLSB)
- 3 KALI — LADA ECO-TOURISM SDN. BHD. (LETSB)
- 3 KALI — LANGKAWI PORT SDN. BHD. (LPSB)

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, sasaran kerja tahunan (SKT) Unit Pemantauan dan Pelaksanaan (DMO) telah diambil tindakan dan dilaksanakan mengikut perancangan. Pelaporan dan kemajuan projek pembangunan juga berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Pengurusan Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA serta pengurusan anak syarikat LADA berjalan sepertimana yang direncanakan.

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti (UI) LADA ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013: Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam. Penubuhan UI adalah sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di samping sebagai usaha kawalan dalaman LADA untuk menguruskan integriti berpaksikan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

MEMPERKASAKAN ORGANISASI & SUMBER

FUNGSI UNIT INTEGRITI

TADBIR URUS

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan dengan kerjasama SPRM dan IIM melalui 10 Inisiatif Ikrar Integriti Korporat dan Pelan Integriti Organisasi.

PENGUKUHAN INTEGRITI

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi melalui perancangan program/acara/aktiviti yang berteraskan elemen-elemen integriti.

PENGESANAN & PENGESAHAN

i. Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil;

ii. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab; dan

iii. Melaksanakan kerja-kerja pengesanan dan pengesahan terhadap disiplin pegawai serta kakitangan LADA melalui kawalan.

PENGURUSAN ADUAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

PEMATUHAN

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dan menggerakkan inisiatif One Commands Compliance Center (1CCC) LADA.

TATATERTIB & SURCAJ

Melaksanakan fungsi urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib LADA serta Lembaga Surcaj LADA.

AKTIVITI UTAMA UNIT INTEGRITI

1. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan dengan kolaborasi agensi-agensi berkaitan integriti melalui standard pengurusan antirasuah;
2. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi melalui perancangan program/acara/aktiviti yang berteraskan elemen-elemen integriti;
3. Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;
4. Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
5. Melaksanakan tindakan pengesanan dan pengesahan bagi aduan yang diterima; dan
6. Menjadi urus setia mesyuarat-mesyuarat utama jabatan berkaitan pengurusan integriti dan tatatertib.

URUS SETIA JAWATANKUASA PERINGKAT JABATAN YANG DIURUSKAN OLEH UNIT INTEGRITI

I — JAWATANKUASA TATATERTIB LADA;

II — JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB LADA;

III — LEMBAGA SURCAJ LADA;

IV — JAWATANKUASA ANTIRASUAH LADA; DAN

V — JAWATANKUASA MENILAI MAKLUMAT LADA.

JAWATANKUASA TATATERTIB LADA

Jawatankuasa Tatatertib (JKTT) dan Rayuan Tatatertib (JKRTT) LADA ditubuhkan selaras dengan kehendak Jadual Ketiga, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Pada tahun 2019, satu Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pelaksana Dengan Bidang Kuasa Dengan Bertujuan Membuang Kerja Atau Turun Pangkat LADA telah bersidang pada 2 April 2020.

JAWATANKUASA ANTIRASUAH LADA

Jawatankuasa Antirasuah (JAR) LADA ditubuhkan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018: Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia-Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-rasuah Kebangsaan. Jawatankuasa ini akan bersidang tiga (3) kali setahun iaitu pada bulan Januari, Mei dan September bagi melaporkan status tindakan ke atas pelaporan dan pemantauan berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memantap dan memastikan pengurusan pentadbiran LADA adalah bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dengan memfokuskan kepada tiga (3) bidang utama iaitu:



JAWATANKUASA MENILAI MAKLUMAT LADA

Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) LADA ditubuhkan selaras dengan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif Bilangan 3 Tahun 2017: Pengurusan Aduan Tatakelakuan. Jawatankuasa ini berfungsi untuk menilai dan memutuskan tindakan terhadap semua maklumat atau aduan berkaitan pelanggaran integriti pegawai yang diadukan.

Unit Integriti telah menjadi urus setia bagi lima (5) mesyuarat utama pengurusan integriti dan tatatertib seperti berikut:

MESYUARAT		TARIKH
Jawatankuasa Tatatertib LADA	Bilangan 1 Tahun 2019	31 Januari 2019
	Bilangan 2 Tahun 2019	2 April 2019
Jawatankuasa Antirasuah LADA	Bilangan 1 Tahun 2019	28 April 2019
	Bilangan 2 Tahun 2019	11 September 2019
Jawatankuasa Menilai Maklumat LADA	Bilangan 1 Tahun 2019	31 Mac 2019

AKTIVITI UNIT

1 TADBIR URUS

ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI BILANGAN 2 TAHUN 2019 POLISI TIADA HADIAH

LADA berhasrat untuk mencapai tahap integriti dan kejujuran tertinggi dalam menjalankan operasi dan perkhidmatan dalam kalangan warga kerja LADA. Salah satu inisiatif adalah dengan pelaksanaan Polisi Tiada Hadiah. Arahan AKPE yang dikeluarkan ini bertujuan membantu warga kerja LADA mengambil tindakan sewajarnya ke atas penerimaan dan pemberian hadiah/tajaan dalam kalangan warga kerja atau pihak-pihak yang berurusan dengan LADA. LADA amat menghargai sokongan berterusan daripada semua pihak terhadap pematuhan kepada polisi ini.

2 PENGUKUHAN INTEGRITI

I. MINGGU INTEGRITI LADA 2019

Minggu Integriti LADA 2019 telah berlangsung pada 21 hingga 25 April 2019 iaitu selama lima (5) hari. Pelbagai aktiviti telah berlangsung dengan jayanya sepanjang program ini dijalankan yang berbentuk pertandingan melibatkan penyertaan kakitangan LADA. Terdapat juga seminar yang terbuka kepada agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun.

Secara keseluruhan, program sisipan bersempena Minggu Integriti LADA 2019 adalah seperti berikut:

i. i-Fits 4 Life;
ii. Treasure Hunt Integriti;
iii. Susun Kata Integriti;
iv. Swafoto;
v. Pameran Integriti;
vi. Seminar Kelestarian Integriti;
vii. i-Talk Edisi Minggu Integriti; dan
viii. Integrity Walkabout.

MEMPERKASAKAN ORGANISASI & SUMBER

II. PROGRAM ETIKA DAN INTEGRITI LADA

Program Etika dan Integriti merupakan satu latihan yang proaktif dalam membentuk warga kerja yang beretika dan juga berintegriti. Hal sedemikian ditekankan dalam menjalankan gerak kerja semasa dan merupakan perkara yang wajib dilaksanakan, bersesuaian dengan usaha LADA dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) LADA. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan perkara seperti berikut dilaksanakan bagi memastikan bengkel yang dijalankan adalah efektif dan efisien serta mengikut piawaian yang disarankan oleh pihak Institut Integriti Malaysia (IIM). Program ini telah dilaksanakan pada 13 dan 14 Oktober 2019 bertempat di Institut Pengurusan Peladang.

III. PENGANJURAN BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) LADA

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) LADA merupakan satu tindakan proaktif dalam menggerakkan agenda nasional menerusi Pelan Antirasuah Nasional (NACP), selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB3.3): Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan dan menyahut seruan kerajaan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019: Pelaksanaan NACP. Program ini telah dilaksanakan pada 13 hingga 16 November 2016 bertempat di Neo Hotel, Pulau Pinang.

IV. BENGKEL PEMURNIAN PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH LADA

Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) LADA merupakan satu tindakan proaktif dalam mengurangkan atau menghapus mana-mana risiko rasuah yang dikesan dalam gerak kerja LADA. Inisiatif ini terkandung dalam perenggan 4.5 Penilaian Risiko Rasuah dalam Manual ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Risiko Rasuah (ABMS). Ia merupakan perkara yang wajib dilaksanakan oleh LADA dalam usaha ke arah pensijilan ISO ABMS. LADA telah melaksanakan CRM ini pada 9 hingga 11 April 2019 bertempat di Akademi Koreksional Malaysia.

V. I-TALK SIRI 1/2019 BENGKEL KAEDAH MENERBITKAN PEKELILING DALAMANDAN MENGGUNA PAKAI PEKELILING LUARAN

Modul ini mengupas pemahaman warga kerja LADA terhadap undang-undang tubuh LADA, iaitu Akta LADA (Akta 432) yang memperincikan bidang kuasa dan fungsi LADA. Pemahaman terhadap Akta 423 yang jelas membolehkan LADA menjalankan fungsinya dengan tertib dan teratur. Hal ini bagi membolehkan LADA menggubal peraturannya sendiri, menerima pakai setakat mana yang sesuai dengan fungsi dan mengadaptasi pekeliling-pekeliling luar bagi membantu LADA menjalankan fungsi-fungsinya. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 15 April 2019 bertempat di Dewan Besar, LADA.

VI. I-TALK SIRI 2/2019 HEBAHAN PEKELILING INTEGRITI DAN PENERBITAN OLEH UNIT INTEGRITI

Modul ini menjurus kepada pemakluman pekeliling, surat pekeliling dan arahan YAB Perdana Menteri berkaitan integriti serta pekeliling yang diterbitkan oleh Unit Integriti dalam bentuk garis panduan, manual dan arahan Ketua Pegawai Eksekutif. Hebahan yang padat ini diadakan bagi memastikan keterangkuman pengetahuan terhadap penggunaan pekeliling-pekeliling integriti terlaksana buat pegawai LADA dan memberi pencerahan atas kekeliruan yang timbul. Program ini telah dilaksanakan pada 10 September 2019 bertempat di Dewan Besar, LADA.

3 AKTIVITI PEMATUHAN



RUMUSAN

Pembudayaan integriti akan terus dilaksanakan oleh unit ini demi melahirkan warga LADA yang memiliki DNA penjawat awam yang berintegriti, pantas dan profesional dalam menunaikan tanggungjawab selaras dengan amanat YBhg. Tan Sri Ketua Pegawai Perkhidmatan Awam.

BAHAGIAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) merupakan nadi yang menentukan perjalanan dan pentadbiran kewangan. Bahagian ini juga berperanan sepenuhnya dalam memastikan setiap transaksi yang terlibat adalah mematuhi semua Akta Acara Kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Bahagian ini berfungsi melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

TERAS UTAMA

PENGURUSAN HASIL

- Mengeluarkan Resit Terimaan Hasil;
- Mengeluarkan Bil Tuntutan Sewa;
- Menyediakan Laporan Terimaan Hasil; dan
- Mengeluarkan Surat Peringatan Bayaran Kepada Penyewa/ Pemajak.

PENGURUSAN KEWANGAN

- Memproses Bayaran:
  - Bil/Invois Pembekal;
  - Kemajuan Projek;
  - Gaji Kakitangan (Payroll);
  - Elaun, Tuntutan Perjalanan;
  - Tuntutan Bayaran Balik; dan
- Pengeluaran Pesanan Kerajaan (LO)/Inden Kerja.

PENGURUSAN BELANJAWAN

- Menyediakan Belanjawan Tahunan;
- Mengeluarkan Waran Peruntukan Kepada Bahagian/Unit;
- Mengagih/Menyemak Peruntukan Mengurus; dan
- Memohon Peruntukan dan Menyediakan Aliran Tunai kepada Kementerian Kewangan.

PENGURUSAN AKAUN

- Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan;
- Menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan;
- Menguruskan Pendahuluan Diri dan Pendahuluan Pelbagai;
- Memproses Pengeluaran Pinjaman Kenderaan & Komputer;
- Menyelenggara Panjar Wang Runcit; dan
- Menganalisa Keupayaan Kemajuan Syarikat Kerajaan.

PIAGAM PELANGGAN



PENCAPAIAN BAHAGIAN KEWANGAN

Pada tahun 2019, Bahagian Kewangan telah menerima Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Tahun 2018. Pengauditan Penyata Kewangan untuk tahun terakhir 31 Disember 2018 telah dilaksanakan pada bulan Julai 2019 dan sijil tersebut telah diperolehi pada 18 Disember 2019.

PRESTASI PEMPROSESAN BIL DAN TUNTUTAN

LAPORAN PRESTASI BIL JANUARI – DISEMBER 2019

	BIL (1 – 7 HARI)	BIL (8 – 14 HARI)	JUMLAH BIL	%
JAN	454	0	454	100
FEB	622	1	623	100
MAC	507	0	507	100
APR	593	0	593	100
MEI	770	1	771	100
JUN	328	0	328	100
JUL	550	0	550	100
OGOS	449	1	450	100
SEPT	661	1	662	100
OKT	688	2	690	100
NOV	695	7	702	100
DIS	1038	0	1038	100

PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN DAN PENYEDIAAN BAUCAR BAYARAN

Pada tahun 2019, Bahagian Kewangan telah berjaya melaksanakan tugasan bagi penyediaan Baucar Bayaran dan Pesanan Kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan. Bilangan Baucar Bayaran dan Pesanan Kerajaan yang diproses sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

PERKHIDMATAN KAUNTER BERGERAK DI TAMAN NILAM, LANGKAWI

Pada tahun 2019, Bahagian Kewangan juga telah melaksanakan perkhidmatan kaunter bergerak pada 23 Disember 2019. Perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan di kawasan Taman Nilam. Ia bertujuan untuk mengutip hasil sewa beli rumah Penduduk Melayu Islam Kedah (MIK), Jenis C, Taman Nilam. Jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak RM 12,500.00

RUMUSAN

BERJAYA MELAKSANAKAN

100%

bil-bil tuntutan diproses dalam tempoh 14 hari

Bahagian Kewangan telah berjaya menyelesaikan semua bil tuntutan yang diproses dalam tempoh 14 hari bagi tahun 2019.

70 RAKAN STRATEGIK

PANORAMA LANGKAWI SDN. BHD. 147

LADA ECO-TOURISM SDN. BHD. 154

RAKAN STRATEGIK

LADA merupakan agensi Badan Berkanun Persekutuan yang bukan sahaja terlibat dalam pembangunan industri pelancongan di Langkawi. LADA juga terlibat secara langsung dalam industri pelancongan di pulau ini melalui beberapa rakan strategik. Keterlibatan ini bukan dilihat untuk memberi persaingan dalam industri, tetapi lebih kepada meletakkan tanda aras mutu perkhidmatan yang perlu dimiliki oleh produk di pulau ini.

Apa yang dihasratkan adalah supaya rakan strategik LADA bukan sahaja akan terus berkembang dalam perniagaan malah menjadi inspirasi kepada pemain industri bagi **mencipta nilai dan mutu perkhidmatan yang berkualiti setanding dengan popularity Langkawi** sebagai destinasi ekopelancongan utama di dunia.

PANORAMA LANGKAWI SDN. BHD.

LATAR BELAKANG

1. Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB) telah ditubuhkan pada 28 September 2002 di bawah Akta Syarikat 1965.

2. Ia ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan :
   i. Perdagangan Am;
   ii. Pelaburan Tanah & Hartanah; dan
   iii. Pemegangan Pelaburan.

3. Pada 1 Ogos 2012, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) melalui anak syarikatnya LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. (LETSB) telah mengambil alih pengurusan kereta kabel Langkawi dan pada 9 April 2013, saham PLSB dipindah milik kepada LADA.

FUNGSI SYARIKAT

- Melalui perjanjian pengurusan kereta kabel bertarikh 1 Mac 2013, PLSB telah dilantik sebagai operator kereta kabel Langkawi oleh LADA bagi tempoh lima (5) tahun dan perjanjian pengurusan disambung lima (5) tahun lagi mulai 1 Mac 2018 hingga 28 Februari 2023.

- Pada 1 Julai 2015, PLSB telah diberikan hak pengurusan Oriental Village bagi tempoh 10 tahun sehingga tahun 2025.

VISI

To Be Langkawi Premier Geo-Themed Park

MISI

To Manage World Class and Premier SkyCab, SkyBridge and Other Iconic Products by Leveraging on the Unique Attractions and Natural Ecosystem Guaranteed to Provide Mesmerizing Experience Through the Utilization of State of the Art Technology.

MODEL PERNIAGAAN SYARIKAT

MODEL PERNIAGAAN

MODAL BERBAYAR/ PEMEGANG SAHAM 100% PERJANJIAN PENGURUSAN KERETA KABEL DAN PERJANJIAN PENGURUSAN ORIENTAL VILLAGE

PULANGAN BALIK
- PERKONGSIAN UNTUNG
- DIVIDEN

- HASIL JUALAN TIKET
- HASIL JUALAN MAKANAN/MINUMAN
- HASIL JUALAN CENDERAMATA
- HASIL KUTIPAN SEWA
- HASIL PERNIAGAAN USAHA SAMA

PENGURUSAN 83 PREMIS PERNIAGAAN

PENGURUSAN KERETA KABEL DAN LAIN-LAIN PRODUK TARIKAN

AKTIVITI SYARIKAT BAGI TAHUN 2019

PENGURUSAN AKTIVITI

- Melalui perjanjian pengurusan kereta kabel bertarikh 1 Mac 2013, PLSB telah dilantik sebagai pengendali kereta kabel Langkawi oleh LADA untuk tempoh lima (5) tahun sehingga 2018. Kontrak tersebut telah disambung semula untuk tempoh lima (5) tahun mulai 1 Mac 2018 hingga 28 Februari 2023.
- Berdasarkan perjanjian, keuntungan yang diperoleh daripada operasi kereta kabel akan dikongsi pada kadar 55% (LADA) dan 45% (PLSB). Selain pengurusan kereta kabel, PLSB juga telah diberikan hak pengurusan Oriental Village bagi tempoh 10 tahun mulai 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2025.

AKTIVITI DAN OPERASI UTAMA

- Aktiviti utama perniagaan PLSB adalah pengurusan kereta kabel Langkawi dan produk tarikan pelancongan lain seperti:

SkyBridge

6D Cinemotion

SkyDome

SkyGlide

SkyRex

SkyBoutique

SkyMart

SkyBistro

- PLSB juga mengurus dan mengutip hasil sewaan kedai dan premis perniagaan di kompleks Oriental Village. Sehingga 31 Disember 2019, jumlah premis perniagaan/kedai yang masih beroperasi di Oriental Village adalah sebanyak 84 buah kedai dengan kadar sewaan antara RM100.00 hingga RM12,000.00 sebulan.
- Selain itu, PLSB juga menjalankan aktiviti perniagaan secara usaha sama (perkongsian pintar). Daripada itu, PLSB memperoleh antara 15% hingga 30% hasil jualan manakala 70% hingga 85% dibayar balik kepada rakan niaga.

AKTIVITI DAN OPERASI UTAMA

- Produk perkongsian pintar PLSB adalah seperti berikut:

SkyTrail

Sky Adventure Park

3D Art Museum

Time Travel

AA Galery

Chocohouz

Love Lock

Digiphoto

3DMe Photo

Binocular Rental

- Sumber pendapatan operasi PLSB dibahagikan kepada dua (2) aktiviti operasi bagi mengambil kira jumlah hasil perkongsian keuntungan bersama yang perlu dibayar kepada LADA iaitu:
  i. Perjanjian operasi kereta kabel pada kadar 55:45 (LADA:PLSB); dan
  ii. Perjanjian operasi sewaan kedai/premis perniagaan di Oriental Village pada kadar 50:50

- Sumber/komponen hasil dan pendapatan PLSB adalah seperti berikut:

a) Hasil Jualan Tiket *(Admission Revenue)*;

BIL	HASIL JUALAN TIKET	AKTIVITI PERNIAGAAN
1	SkyCab	Operasi kereta kabel
2	SkyBridge	Aktiviti *trekking* dari Top Station ke SkyBridge, Gunung Machincang
3	6D Cinemotion	Cinema 6D
4	SkyDome	Teater *Fulldome*
5	SkyGlide	*Inclinator* ke SkyBridge, Gunung Machincang
6	SkyRex	*Dark Ride - Immersive Tunnel*

b) Hasil Jualan Cenderahati *(Merchandise Revenue)*;

BIL	HASIL JUALAN CENDERAHATI	AKTIVITI PERNIAGAAN
1	SkyBoutique	Penjualan barangan cenderamata kereta kabel dan SkyPost
2	Galeri Produk Langkawi	Penjualan barangan produk keluaran usahawan Langkawi
3	6D Cinemotion	6D cinema
4	SkyDome	Teater *Fulldome*
5	SkyGlide	*Inclinator* ke SkyBridge, Gunung Machincang
6	SkyRex	*Dark Ride - Immersive Tunnel*

c) Hasil Jualan Makanan dan Minuman *(Food and Beverage Revenue)*;

BIL	HASIL JUALAN MAKANAN DAN MINUMAN RINGAN	AKTIVITI PERNIAGAAN
1	SkyMart	Menjual makanan dan minuman ringan
2	SkyBistro	Kafe di Top Station

d) Hasil Perkongsian Pintar *(Smart Partnership Revenue)*; dan

BIL	HASIL PERKONGSIAN PINTAR	AKTIVITI PERNIAGAAN
1	SkyTrail (Junglewalla)	Aktiviti SkyTrail dari Base ke Middle dan Top Station
2	Sky Adventure Park - SAP (Game X-Venture)	Aktiviti riadah bermotosikal ATV dan lain-lain
3	Love Lock	Penjualan kunci cinta di Top Station
4	One Stop Centre	Penjualan produk-produk pelancongan Langkawi
5	SkyPic - DigiPhoto	Penjualan photo - Base Station
6	3DME Photo Solutions (Qirana)	Penjualan photo - Middle Station, Top Station, SkyBridge, SkyRex dan Muzium 3D
7	*Binocular Rental* (Qirana)	Sewaan teropong di Base Station
8	Amirul Arts Gallery	Jualan kraftangan daripada dawai
9	Chocohauz	Kiosk menjual wafel dan *popcorn* di Top Station

e) Hasil Sewaan Premis Kedai dan Premis Perniagaan di Oriental Village

BIL	JENIS PREMIS PERNIAGAAN	JUMLAH PREMIS/KEDAI
1	Kedai Serbaneka/ Kedai Cenderamata	31
2	Restoran dan Kafe	7
3	*Food Court*	10
4	Kiosk	13
5	Sewa Tapak dan Lain-lain	20
6	*Telco Tower*	3
JUMLAH		**84**

- Lain-lain pendapatan sewaan adalah sewaan tapak parkir berbayar, ruang *photo booth*, ruang pejabat dan lain-lain.

- Pendapatan PLSB yang lain pula adalah terdiri daripada faedah simpanan tetap, caj pentadbiran, caj utiliti, saman diterima dan lain-lain caj.

LAPORAN AKTIVITI PROGRAM CSR TAHUN 2019

- Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), sumbangan dan derma dilaksanakan setiap tahun. Kumpulan sasaran program ialah masyarakat setempat dengan objektif untuk mendekatkan syarikat dengan penduduk tempatan. Melalui program ini, secara tidak langsung PLSB dapat mempromosikan kereta kabel Langkawi dan produk tarikan lain kepada penduduk tempatan. Antara program CSR yang dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti yang berikut:

  i. Penyampaian Sumbangan Zakat kepada Maahad Tahfiz, Rumah Anak Yatim, Masjid di sekitar Langkawi, Pelajar Miskin serta Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA).

  ii. Program/Aktiviti bagi mendekatkan syarikat dengan agensi-agensi kerajaan, komuniti setempat, kakitangan dan lain-lain.

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH
1	Program Derma Darah	20 Mac 2019
2	Hari Keluarga	22 Mac 2019
3	Agihan Bubur Lambuk	22 Mei 2019
4	Majlis Iftar Ramadhan Bersama Keluarga	25 Mei 2019
5	Majlis Iftar Ramadhan Bersama Penggiat Industri Pelancongan Langkawi	16 Mei 2019
6	Jelajah Ramadhan PLSB Bersama LADA	28 Mei 2019
7	SAREX 2019	17 Julai 2019
8	Peraduan Mewarna SkyCab Malaysia	16 September 2019
9	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PLSB	11 Disember 2019
10	Bazar makanan	Februari dan Disember 2019

LAPORAN AKTIVITI PROMOSI DAN PEMASARAN SYARIKAT

PAMERAN PELANCONGAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA

Penyertaan Trade Fair/Travel Mart Tahun 2019

DOMESTIK 2019

BIL	BULAN	*TRADE FAIR*	NEGERI/NEGARA
1	Mac	MATTA Fair March, Kuala Lumpur	PWTC, Kuala Lumpur
2	Julai	MATTA Fair Kuantan	Kuantan Mall
3	September	MATTA Fair September, Kuala Lumpur	PWTC, Kuala Lumpur
4	Oktober	MATTA Fair Penang	SPICE Arena, Pulau Pinang
5	November	Kuala Muda Travel Fair	Dewan Kenangan, MPSPK

ANTARABANGSA 2019

BIL	BULAN	*TRADE FAIR*	NEGERI/NEGARA
1	Mac	ITB Berlin	Berlin, Jerman
2	November	WTM London	London, United Kingdom

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA PADA TAHUN 2019

- HALL OF FAME TRIPADVISOR 2015 – 2019
- CERTIFICATE OF EXCELLENCE 2019
- ASEAN SUSTAINABLE TOURISM AWARDS 2019
- MALAYSIA TOURISM COUNCIL GOLD AWARDS 2019
- CERTIFICATE OF APPRECIATION FOR WEDDING DESTINATION IN MALAYSIA 2019
- LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK (LUGGP) GEOPARK PARTNER 2019

PERANCANGAN MASA DEPAN

Beberapa inisiatif telah dirancang bagi meneruskan kesinambungan pembangunan produk/kemudahan baharu di Langkawi Cable Car dan Oriental Village. Antaranya ialah:

a. Projek Ekonomi Baharu Pertanian;
b. Cadangan Pengurusan Telaga Tujuh;
c. Pembinaan SkyTower;
d. Menaik taraf produk SkyDome;
e. SkyCab Iconic Monument di Parkir A;
f. Sewaan kedai untuk produk baharu - VR Universal di Blok E; dan
g. Enterprise Resources Planning (ERP) - Menaik taraf perisian.

LADA ECO-TOURISM SDN. BHD.

LADA ECO-TOURISM SDN. BHD.

LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. (LETSB) adalah anak syarikat milik penuh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang ditubuhkan pada 2 Julai 2000 bertujuan untuk mengurus dan mengendalikan produk-produk pelancongan dan menjalankan aktiviti perniagaan yang lain.

PELAN PERNIAGAAN LETSB MELIPUTI PRODUK-PRODUK BERIKUT:

I. Pengurusan Tasik Dayang Bunting dan Ayer Hangat Village;
II. Perniagaan makanan dan minuman;
III. Perniagaan hotel dan penginapan;
IV. Pengurusan Kompleks Pekan Rabu; dan
V. Pelancongan dan Pengembaraan.

NILAI-NILAI KORPORAT SYARIKAT

- Profesionalisme
- Integriti
- Semangat yang tinggi
- Disiplin yang baik
- *'Esprit de Corps'*

VISI

Menjadi penyedia hospitaliti bertaraf primer di Langkawi.

MISI

Komited untuk menawarkan pengalaman pelancongan yang menggamit memori menerusi penginapan mampu milik, perkhidmatan hospitaliti terbaik, kepuasan pelanggan yang maksimum dan kecemerlangan korporat.

RANTAIAN PERNIAGAAN

2015	2016	2017	2018	2019
TGV	TGV	TGV	TGV	TGV
AHV	AHV	AHV	AHV	AHV
R1M	R1M	R1M	R1M	R1M
GPI	GPI	GPI	GPI	GPHK
GPH	GPH	GPH	GPH	GPHTB
SR	SR	SR	SR	KR
OV	TDB	TDB	TDB	TDB
		PR	PR	PR

PETUNJUK:

TGV - The Gemalai Village • AHV - Ayer Hangat Village • R1M - Restoran 1Malaysia • GPI - Geopark Inn
GPH - Geopark Hotel • SR - Seashell Restaurant • OV - Oriental Village • TDB - Tasik Dayang Bunting
PR - Pekan Rabu • KR - Kerisik Restaurant • GPHK - Geopark Hotel Kuah • GPHTB - Geopark Hotel Teluk Burau

PRODUK-PRODUK LETSB

TARIKAN GEOPRODUK
- Tasik Dayang Bunting
- Ayer Hangat Village

HOTEL DAN PENGINAPAN
- Hotel Geopark Kuah
- Hotel Geopark Teluk Burau
- The Gemalai Village

MAKANAN DAN MINUMAN
- Kerisik Restaurant

AKTIVITI JUALAN LETSB SEPANJANG TAHUN 2019

MATTA FAIR, PWTC, KUALA LUMPUR
15 – 17 MAC 2019

MATTA FAIR, PALM MALL, NEGERI SEMBILAN
26 – 28 APRIL 2019

AMANJAYA MALL, SUNGAI PETANI, KEDAH
29 JUN 2019

MATTA FAIR, KUANTAN CITY MALL, PAHANG
4 – 7 JULAI 2019

ACARA-ACARA SEPANJANG TAHUN 2019

LANGKAWI INTERNATIONAL MARITIME & AEROSPACE EXHIBITION (LIMA) 2019
26 – 30 MAC 2019

ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR LANGKAWI (A~KAWI) 2019
5 APRIL 2019

KARNIVAL USAHAWAN 2019
28 – 30 SEPTEMBER 2019

PENJENAMAAN GEOPARK HOTEL
29 SEPTEMBER 2019

AKTIVITI / ACARA

KEMPEN DERMA DARAH
2 MEI 2019

JELAJAH RAMADHAN LADA 2019
13 MEI 2019

GOTONG-ROYONG DI TASIK DAYANG BUNTING
5 OGOS 2019

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI
26 JUN 2019

KARNIVAL ASYURA LANGKAWI 2019
19 SEPTEMBER 2019

KEJOHANAN BOLING *TEN-PIN*
ANAK-ANAK SYARIKAT LADA 2019
12 OKTOBER 2019

PENGIKTIRAFAN

Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) merupakan inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) untuk meningkatkan perkhidmatan dan kualiti kemudahan bagi produk-produk pelancongan di Malaysia. Ia merupakan satu pengiktirafan terhadap produk pelancongan dan memberi pendedahan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan supaya lebih mengutamakan mutu perkhidmatan yang disediakan. MyTQA adalah salah satu program yang mengutamakan kehendak pelancong *(tourists first).*

80 PENYATA KEWANGAN

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

JUMLAH PENDAPATAN LADA

RM137.19 JUTA

Pada tahun 2019, jumlah pendapatan LADA adalah sebanyak RM137.19 juta, dengan penurunan sebanyak RM55.61 juta (28.85%) berbanding RM192.81 juta pada tahun 2018. Ini disebabkan oleh pengurangan pelunasan geran berjumlah RM24.81 juta dan penurunan hasil dalaman sebanyak RM28.90 juta.

Pendapatan LADA terdiri daripada Geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM94.11 juta (68.60%) dan hasil dalaman sebanyak RM43.09 juta (31.40%). *Profit sharing* merupakan penyumbang hasil dalaman yang terbesar iaitu sebanyak 51.34% (RM22.12 juta). Ini diikuti oleh pelaburan simpanan tetap dan dividen iaitu 26.48% (RM11.41 juta), sewaan premis/tapak/kediaman 9.70% (RM4.18 juta), pajakan sebanyak 8.53% (RM3.67 juta), yuran pengurusan 2.71% (RM1.17 juta) dan lain-lain pendapatan sebanyak 1.24% (RM0.53 juta).

KOMPOSISI HASIL DALAMAN LADA PADA TAHUN 2019



PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN

	2015	2016	2017	2018	2019
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN	**RM JUTA**	**RM JUTA**	**RM JUTA**	**RM JUTA**	**RM JUTA**
Jumlah Pendapatan	105.20	140.61	146.73	192.81	137.19
Jumlah Perbelanjaan	100.00	112.28	85.52	137.73	107.33
Nisbah Perbelanjaan Kepada Pendapatan (%)	1.05	1.25	1.72	1.40	1.28
Lebihan Dalam Tahun	5.20	28.33	61.21	55.08	29.86

Perbelanjaan LADA pada tahun 2019 berjumlah RM107.33 juta, dengan penurunan sebanyak RM30.40 juta (22.07%) berbanding perbelanjaan tahun 2018 yang berjumlah RM137.73 juta. Penurunan perbelanjaan disebabkan oleh Perbelanjaan Pembangunan dan Bayaran Pelbagai yang rendah berbanding pada tahun 2018.

ASET BERSIH BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN



Kedudukan aset bersih pada tahun 2019 adalah sebanyak RM921.99 juta berbanding RM836.91 juta pada tahun 2018. Peningkatan jumlah aset adalah sebanyak RM53.90 juta atau 4.04% berbanding pada tahun 2018 (RM1,333.27 juta). Pertambahan jumlah aset adalah disebabkan oleh Tunai dan Kesetaraan Tunai yang meningkat sebanyak RM11.80 juta (9.31%), Pelaburan Simpanan Tetap meningkat sebanyak RM35.02 juta (27.42%), Pelbagai Penghutang menurun sebanyak RM8.38 juta (6.25%) dan Aset Bukan Semasa meningkat sebanyak RM15.55 juta (1.65%) disebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan serta Kerja-kerja dalam Pelaksanaan.

PRESTASI KEWANGAN BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN

	2015	2016	2017	2018	2019
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN	**RM JUTA**	**RM JUTA**	**RM JUTA**	**RM JUTA**	**RM JUTA**
Jumlah Aset					
• Aset Bukan Semasa	887.72	922.95	960.32	943.45	959.00
• Aset Semasa	333.26	307.57	344.23	389.82	428.17
	1,220.98	1,230.52	1,304.55	1,333.27	1,387.17
Jumlah Liabiliti					
• Liabiliti Semasa	13.76	19.63	16.68	26.47	18.90
• Liabiliti Bukan Semasa	213.43	495.32	505.81	469.89	446.28
	227.19	514.95	522.49	496.36	465.18
Jumlah Ekuiti	993.79	715.57	782.06	836.91	921.99
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti	1,220.98	1,230.52	1,304.55	1,333.27	1,387.17
Nisbah Semasa	24.21	15.67	20.64	14.73	22.65
Nisbah Hutang	0.18	0.42	0.40	0.37	0.34

Jumlah liabiliti adalah sebanyak RM465.18 juta pada tahun 2019, dengan penurunan sebanyak RM31.18 juta (6.28%) berbanding pada tahun 2018 yang berjumlah RM496.36 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan Geran Persekutuan yang diiktiraf dalam Geran Tertunda sebanyak RM20.42 juta (7.66%). Pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru turut berkurang sebanyak RM7.83 juta.

PERBANDINGAN NISBAH BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN



Pada tahun 2019, LADA mempunyai aset semasa 22.65 kali ganda lebih banyak daripada liabiliti semasa. Ini bermakna LADA mempunyai kemampuan untuk membayar balik liabiliti semasa atau hutang jangka masa pendek. Nisbah semasa tahun 2019 meningkat sebanyak 7.92 juta berbanding 14.73 juta pada tahun 2018.

Kadar nisbah hutang LADA pada tahun 2019 adalah 0.34 berbanding 0.37 pada tahun 2018. Nisbah hutang kurang daripada 0.5 adalah baik. Ini menunjukkan kedudukan kewangan LADA adalah kukuh dan berkemampuan untuk membayar tanggungan jangka masa panjang.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 46, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan di Nota 14 kepada Penyata Kewangan yang menerangkan mengenai tanah pajakan.

a. Berdasarkan Perjanjian Pemegang Saham yang telah ditandatangani pada 11 April 2014, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dikehendaki memajak tanah Plot 1 yang merangkumi Plot A dan Plot B (PT 2482) kepada Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. (INR) untuk tempoh 99 tahun pada kadar bayaran sejumlah RM660,000 setahun. Bayaran ini tidak termasuk bayaran pajakan bagi Plot 2 [Plot C(i) dan Plot (ii)] yang akan ditentukan kemudian. Bagaimanapun, perjanjian pajakan tanah di antara LADA dan INR belum ditandatangani. Oleh itu, LADA tidak menerima apa-apa pulangan daripada tanah tersebut.

b. INR telah mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank) sejumlah RM246,540,000. Mengikut perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada 18 September 2014, tanah Plot A dan Plot B akan dicagar kepada Bank sebagai cagaran pinjaman sebaik sahaja perjanjian pajakan di antara LADA dan INR ditandatangani. Lembaga Pengarah LADA yang bersidang pada 9 Disember 2019 telah memutuskan untuk tidak menandatangani perjanjian pajakan yang berkaitan. Ini kerana LADA berdepan risiko kehilangan tanah tersebut.

c. LADA melalui syarikat subsidiari milik penuhnya International Eagle Resources Sdn. Bhd. (IER) mempunyai kepentingan 30% di dalam INR. Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) melalui syarikat subsidiari, Twin Eagles Ventures Sdn. Bhd. (TEV) turut memiliki 30% kepentingan dalam INR. Kedua-dua syarikat mempunyai hak dan obligasi di dalam INR ibarat seperti satu entiti. Berdasarkan penyata kewangan INR tahun 2019 yang telah diaudit, INR telah ingkar pembayaran pinjaman yang diambil daripada Bank. Bank berhak untuk menamatkan perjanjian pinjaman atau membuat tuntutan bayaran balik terhadap keseluruhan pinjaman tersebut. Sehingga 31 Oktober 2020, INR tidak menerima sebarang pengesahan daripada bank berkenaan berkaitan penamatan atau tuntutan balik terhadap pinjaman. LADA memaklumkan, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 15 September 2015 telah mengecualikan IER daripada urusan *letter of undertaking* dan *deed of subordination* bagi Pembiayaan Pembangunan Hotel St. Regis Langkawi. Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC)

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 8 Ogos 2020, memaklumkan bahawa pihaknya sedang mencari jalan penyelesaian yang komprehensif serta holistik dan akan berunding dengan pihak yang terlibat.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 10 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Lembaga Pembangunan Langkawi hendaklah memastikan rekod kewangan serta perincian terimaan dan bayaran setiap projek pembangunan yang dibiayai daripada geran pembangunan di bawah Rancangan Malaysia diselenggarakan dan dikemas kini dengan teratur selaras dengan keperluan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATO' HAJI CHE ISA BIN CHE KOB)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
26 FEBRUARI 2021

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami **YB. HAJI JUHARI BIN BULAT** dan **DATUK HAJI MOHAMMAD BIN ISMAIL** yang merupakan Pengerusi Bersama dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI pada **31 Disember 2019** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA	:	**YB. HAJI JUHARI BIN BULAT**
GELARAN	:	PENGERUSI BERSAMA
TARIKH	:	28 SEP 2020
TEMPAT	:	LANGKAWI

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA	:	**DATUK HAJI MOHAMMAD BIN ISMAIL**
GELARAN	:	AHLI LEMBAGA PENGARAH
TARIKH	:	29 SEP 2020
TEMPAT	:	LANGKAWI

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Saya, **AHMAD HEZRI BIN ADNAN (NO. K/P: 740629-02-5883)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **LANGKAWI**)
pada 28-9-2020)

.....

Di hadapan saya,

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No: K071
Nama: WAN NOOR AZLINA BINTI WAN TEH
1.7.2018-31.12.2020

No. 13, Bangunan Arked Teratai
07000 Kuah, Langkawi,
Kedah Darul Aman.
Malaysia

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN 2019 RM	KUMPULAN 2018 RM	LEMBAGA 2019 RM	LEMBAGA 2018 RM
ASET					
ASET SEMASA					
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	5	196,109,826	198,345,605	138,544,141	126,745,809
LAIN-LAIN PELABURAN	6	202,793,876	127,719,633	162,742,073	127,719,633
PENGHUTANG PERNIAGAAN		934,818	666,614	-	-
PELBAGAI PENGHUTANG	7	83,767,918	103,924,014	125,731,823	134,113,931
INVENTORI	8	2,547,796	2,339,722	1,033,265	1,121,204
WANG CAGARAN DAN PRABAYAR	9	460,176	1,030,954	118,836	122,419
TERHUTANG DARIPADA SYARIKAT BERKAITAN		108,299	108,736	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		**486,722,709**	**434,135,278**	**428,170,138**	**389,822,996**
ASET BUKAN SEMASA					
KEPENTINGAN DALAM ANAK SYARIKAT	10	-	-	13,700,002	13,700,002
PELABURAN DALAM SAHAM TAK SIAR HARGA (KEUTAMAAN)	11	29,000,000	29,500,000	29,000,000	29,500,000
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	12	12,308,449	13,371,062	800,001	800,001
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT LAIN	13	4,325,001	-	4,325,001	-
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	14	690,749,272	678,361,957	652,929,794	642,151,848
HARTANAH PELABURAN	15	236,875,252	241,031,761	236,875,252	241,031,761
ASET HIDUP	16	9,140	13,533	9,140	13,533
KERJA-KERJA DALAM PERLAKSANAAN	17	21,364,053	16,252,695	21,364,053	16,252,695
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		**994,631,167**	**978,531,008**	**959,003,243**	**943,449,840**
JUMLAH ASET		**1,481,353,876**	**1,412,666,286**	**1,387,173,381**	**1,333,272,836**
LIABILITI					
LIABILITI SEMASA					
PELBAGAI PEMIUTANG	18	10,353,126	18,371,948	3,750,073	6,702,595
TERIMAAN TERDAHULU	19	3,805,606	3,795,343	3,805,606	3,795,343
PEMIUTANG PERNIAGAAN		2,744,356	2,921,527	-	-
WANG CAGARAN DAN DEPOSIT DITERIMA	9	7,009,325	6,612,234	7,009,325	6,612,234
PERBELANJAAN TERAKRU		20,367,999	21,516,256	2,895,468	7,782,801
PERUNTUKAN CUKAI		2,524,761	1,844,837	1,437,718	1,576,876
JUMLAH LIABILITI SEMASA		**46,805,173**	**55,062,145**	**18,898,190**	**26,469,849**
LIABILITI BUKAN SEMASA					
GERAN TERTUNDA	20	246,166,546	266,591,237	246,166,546	266,591,237
PENDAPATAN TERTUNDA	21	199,713,869	203,004,525	199,713,869	203,004,525
MANFAAT PEKERJA		404,915	289,298	404,915	289,298
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		**446,285,330**	**469,885,060**	**446,285,330**	**469,885,060**
JUMLAH LIABILITI		**493,090,503**	**524,947,205**	**465,183,520**	**496,354,909**
ASET BERSIH		**988,263,373**	**887,719,081**	**921,989,861**	**836,917,927**
EKUITI					
LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL		927,308,950	858,840,230	861,035,438	808,039,076
AKAUN REZAB		2,610,876	2,610,876	2,610,876	2,610,876
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	22	900,000	900,000	900,000	900,000
KUMPULAN WANG PELABURAN	23	57,443,547	25,367,975	57,443,547	25,367,975
JUMLAH EKUITI		**988,263,373**	**887,719,081**	**921,989,861**	**836,917,927**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	KUMPULAN 2019 RM	KUMPULAN 2018 RM	LEMBAGA 2019 RM	LEMBAGA 2018 RM
HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN					
PEMBERIAN KERAJAAN		34,545,000	36,451,364	34,545,000	36,451,364
PELUNASAN GERAN KERAJAAN	24	59,562,209	84,374,658	59,562,209	84,374,658
		94,107,209	**120,826,022**	**94,107,209**	**120,826,022**
HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN					
KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP DAN DIVIDEN		11,247,073	9,116,983	11,407,073	9,236,983
HASIL PELBAGAI	25	39,733,799	67,561,429	31,676,714	62,745,593
HASIL OPERASI	26	89,710,469	88,738,258	-	-
		140,691,341	**165,416,670**	**43,083,787**	**71,982,576**
JUMLAH PENDAPATAN		**234,798,550**	**286,242,692**	**137,190,996**	**192,808,598**
PERBELANJAAN					
EMOLUMEN		26,695,357	26,666,916	16,374,557	16,949,380
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		25,099,941	33,117,818	22,903,938	24,148,582
SUSUTNILAI	14,15,16	22,799,765	22,600,578	18,532,826	18,499,080
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	27	43,177,217	62,812,040	43,177,217	62,812,040
KOS JUALAN		24,779,314	33,216,228	-	-
HUTANG RAGU		625,702	386,150	587,964	386,150
HAPUSKIRA	28	73,336	2,090,026	73,336	2,090,026
BAYARAN PELBAGAI		37,999,857	35,856,003	5,675,834	12,841,744
JUMLAH PERBELANJAAN		**181,250,489**	**216,745,759**	**107,325,672**	**137,727,002**
LEBIHAN PENDAPATAN		**53,548,061**	**69,496,933**	**29,865,324**	**55,081,596**
KERUGIAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU		(4,627,297)	(3,143,284)	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		**48,920,764**	**66,353,649**	**29,865,324**	**55,081,596**
TOLAK : CUKAI	29	(5,361,702)	(5,925,178)	(2,737,698)	(2,497,676)
: ZAKAT		(185,209)	(630,080)	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		**43,373,853**	**59,798,391**	**27,127,626**	**52,583,920**
LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN		**858,840,230**	**799,120,719**	**808,039,076**	**753,180,232**
CAMPUR : PELARASAN TAHUN LEPAS	30	25,094,867	(78,880)	25,868,736	2,274,924
LEBIHAN PENDAPATAN DIHANTAR KE HADAPAN		**927,308,950**	**858,840,230**	**861,035,438**	**808,039,076**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

LEMBAGA	Akaun Rezab RM	Akaun Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Pendapatan Terkumpul RM	Jumlah Lembaga RM
Baki Pada 1 Januari 2018	2,610,876	25,367,975	900,000	753,180,232	782,059,083
Pelarasan Tahun Lepas	-	-	-	2,274,924	2,274,924
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai	-	-	-	52,583,920	52,583,920
Baki Pada 31 Disember 2018	**2,610,876**	**25,367,975**	**900,000**	**808,039,076**	**836,917,927**
Tambahan Dalam Tahun	-	3,075,572	-	-	3,075,572
Pelarasan Tahun Lepas	-	29,000,000	-	25,868,736	54,868,736
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai	-	-	-	27,127,626	27,127,626
Baki Pada 31 Disember 2019	**2,610,876**	**57,443,547**	**900,000**	**861,035,438**	**921,989,861**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN

	Akaun Rezab RM	Kumpulan Wang Pelaburan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Pendapatan Terkumpul RM	Jumlah Kumpulan RM
Baki Pada 1 Januari 2018	2,610,876	25,367,975	900,000	799,120,719	827,999,570
Pelarasan Tahun Lepas	-	-	-	(78,880)	(78,880)
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai	-	-	-	59,798,391	59,798,391
Baki Pada 31 Disember 2018	**2,610,876**	**25,367,975**	**900,000**	**858,840,230**	**887,719,081**
Tambahan Dalam Tahun	-	3,075,572	-	-	3,075,572
Pelarasan Tahun Lepas	-	29,000,000	-	25,094,867	54,094,867
Lebihan Pendapatan Selepas Cukai	-	-	-	43,373,853	43,373,853
Baki Pada 31 Disember 2019	**2,610,876**	**57,443,547**	**900,000**	**927,308,950**	**988,263,373**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN 2019 RM	KUMPULAN 2018 RM	LEMBAGA 2019 RM	LEMBAGA 2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	**48,920,764**	**66,353,649**	**29,865,324**	**55,081,596**
PELARASAN BAGI :	48,769,766	27,258,762	36,478,990	18,348,346
Susut nilai	22,799,765	22,600,578	18,532,826	18,499,080
Peruntukan Hutang Ragu	625,702	386,150	587,964	386,150
Pelarasan Tahun-Tahun Lepas	25,124,282	(78,880)	17,138,183	(4,881,543)
Keuntungan Pelupusan Harta, Loji dan Peralatan	15,243	6,255	15,243	-
Pemulihan Hutang Ragu	131,438	2,254,633	131,438	2,254,633
Hapuskira	73,336	2,090,026	73,336	2,090,026
LEBIHAN PENDAPATAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	**97,690,530**	**93,612,411**	**66,344,314**	**73,429,942**
(Pertambahan)/Pengurangan Pada Aset Kendalian :				
Inventori	(208,074)	(88,580)	87,939	70,542
Wang Cagaran dan Prabayar	570,778	211,120	3,583	9,269
Pelbagai Penghutang dan Pendahuluan	(9,087,401)	1,269,984	7,592,156	11,391,617
Penghutang Perniagaan	(268,204)	(592,273)	-	-
Terhutang daripada syarikat berkaitan	437	(29,172)	-	-
Pertambahan/(Pengurangan) Pada Liabiliti Kendalian :				
Pelbagai Pemiutang dan Terimaan Terdahulu	(8,008,559)	2,901,563	(2,942,259)	5,600,045
Pemiutang Perniagaan	(177,171)	(1,850,345)	-	-
Wang Cagaran dan Deposit Diterima	397,090	105,157	397,090	105,157
Perbelanjaan Teraku	(1,148,257)	8,257,405	(4,887,333)	4,921,276
Pendapatan Tertunda	(3,290,658)	(3,655,439)	(3,290,658)	(3,655,438)
Tunai Diperolehi Daripada Aktiviti Operasi	76,470,511	100,141,831	63,304,832	91,872,410
Cukai dibayar	(4,867,423)	(570,445)	(2,876,856)	(838,406)
TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	**71,603,088**	**99,571,386**	**60,427,976**	**91,034,004**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Dividen Dibayar	(1,500,000)	(2,300,000)	-	-
Pembelian Harta Loji dan Peralatan	(28,382,630)	(22,421,883)	(22,506,322)	(22,279,707)
Pelupusan Harta Loji dan Peralatan	328,953	6,854,987	328,953	2,771,438
Pembelian Hartanah Pelaburan	(2,830,589)	-	(2,830,589)	-
Pelupusan Hartanah Pelaburan	37,242	-	37,242	-
Penambahan aset hidup	(2,484)	(6,920)	(2,484)	(6,920)
Pelupusan aset hidup	1,471	2,752	1,471	2,752
Pertambahan /(Kurangan) Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan	(5,111,358)	17,296,771	(5,111,358)	17,296,771
Pelaburan Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen bagi Deposit Lebih Tempoh Matang 3 Bulan	(75,074,243)	(102,719,633)	(35,022,440)	(102,719,633)
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu, Syarikat Lain dan Saham Tak Siar Harga	27,043,889	3,758,536	4,825,001	500,000
TUNAI BERSIH YANG (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN	**(85,489,749)**	**(99,535,390)**	**(60,280,526)**	**(104,435,299)**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pemberian Kerajaan Persekutuan	86,364,905	54,145,009	86,364,905	54,145,009
Penggunaan Pemberian Kerajaan Persekutuan	(106,789,597)	(86,474,658)	(106,789,597)	(86,474,658)
Penambahan Bagi Pelaburan	32,075,574	-	32,075,574	-
TUNAI BERSIH YANG DIPEROLEHI DARI/ (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN	**11,650,882**	**(32,329,649)**	**11,650,882**	**(32,329,649)**
Pertambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	(2,235,779)	(32,293,653)	11,798,332	(45,730,944)
Tunai Dan Persamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	198,345,605	230,639,258	126,745,809	172,476,753
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	**196,109,826**	**198,345,605**	**138,544,141**	**126,745,809**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:				
Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen Bagi Deposit Dalam Tempoh Matang 3 Bulan			131,072,276	105,348,413
Tunai di Tangan dan di Bank			7,471,865	21,397,396
			138,544,141	**126,745,809**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

	AMAUN BAJET		BELANJA AMAUN SEBENAR	PERBEZAAN
	PERUNTUKAN ASAL RM	PERUNTUKAN DIPINDA RM	RM	RM
MENGURUS				
EMOLUMEN	18,410,200	18,410,200	16,061,632	2,348,568
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	8,389,800	8,389,800	8,226,439	163,361
ASET	7,700,000	7,700,000	7,347,696	352,304
BAYARAN-BAYARAN LAIN				
JUMLAH	34,500,000	34,500,000	31,635,767	2,864,233
PEMBANGUNAN			-	-
PERUNTUKAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)-P06	334,156,921	334,156,921	314,235,038	19,921,883
PERUNTUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)-P10	258,520,064	258,520,064	143,115,114	115,404,950
JUMLAH	592,676,985	592,676,985	457,350,152	135,326,833

Nota:

1. Penyata Prestasi Bajet Lembaga telah disediakan dengan menggunakan asas tunai.

2. Penyata Prestasi Bajet disediakan untuk tempoh mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019.

3. Skop bajet yang didedahkan meliputi Peruntukan Mengurus B10 dan Peruntukan Pembangunan P06 dan P10.

4. Bagi Peruntukan Mengurus, terdapat perbezaan amaun bajet berbanding belanja sebenar iaitu berjumlah RM2,864,233 yang terdiri daripada objek am Emolumen (RM2,348,568), objek am Pekhidmatan dan Bekalan (RM163,361) dan objek am Aset (RM352,304). Perbezaan ini disebabkan oleh Peruntukan Asal bagi butiran Emolumen adalah berdasarkan jumlah keseluruhan waran yang ada berbanding jumlah sebenar waran yang diisi bagi Belanja dan juga penjimatan bagi Elaun Lebih Masa. Terdapat juga penjimatan bagi objek am Pekhidmatan dan Bekalan dan Aset daripada Peruntukan Mengurus LADA. Bagi Peruntukan Pembangunan, perbezaan amaun bajet berbanding belanja sebenar iaitu RM135,326,833 disebabkan masih terdapat projek-projek yang dalam perlaksanaan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA MENGIKUT AKTA 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah ditubuhkan pada 15 Mac 1990 di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Akta 423.

Fungsi dan Peranan LADA adalah seperti berikut:

a) Pelancongan dan Kawasan Bebas Cukai
   i) Merangka strategi menyeluruh untuk pembangunan pelancongan, komersial dan perniagaan bebas cukai;
   ii) Bertindak sebagai penyelaras dengan merangka inisiatif dan mekanisme yang efektif;
   iii) Melaksana dan mengurus program dan projek pembangunan pelancongan; dan
   iv) Membangun dan memperkasakan infrastruktur dan pemudahcara pentadbiran serta sistem penyampaian.

b) Pelaburan
   i) Memupuk dan menggalak pelaburan swasta untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan melalui perancangan dan pengurusan strategik; dan
   ii) Melaksanakan sebahagian daripada tugas-tugas perancangan fizikal dan *spatial* untuk menggalakkan pelaburan swasta.

c) Sosioekonomi
   i) Mewujudkan, menggalakkan serta mengusahakan program pembangunan sosioekonomi;
   ii) Menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan; dan
   iii) Merancang, menyelaras serta melaksana program bagi penglibatan masyarakat di dalam sektor ekonomi.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Lembaga telah disediakan mengikut dan mematuhi Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Akta 423 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Asas penyediaan bagi iaitu anak syarikat adalah mematuhi kehendak Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah. Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan melainkan dinyatakan selainnya.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik Lembaga Pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Kumpulan dan Lembaga, perkara-perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara di mana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA MENGIKUT AKTA 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

2.1 Peralihan ke Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2019, Lembaga telah menerima pakai piawaian pelaporan perakaunan baru iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Tarikh peralihan kepada rangka kerja MPSAS adalah pada 1 Januari 2015.

Penggunaan MPSAS memerlukan semua piawaian digunapakai dalam penyediaan Penyata Kewangan tahun semasa yang berakhir pada 31 Disember 2019, penyata kewangan perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, dan baki awal Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPSAS. MPSAS memberikan tiga (3) tahun pengecualian terhadap penggunapakai retrospektif bagi sesetengah Piawaian.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi daripada MPSAS yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017, tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Lembaga kerana ianya adalah tidak berkenaan kepada Kumpulan dan Lembaga pada tempoh kewangan:

- MPSAS 4 "The effect of changes in foreign exchange rates
- MPSAS 5 "Borrowing costs"
- MPSAS 31 "Intangible assets"
- MPSAS 32 "Service Concession Arrangements : Grantor".

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut dasar kos sejarah kecuali aset-aset dinyatakan pada nilai penilaian semula. Dasar-dasar penting perakaunan yang dibentangkan seperti berikut:

a) Penyatuan

Penyata Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Kewangan Lembaga dan semua anak syarikatnya. Anak-anak syarikat adalah entiti yang dikawal oleh Lembaga. Kawalan wujud apabila Lembaga mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti. Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan dalam Penyata Kewangan Lembaga pada kos ditolak kerugian penurunan nilai, jika ada.

Keputusan anak-anak syarikat telah dimasukkan di dalam Penyata Kewangan yang disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan hingga tarikh penamatan kawalan. Penyata Kewangan yang disatukan disedia menggunakan dasar perakaunan yang sama bagi urusniaga dan peristiwa yang berlaku dalam keadaan yang sama. Baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya pada penyatuan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua item hartanah, loji dan peralatan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu hartanah. loji dan peralatan hanya diiktiraf sebagai aset jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan MPSAS 17 -Hartanah, Loji dan Peralatan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul kecuali tanah hakmilik bebas. Sekiranya aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, maka kos aset akan diukur melalui nilai saksama pada tarikh perolehan aset.

Aset Lembaga dengan nilai kos berjumlah RM2,000.00 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi aset bernilai rendah (kurang dari RM2,000.00) akan di caj sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 2.1 iaitu Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

Tanah hakmilik bebas dan aset masih dalam pembinaan tidak disusutnilai. Hartanah, Loji dan Peralatan lain disusutnilaikan mengikut asas garis lurus bagi menghapus kira kos aset atau nilai penilaian semula kepada nilai sisa ke atas tempoh anggaran hayat diringkaskan seperti berikut:

	kadar (%)
Bangunan tetap	2
Bangunan sementara	10
Bangunan rumah kos rendah	10
Bangunan rumah kos sederhana	5
Projek kemudahan awam	
- Ketara dan mempunyai hakmilik	10
- Ketara tanpa hakmilik	100
Infrastruktur	2
Tanah pajakan	Tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	20
Perabot dan kelengkapan	20
Alatan pejabat	20
Komputer	20
Ubahsuai	20
Aset lain	20

Nilai sisa dan tempoh hayat aset akan dikaji dan diubah, jika penting, pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan atau persaraan, ditentukan melalui perbandingan kutipan bersih daripada pelupusan, jika ada, dengan jumlah dibawa diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Susutnilai mula semasa aset sedia untuk digunakan.

c) Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan, terutamanya merangkumi hartanah yang dipegang sama ada untuk memperolehi hasil sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya, untuk hasil sewa jangka panjang dan tidak diduduki oleh Kumpulan. Hartanah Pelaburan dinyatakan pada nilai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada, kecuali tanah hakmilik bebas.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

d) Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Bersekutu dan lain-lain Syarikat

Syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting dan bukan merupakan anak syarikat atau kepentingan di dalam entiti yang dikawal bersama. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilaburkan tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan di dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat dinyatakan dalam Penyata Kewangan Syarikat pada kos ditolak kerugian penurunan nilai, jika ada. Pelaburan di dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat diambilkira dalam Penyata Kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti berasaskan kepada Penyata Kewangan terkini syarikat bersekutu berkenaan, dari tarikh pengaruh penting bermula sehingga ke tarikh pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu tersebut tamat.

Pelaburan di dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat di dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang disatukan pada mulanya diiktiraf pada kos dan selepas itu dilaraskan dengan perubahan bahagian Kumpulan dalam aset bersih pelaburan tersebut selepas pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu dan lain-lain syarikat, jumlah dibawa kepentingan tersebut dikurangkan kepada sifar dan Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya kecuali jika ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihaknya. Keuntungan belum realisasi yang wujud daripada urusniaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu/lain-lain syarikat yang termasuk di dalam nilai aset dan tanggungan berkaitan yang dibawa, sebahagiannya adalah dihapuskan mengikut kadar kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian belum direalisasi daripada urusniaga sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

Pelaburan di dalam syarikat bersekutu diambilkira apabila kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilaburkan 30% hingga kurang daripada 100%. Manakala pelaburan di dalam lain-lain syarikat diambilkira apabila kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi syarikat yang dilaburkan kurang daripada 30%.

e) Kerja Dalam Perlaksanaan

Kerja Dalam Perlaksanaan terdiri daripada kos berkaitan dengan pengambilalihan tanah dan semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau kos yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut. Kerja Dalam Perlaksanaan diambil kira sebagai siap apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

Kos Kerja Dalam Perlaksanaan yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai kos apabila ianya telah siap sepenuhnya.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

f) Pelaburan Lain

Pelaburan lain bukan semasa dinyatakan pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada. Pelaburan-pelaburan semasa merangkumi deposit jangka pendek yang melebihi tiga (3) bulan.

g) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai direalisasi bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk dahulu keluar dahulu. Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan biasa, ditolak semua anggaran kos penyiapan dan perbelanjaan pemasaran, jualan dan pengedaran.

h) Instrumen Kewangan - Aset kewangan

i. Pengiktirafan asal dan peruntukan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila Kumpulan dan Lembaga menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Pada pengiktirafan asal, aset kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya harga urusniaga, dicampur kos urusniaga jika aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui lebihan dan defisit.

Bagi instrumen diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi dikira sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila berlaku. Bagi pinjaman antara Kumpulan dan pendahuluan, dan perjanjian kontrak yang lain, yang merupakan transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa bayaran dikurangkan pada kadar faedah pasaran bagi instrumen hutang yang sama pada masa depan.

ii. Pengelasan aset kewangan

Kumpulan dan Lembaga menentukan klasifikasi aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk:

- Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi;
- Pinjaman dan belum terima;
- Aset pelaburan yang dipegang hingga matang;
- Aset kewangan sedia dijual.

iii. Pengukuran berikutnya aset kewangan

Bagi tujuan pengukuran berikutnya, Kumpulan dan Lembaga mengklasifikasikan aset kewangan kepada klasifikasi masing-masing.

a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi

Aset kewangan diklasifikasi sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ianya dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan asal. Aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif termasuk derivatif terbenam berasingan atau aset kewangan diperolehi untuk tujuan pada masa terdekat.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

h) Instrumen Kewangan - Aset kewangan

iii. Pengukuran berikutnya aset kewangan

a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi (sambungan)

Selepas pengiktirafan asal, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian.

b) Pinjaman dan belum terima

- Penghutang

Penghutang (Akaun Belum Terima) terdiri daripada urusniaga pertukaran dan bukan pertukaran. Penghutang jangka masa pendek adalah terdiri daripada pelbagai penghutang seperti pendahuluan pegawai, pendapatan faedah terakru dan sebagainya. Selain itu, penghutang jangka masa panjang adalah merupakan pinjaman yang ditawarkan kepada kakitangan bagi pinjaman kenderaan dan komputer serta telefon pintar.

Pinjaman yang ditawarkan dikenakan bayaran perkhidmatan 4% setahun atas baki yang belum diselesaikan dan bayaran perkhidmatan 10% ke atas ansuran yang tertunggak. Selain itu, bayaran perkhidmatan tidak akan dikenakan ke atas baki pinjaman peminjam yang telah meninggal dunia merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 9.1 dan 9.2.

Walau bagaimanapun, bagi baki jumlah pinjaman yang tidak dapat diselesaikan peruntukan hutang ragu akan dikenakan berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama yang berusia melebihi setahun dan belum dapat dipungut. Setelah usaha berterusan diadakan dan tiada bayaran, hutang lapuk akan dikenalpasti dan hapus kira akan dibuat terhadap jumlah hutang tersebut.

Bagi syarikat subsidiari pula, elaun hutang ragu spesifik dibuat untuk hutang yang telah dipertimbangkan dan dijangka tidak akan dipungut. Jumlah hutang yang dapat dipungut balik akan dikreditkan ke dalam pendapatan Lembaga.

c) Aset pelaburan yang dipegang hingga matang

Aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

h) Instrumen Kewangan - Aset kewangan

iii. Pengukuran berikutnya aset kewangan

c) Aset pelaburan yang dipegang hingga matang (sambungan)

Selepas pengiktirafan asal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos di lunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung rugi bila pelaburan dipegang hingga matang di nyah-iktiraf atau dijejaskan dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan dipegang hingga matang di klasifikasi sebagai aset bukan semasa, kecuali pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang di klasifikasi sebagai semasa.

Aset kewangan akan di nyah-iktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Apabila suatu aset kewangan di nyah-iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jualan atau belian cara biasa adalah jualan atau belian aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua jualan dan belian cara biasa aset kewangan diiktiraf atau di nyah-iktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh di mana Kumpulan dan Lembaga memberi komitmen untuk menjual atau membeli aset tersebut.

d) Aset kewangan sedia dijual

Aset Kewangan sedia dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Selepas taksiran asal, aset kewangan sedia dijual kan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan di nyah-iktiraf. Nyah-iktiraf ini dibuat melalui lebihan atau defisit.

iv. Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya di nyah-iktiraf apabila, dan apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada nyah-iktiraf aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya di nyah-iktiraf apabila dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada pengiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

h) Instrumen Kewangan - Aset kewangan (sambungan)

v. Rosot nilai untuk aset kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran asal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

- Aset kewangan dibawa pada kos pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Lembaga mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa hadapan yang dianggarkan di diskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawaan aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya di hapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

- Aset kewangan sedia dijual

'Signifikan' bermaksud bandingan kepada kos asal manakala 'berpanjangan' bermaksud bandingan kepada kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual di rosot nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebihan atau defisit, di pindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebihan atau defisit.

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai sedia untuk dijual, semakan rosot nilai menggunakan asas yang sama dengan kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, amaun yang dinyatakan untuk rosot nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan di antara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebihan atau defisit.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

i) Instrumen Kewangan - Liabiliti kewangan

i. Pengiktirafan asal dan peruntukan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan seperti terkandung di dalam perjanjian kontrak yang diikat dan didefinisikan sebagai suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan di dalam skop MPSAS 29, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, hanya bila, Kumpulan dan Lembaga menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai:

- Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, atau
- Liabiliti kewangan lain.

Liabiliti kewangan Kumpulan termasuk pemiutang perdagangan, lain-lain pemiutang, overdraf bank, pinjaman, pembiayaan dan kontrak jaminan kewangan.

ii. Penilaian berikutnya liabiliti kewangan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Lembaga yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya di nyata pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

b) Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan Kumpulan dan Lembaga termasuk pemiutang dagangan, lain-lain pemiutang dan pinjaman dan pembiayaan. Pemiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos di lunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga dan seterusnya diukur pada kos di lunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman di klasifikasi sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

iii. Penilaian berikutnya liabiliti kewangan

b) Liabiliti kewangan lain (sambungan)

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti tersebut di-nyah-iktiraf dan menerusi proses pelunasan.

iv. Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan di nyah-iktiraf apabila obligasi telah di pisah keluar, di batal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terima liabiliti sedia ada di modifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan di kaedahkan sebagai penyahiktiraf liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

v. Hapus silang (Offsetting) instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di hapus silang nilai bersih dilaporkan di penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

Hutang lapuk dihapuskira dalam tempoh ia dikenal pasti. Satu anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan semula semua jumlah tertunggak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Peruntukan Hutang Ragu akan dibuat untuk hutang-hutang yang dikenalpasti mengikut kategori berikut:

(a) Penyewa Aktif

Peruntukan Hutang Ragu akan diperuntuk ke atas semua tunggakan berumur satu (1) tahun dan ke atas.

(b) Penyewa Tak Aktif

Peruntukan Hutang Ragu akan diperuntuk ke atas semua tunggakan sekiranya tiada apa-apa bayaran diterima dalam tempoh enam (6) bulan selepas sewaan ditamatkan.

(c) Lain-lain Penghutang

Peruntukan Hutang Ragu akan diperuntuk ke atas semua tunggakan satu (1) tahun dan ke atas.

(d) Penjualan

Tiada peruntukan dibuat keatas tunggakan hutang penjualan rumah Taman Nilam kerana pindah milik dan penyerahan kunci hanya dibuat selepas pembeli menjelaskan semua tunggakan yang ada.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

j) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai merangkumi baki tunai dalam tangan dan bank dan deposit jangka pendek iaitu tiga (3) bulan dan kurang. Tunai dan Kesetaraan Tunai berkecairan tinggi serta mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak penting.

k) Pajakan Kewangan dan Operasi

Kumpulan dan Lembaga mengiktiraf pajakan apabila terdapat perjanjian, sama ada secara nyata sebagai pajakan atau sebaliknya, di mana pihak pemberi pajak memindahkan kepada penerima pajak sebagai balasan bagi pembayaran atau ansuran pembayaran bagi menentukan hak untuk menggunakan aset bagi tempoh yang dipersetujui Sesuatu pajakan akan di klasifikasi sebagai pajakan kewangan apabila ianya memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan tersebut. Hakmilik mungkin atau mungkin tidak akan dipindahkan. Lain-lain pajakan yang tidak memenuhi kriteria ini akan di klasifikasi sebagai pajakan operasi.

i. Akaun pajakan

Kumpulan dan Lembaga mempermodalkan aset pajakan dan liabiliti pajakan yang berkaitan di dalam pajakan kewangan. Amaun diiktiraf pada tarikh permulaan ialah nilai saksama aset pajakan atau, sekiranya lebih rendah, nilai semasa bagi pembayaran minima pajakan, yang setiap nya ditentukan pada permulaan pajakan. Kadar diskaun yang digunakan di dalam pengiraan nilai semasa bagi pembayaran minima pajakan ialah kadar faedah yang tersirat kepada pajakan, sekiranya ianya dapat ditentukan, sekiranya tidak, kadar peningkatan pinjaman penerima pajakan ajan digunakan. Sebarang kos langsung pajakan permulaan akan ditambah ke dalam amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Pembayaran minima pajakan akan dikelaskan di antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti belum dibayar. Caj kewangan diperuntukkan kepada setiap tempoh semasa sepanjang tempoh pajakan bagi menghasilkan kadar faedah yang berkala terhadap baki liabiliti. Sewa kontinjen di caj sebagai perbelanjaan di dalam tempoh ianya terjadi.

Pajakan aset yang dipermodalkan di klasifikasi berdasarkan sifatnya dan diakaunkan menurut piawaian berkaitan di dalam MPSAS. Sekiranya tiada kepastian yang munasabah bahawa penerima pajakan akan menerima hak pada penghujung tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai sepanjang tempoh pajakan atau hayat berguna; yang mana lebih pendek.

ii. Pajakan operasi

Kumpulan dan Lembaga tidak mempermodalkan aset pajakan dan liabiliti pajakan di dalam pajakan operasi. Sebaliknya, pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan berdasarkan asas kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan melainkan terdapat asas lain yang lebih sistematik yang lebih mewakili corak masa kepada manfaat pengguna.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

k) Pajakan Kewangan dan Operasi (sambungan)

iii. Pajakan tanah dan bangunan

Bagi pajakan yang mempunyai elemen tanah dan bangunan, Kumpulan dan Lembaga mengenalpasti klasifikasi bagi setiap elemen sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi secara berasingan. Pembayaran minimum pembayaran (termasuk pembayaran pendahuluan secara sekaligus) adalah diperuntukkan di antara elemen tanah dan bangunan secara pembahagian kepada nilai semasa berkaitan faedah pajakan di dalam elemen tanah dan bangunan pajakan pada permulaan pajakan.

Sekiranya sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan dengan pemilikan telah dipindahkan kepada penerima pajak, tanah dan bangunan pajakan adalah diiktiraf sebagai pajakan kewangan dan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Pajakan jangka pendek bagi tanah dan bangunan dianggap sebagai pajakan operasi dan aset pajakan yang terlibat tidak akan dipermodalkan. Sebarang pembayaran pendahuluan akan di klasifikasi sebagai pembayaran pajakan terdahulu, iaitu aset tidak ketara dalam sifat sebagai hak bagi kebolehgunaan aset.

l) Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Lembaga mempunyai tanggungjawab semasa yang berikutan daripada peristiwa-peristiwa terdahulu dan bila kemungkinan bahawa sumber-sumber aliran keluar adalah diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan. Peruntukan-peruntukan diiktiraf berdasarkan jumlah anggaran yang boleh diandaikan.

m) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan dan Lembaga akan mematuhi semua syarat yang ditetapkan. Geran Kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan dikenalpasti sebagai pendapatan dalam Penyata Prestasi Kewangan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik pada tempoh yang diperlukan bagi menyesuaikan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dijangkakan untuk dibayar.

Geran Kerajaan berkaitan dengan aset dimasukkan dalam liabiliti sebagai Geran Kerajaan dan dikreditkan kepada Penyata Prestasi Kewangan berasaskan kepada amaun aset yang diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan (MPSAS 23).

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

n) Pengiktirafan Hasil

i) Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran daripada Geran Kerajaan yang diukur pada nilai saksama dan diiktiraf apabila memperoleh Geran Kerajaan yang telah disalurkan melalui Dana Mengurus bagi tujuan menjalankan perbelanjaan operasi dalam tempoh kewangan. Pelunasan Geran bagi Geran Pembangunan dan Geran Projek Blueprint Langkawi hanya dilunaskan apabila projek telah siap sepenuhnya. Projek yang diiktiraf sebagai aset, Geran Kerajaan akan dilunaskan mengikut nilai kos aset pada tahun pengiktirafan aset tersebut.

ii) Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila risiko dan ganjaran penting pemilikan telah dipindahkan kepada pembeli. Hasil dikira pada nilai saksama bagi pembayaran yang diterima atau boleh diterima, jumlah bersih, diskaun dagangan dan cukai berlaku untuk hasil.

Hasil daripada pelaksanaan perkhidmatan diiktiraf berasaskan kaedah peratusan penyiapan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.

Pendapatan royalti, yuran lesen dan pendapatan sewa hartanah diiktiraf berasaskan akruan sesuai dengan substansi perjanjian.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak para pemegang saham untuk menerima pembayaran ditentukan.

o) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai mengandungi cukai semasa dan tertunda. Perbelanjaan cukai semasa dan tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan kecuali ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam kes di mana ia diiktiraf dalam ekuiti.

Liabiliti cukai semasa adalah jangkaan cukai boleh dibayar ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk tahun kewangan berkenaan, menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan sebarang pelarasan pada cukai yang boleh dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

o) Cukai Pendapatan (sambungan)

Cukai Tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti yang menyediakan perbezaan sementara antara jumlah aset dan liabiliti dibawa untuk tujuan laporan serta jumlah digunakan untuk tujuan pencukaian pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Liabiliti Cukai Tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai. Cukai Tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukannya kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada urusniaga atau keuntungan yang boleh dikenakan cukai (kerugian cukai).

Cukai Tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia ditimbal balik berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal sebahagiannya menerusi tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Aset Cukai Tertunda diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa hadapan yang dikenakan cukai boleh didapati daripada perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset Cukai Tertunda disemak pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan hingga tiada kemungkinan faedah cukai berkaitan akan dicapai.

p) Manfaat - manfaat Pekerja yang berumur 50 tahun dan ke atas

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus, elaun, cuti tahunan berbayar, cuti sakit dan penyumbangan untuk keselamatan sosial diikitiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan semasa apabila perkhidmatan berkenaan telah diberikan oleh para pekerja.

(ii) Skim Penyumbangan Tetap

Mengikut kehendak undang-undang di Malaysia memberikan sumbangan kepada skim persaraan negara iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pembayaran sumbangan tetap tersebut akan diiktiraf sebagai belanja dalam tahun kewangan semasa yang berkaitan. Apabila sumbangan tetap tersebut telah dilaksanakan, Lembaga tidak lagi mempunyai sebarang obligasi di masa depan.

(iii) Manfaat Pemberhentian Pekerja

Kumpulan dan Lembaga membayar manfaat pemberhentian untuk kes-kes pemberhentian pekerja. Manfaat-manfaat pemberhentian diiktiraf sebagai liabiliti dan belanja apabila Lembaga mempunyai pelan formal yang terperinci untuk pemberhentian dan tanpa kebarangkalian pengeluaran yang realistik.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

q) Rosot nilai Aset Bukan Kewangan

Kerugian rosot nilai timbul apabila amaun dibawa aset Kumpulan dan Lembaga melebihi amaun boleh pulih.

Pada setiap tarikh pelaporan, kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut. Kumpulan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosot nilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai dan kemudian kepada aset bukan semasa lain unit prorata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dengan serta merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penjanaan tunai dan sifar.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosot nilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang ditentukan, ditolak susut nilai, jika tidak kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosot nilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

r) Kontingensi

Satu liabiliti atau aset kontinjen adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Liabiliti dan aset kontinjen tidak diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

s) Pihak-pihak berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai individu atau entiti yang mempunyai kebolehan untuk mengawal secara individu atau bersama, atau mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas Kumpulan, atau sebaliknya. Ahli pengurusan utama di anggap sebagai pihak berkaitan kepada Kumpulan dan Lembaga.

t) Pengukuran Nilai Saksama

Nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, kecuali untuk pembayaran-berdasarkan saham dan transaksi pajakan, ditentukan berdasarkan harga yang mungkin diterima untuk menjual sesuatu aset atau membayar untuk memindahkan liabiliti di dalam sesuatu transaksi di antara pihak pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawasanya transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di dalam pasaran utama atau di dalam ketidakwujudan pasaran utama, di dalam pasaran yang paling berfaedah.

Untuk aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan sesuatu pihak pasaran untuk menghasilkan faedah-faedah ekonomi dengan menggunakan aset di dalam penggunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada pihak pasaran yang lain yang akan menggunakan aset dengan penggunaan tertinggi dan terbaik.

